

## **Jurnal Pengurusan JAWHAR**

Vol. 7, No. 2, 2013

### **LEMBAGA EDITOR**

#### **Penasihat**

Datuk Hj. Anan C. Mohd

*Ketua Pengarah,*

*Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*

*Jabatan Perdana Menteri*

#### **Ketua Editor**

Tn. Hj. Mu'az Hj. Zawawi

*Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR*

#### **Sidang Editor**

En. Mohd Bakri Ibrahim

En. Abdul Hakim Abdul Rauf

Pn. Norlizah Mainoordin

Pn. Rohaizah Mohd Rojulan

## Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 7, No. 2, 2013

### KANDUNGAN

<b>Kata-kata Ketua Editor</b>	<b>3</b>
<b>1. Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam</b> Abdul Rahman bin Talib	<b>5</b>
<b>2. Penentuan Zakat Perniagaan Di Kalangan Usahawan Di Malaysia</b> Mohamad Noor Sahidi bin Johari	<b>17</b>
<b>3. Kadar Agihan Zakat Amil Berdasarkan Mazhab Empat dan Maqasid Syariah</b> Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin & Mahadi bin Mohammad	<b>39</b>
<b>4. Kefahaman Masyarakat Umum Tentang Golongan Yang Berhak Menerima Wang Zakat: Siapa Yang Layak</b> Dr. Rosbi binti Abd. Rahman	<b>57</b>
<b>5. Zakat: A Catalyst In Promoting Ummah's Development: A Malaysian Experience</b> Tn. Hj. Mohd Rais bin Hj. Alias	<b>65</b>
<b>6. Persepsi Pengguna Laman Web LZS Terhadap Pembayaran Zakat Secara Atas Talian</b> Khadijah binti Muda, Dr. Mohd Daud bin Awang, Dr. Husniyah Abdul Rahim bin Abdul Wahab & Dayang Shobihah binti Abang Abai	<b>111</b>
<b>7. Peranan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Murtad Di Kalangan Muallaf Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal</b> Mohd Mahyeddin bin Mohd Salleh, Nisar Mohammad bin Ahmad & Azman bin Ab. Rahman	<b>141</b>
<b>8. Dana Zakat Sebagai Akses Menunaikan Haji: Analisa Pandangan Sarjana Islam</b> Azman bin Abd. Rahman, Hussein Azeemi bin Abdullah Thaidi & Muhammad Firdaus bin Ab. Rahman	<b>157</b>

## KATA-KATA KETUA EDITOR

Pertama sekali, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR ini. Penerbitan jurnal ini adalah keluaran khas sempena Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan bagi tahun 2013 yang dianjurkan oleh JAWHAR dan merupakan sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan JAWHAR ini mengandungi lapan (8) penulisan terpilih yang mengupas pelbagai sudut kajian berkaitan institusi zakat.

Artikel pertama yang ditulis oleh Abdul Rahman Talib memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam urusan pengurusan kutipan dan agihan zakat mengikut tuntutan syarak. Artikel Kedua pula merupakan kajian yang di jalankan oleh Mohamad Noor Sahidi Johari. Kajian yang dijalankan berdasarkan data sekunder iaitu data yang diperolehi melalui kajian literatur daripada buku-buku rujukan, majalah dan bahan rujukan yang lain yang mana ianya dapat membantu pihak berkuasa dalam mengenal pasti permasalahan atau isu-isu zakat perniagaan dikalangan usahawan disamping memberikan idea-idea dan cadangan bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi. Artikel seterusnya merupakan kertas kerja yang ditulis oleh Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Mahadi Mohammad. Kertas kerja ini membandingkan pendapat-pendapat daripada Mazhab Empat bagi melihat kadar agihan zakat sebenar untuk amil. Hasil daripada kertas kerja ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dipraktikkan di Malaysia tidak mempunyai sandaran yang kukuh daripada mana-mana mazhab empat serta bertentangan dengan *maqasid syariah*. Artikel keempat membicarakan tentang kefahaman masyarakat terhadap siapakah mereka yang berhak menerima agihan zakat dan kekeliruan di kalangan umum tentang siapakah asnaf yang sebenarnya layak menerima agihan zakat. Dalam konteks ini, penulis iaitu Dr. Rosbi Abd. Rahman cuba memberi maklumat dan penerangan yang lengkap tentang isu tersebut agar salah tanggapan dan kekeliruan ini dapat diatasi.

Artikel kelima yang ditulis oleh Tn.Hj. Mohd Rais Hj. Alias banyak menyentuh tentang sumbangan zakat dalam membangunkan

Ummah selari dengan peredaran masa dan pembangunan ekonomi. Seterusnya artikel hasil Kajian Khadijah Muda, Dr. Mohd Daud Awang, Dr. Husniyah Abdul Rahim dan Dayang Shobihah Abang Abai. Artikel ini akan mengupas tentang persepsi pengguna Laman Web LZS terhadap pembayaran zakat secara atas talian selari dengan kecangihan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini. Kertas Kerja yang ditulis oleh Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman merupakan artikel yang ketujuh dimana kertas kerja ini bertujuan meneliti secara lebih mendalam tentang peranan zakat dan keberkesanannya agihannya kepada Muallaf di Malaysia dan melihat peranan zakat dalam mengatasi masalah murtad di kalangan Muallaf pada masa kini. Artikel terakhir yang merupakan artikel yang kelapan merupakan hasil kajian Azman Ab. Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi dan Muhammad Firdaus Ab. Rahman. Kajian yang merungkaikan persoalan hukum berkenaan penggunaan dana zakat bagi membiayai urusan menunaikan ibadat haji menurut pandangan ulama silam dan kontemporari. Kajian ini turut melihat syarat-syarat atau garis panduan yang diletakkan oleh syarak bagi seseorang itu menerima bantuan zakat bagi tujuan menunaikan haji.

Kesemua penulisan yang terkandung di dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberikan impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pengurusan amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T. juga hendaknya.

# KONSEP AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAT MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Oleh:

*Abdul Rahman bin Talib, PKC<sup>1</sup>*

## ABSTRAK

*Ibadah zakat adalah merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan. Bagi memastikan ibadah zakat ditunaikan dengan sempurna menurut tuntutan Syarak sebagaimana ketetapan oleh Allah dan Rasul-Nya maka ia perlu dilaksanakan dengan sempurna. Pelaksanaan ini ialah dalam urusan kutipan dan agihan zakat. Dalam urusan agihan zakat ia harus dilaksanakan secara Individu atau diserahkan kepada Imam ( Pemerintah ) untuk diberikan kepada golongan asnaf. Di Malaysia urusan pengurusan kutipan dan agihan zakat telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Agama Islam Negeri.*

Perkataan Teras : kutipan zakat, agihan zakat, asnaf

Klasifikasi JEL : Z12, I38, R10, H30

---

<sup>1</sup>Penolong Pegawai Zakat Kanan (Pembangunan Asnaf), MUIP

## 1. Pendahuluan

Islam adalah agama yang memberikan rahmat kepada sekalian alam terutama kepada kehidupan manusia. Hal ini sesuai dengan maksud perutusan Baginda Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam. Bagi memastikan kehidupan manusia di dunia ini senantiasa berada dalam rahmatNya maka Allah SWT telah menfardhukan zakat sebagai salah satu daripada rukun Islam yang menjadi teras kepada kesejahteraan dan rahmat kepada manusia.

Kepentingan menunaikan zakat adalah sama dengan tuntutan kefardhuan ibadah sembahyang seperti Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 277 yang bermaksud :

*“Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh serta mengerjakan solat dan mengeluarkan zakat.”*

Allah SWT menjadi kehidupan manusia dengan pelbagai bentuk ketentuan bagi tujuan melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa maka terdapat di kalangan manusia yang mempunyai penghidupan yang baik dengan dikurniakan kesenangan dan kekayaan dan terdapat juga yang dikurniakan kehidupan sebagai seorang yang fakir dan miskin sebagai suatu ujian daripada Allah SWT terhadadap hambaNya.

Tuntutan menunaikan zakat ini mempunyai tujuan dan hikmah yang tertentu bagi melestarikan kehidupan manusia sebagai penghidupan yang hormani dan sejahtera. Pelaksanaan ibadah zakat ini memberikan impak kepada semua organisme dalam kehidupan manusia sebagai sebuah masyarakat dan ummah. Ia memberikan kesan positif bukan sahaja kepada golongan kaya dan miskin malah semua anggota masyarakat akan merasai limpahan

rahmat daripada ibadah zakat secara tidak langsung. Ibadah zakat melahirkan sifat kasih sayang, tolong menolong, semangat persaudaraan seagama, pemurah, simpati, berdikari, syukur dan sebagainya. Di samping itu, ia juga adalah wadah unggul yang terbaik bagi membasmi kemiskinan dan menjana kemajuan ekonomi umat Islam melalui penglibatan golongan asnaf dalam bidang pengekonomian. Begitu juga ia sebagai motivasi kepada pembayar zakat untuk berjaya dalam bidang keusahawanan bagi memastikan ibadah zakat dapat dilaksanakan setiap tahun. Sebagai umat Islam yang beriman dan bertaqwa maka mencari keredhaan dan keberkatan Allah SWT dalam harta yang dimiliki adalah merupakan matlamat dan hala tuju yang perlu digarap dalam kehidupan sebagai ibadah untuk kehidupan dunia dan akhirat.

Bagi mencapai maksud rahmat kepada sekalian alam ini daripada limpahan rahmat ibadah zakat maka Allah SWT telah mewajibkan zakat dipunggut di kalangan orang kaya dan diagihkan kepada golongan fakir dan miskin serta lain-lain asnaf. Sabda Rasulullah SAW kepada Muaz bin Jabal yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah telah menfardhukan ke atas mereka zakat pada harta-harta mereka, diambil daripada orang kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada fakir di kalangan mereka.”*

Oleh yang demikian maka pelaksanaan zakat mengandungi 2 elemen penting dalam memastikan ibadah zakat memberikan rahmat kepada kehidupan manusia iaitu kutipan dan agihan zakat. Kecekapan dan ketelusan dalam kutipan dan agihan zakat adalah sesuatu yang mempunyai kepentingan secara bersama yang tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya sama penting dalam memastikan kelestarian hidup yang sejahtera.

## 2. Konsep Kutipan Zakat

Melaksanakan kutipan zakat adalah sesuatu yang penting dalam memastikan zakat dapat dilaksanakan dengan sempurna. Malah elemen kutipan adalah termasuk dalam perintah Allah SWT sebagaimana dalam Surah At-Taubah ayat 60, yang telah memperuntukkan bahagian atau hak amil dalam harta zakat dikutip. Ini menunjukkan bahawa zakat itu perlu dikutip oleh amil yang diberikan tanggungjawab oleh pihak Imam atau pemerintah.

Di zaman Rasulullah SAW, tugas kutipan zakat diserahkan kepada amil yang dilantik oleh Baginda. Antara para Sahabat yang dilantik oleh Rasulullah SAW sebagai pegawai pengutip zakat atau amil ialah Abu Musa al-Ashari, Umar Ibn al-Lutaybah, Muaz bin Jabbal, Malik bin Nuwairah dan lain-lain lagi. Amalan melantik pengutip zakat yang dikenali sebagai *al-sa'ie, musaddiq* dan amil ini telah menjadi tanggungjawab dan kewajipan pihak pemerintah selepas Rasulullah SAW pada zaman Khalifah Al-Rasyidin sehingga ke hari ini. Imam Shafi'i telah menamakan jawatan amil ini sebagai *Wali Idarah Amwal al-Zakah*.

Pada hari ini kuasa bagi mengutip dan mengagihkan zakat telah diberikan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri. Kuasa ini selaras peruntukan di dalam Perlembangan Persekutuan.

Zakat yang telah difardhukan itu hendaklah dikutip oleh pihak berkuasa seperti Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 103 yang bermaksud:

*"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat supaya engannya membersihkan dan menyucikan (daripada dosa dan akhlak yang buruk)."*

### 3. Pengagihan Zakat

Apabila zakat telah ditunaikan, dikutip dan dikumpulkan ia hendaklah diagihkan kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya.

#### 3.1. Golongan Yang Berhak

Golongan yang berhak menerima zakat telah dinamakan dalam Al-Quran sebagaimana Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekaan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

Ayat tersebut di atas secara satu persatu dengan amat jelas menyatakan golongan yang berhak menerima dan kepada merekalah zakat diagihkan. Bagaimanapun, ulama telah berbeza pendapat dalam menentukan kadar dan pelaksanaannya, begitu juga dalam memberi tafsiran kepada golongan tersebut.

Pihak berkuasa dalam hukum syarak di Negara ini dan Negeri Pahang khususnya perlu memberi tafsiran yang lebih luas kepada beberapa golongan penerima zakat seperti golongan hamba, golongan muallaf dan golongan yang berhutang dan jika boleh diseragamkan tafsiran supaya tidak timbul kekeliruan dan pengabaian.

### **3.2. Prinsip Agihan**

#### **3.2.1. Adil dan Saksama**

Pengagihan secara adil dan saksama adalah penting dalam memastikan setiap asnaf mendapat haknya daripada harta zakat. Adil yang dimaksudkan adalah setiap golongan yang berhak menerima zakat di kalangan mereka tidak diabaikan iaitu dengan memberikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya. Yang dimaksudkan dengan saksama iaitu kadar atau kuantiti yang diagihkan dapat mencapai matlamat dan tujuan pengagihan zakat (Abd Monir, 2011).

Prinsip adil ini hendaklah berdasarkan kepada keutamaan terhadap asnaf yang layak menerima zakat sebagaimana ketetapan Syarak. Iaitu memberikan keutamaan kepada asnaf yang terawal yang dinyatakan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah At-Taubah ayat 60, iaitu memberikan kepada golongan yang termasuk dalam “*Lam Tamlik*” iaitu fakir, miskin, amil dan muallaf dan diikuti oleh asnaf riqab, gharimin, Ibn Sabil dan Fi Sabilillah. Adil ini juga merangkumi pembahagian secara menyeluruh kepada semua asnaf. Namun ini tidak bermaksud mesti sama rata atau sama banyak dalam jumlah kuantiti agihan. Sesetengah Fuqaha berpendapat Amil adalah merupakan asnaf yang paling utama mendapat agihan zakat kerana hak mereka adalah berdasarkan kepada ganjaran manakala lain-lain asnaf adalah berdasarkan kepada hak belas kasihan.

Saksama dalam agihan juga bermaksud mengagihan zakat secara cermat, tepat, jujur dan teliti. Oleh itu, zakat perlu diagihkan secara bijaksana agar ia diberikan kepada asnaf mengikut kesuaian dan keperluan sebenar asnaf tanpa membazir atau menahan harta zakat daripada diagihkan.

Manakala tepat ialah memberikan zakat hanya kepada orang yang layak menurut Syarak tanpa dipengaruhi oleh unsur penyelewengan dan pilih kasih. Jujur pula ialah memberikan hak harta zakat secara telus kepada asnaf dan menetapkan niat mencari keredhaan Allah SWT. Sifat teliti pula ialah tidak membuat keputusan sewenang-wenangnya dalam agihan zakat tanpa terlebih dahulu meneliti dan menilai kelayakan penerima agihan zakat. Ulama Shafi'i, Maliki dan Hanbali berpendapat sekiranya zakat diagihkan kepada orang bukan di kalangan asnaf sama ada sengaja ataupun tersalah maka wajib diambil kembali harta yang telah diagihkan tersebut. Menurut Jumhur sekiranya Imam atau pemerintah yang tersalah dalam agihan zakat kepada bukan asnaf maka zakat tersebut adalah sah tetapi sekiranya diagihkan oleh tuan harta maka zakat tersebut adalah tidak sah (Wahbah Zuhaili, 1995).

### **3.2.2. Al-Kifayah**

Menurut Imam Shafi'i dan Imam an-Nawawi pembahagian agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin hendaklah diberikan mengikut kadar yang cukup untuk menghindari mereka daripada berhajat kepada orang kaya dan mereka hidup dalam kecukupan sepanjang masa. Oleh itu, pemberian zakat hendaklah memenuhi keperluan asnaf yang dapat membebaskan mereka daripada kemiskinan dengan kadar yang mencukupi untuk kehidupan sepanjang hidupnya.

Syaidina Umar r.a. dalam melaksanakan agihan zakat khususnya kepada golongan fakir dan miskin telah melaksanaka polisi agihan secara mencukupkan keperluan dalam kehidupan sehingga tidak perlu lagi meminta-minta. Beliau berkata petugas zakatnya “*Teruskan pembahagian zakat itu kepada mereka, meskipun setiap seorang akan mendapat seratus ekor unta.*”

### **3.2.3. Fauran ( Serta Merta )**

Iaitu mengagihkan zakat secara serta merta kepada golongan asnaf yang layak menerimanya tanpa ditangguhkan atau dilewatkan agihannya. Amalan menyegerakan agihan zakat termasuk zakat Fitrah terhadap golongan asnaf yang layak adalah merupakan sunah Rasulullah SAW dan amalan yang dilaksanakan para Sahabat dan petugas zakat yang diamanahkan mengutip zakat. Abu Ya'la yang diutuskan oleh Syaidina Umar r.a. untuk mengutip zakat telah meriwayatkan: *"Kami keluar untuk mengutip zakat dan kami hanya kembali dengan cemeti-cemeti kami."*

Hal ini menunjukkan zakat hendaklah diagihkan segera kepada asnaf yang layak dengan tidak menangguhkannya kecuali terdapat kemudharatan atau maslahah yang diharuskan oleh Syarak. Oleh itu zakat wajib dilaksanakan dengan segera bagi memastikan hak orang fakir dan miskin serta lain-lain asnaf terjaga dan diberikan haknya. Imam Shafi'i menyatakan: *"Barangsiapa yang wajib zakat, maka tidak boleh ditakhirkannya kerana ia merupakan hak yang wajib diberikan kepada manusia."*

Imam Nawawi meriwayatkan: *"Sayugia bagi Imam dan orang yang bekerja zakat yang diserahkan zakat kepadanya hendaklah berhati-hati dengan memberikan zakat kepada mustahik (asnaf yang berhak), hendaklah mengetahui bilangannya dan memberikan zakat yang sepatutnya kepada mereka dengan sekira-kira jatuhan habis zakat itu, dan segera sampai hak mereka itu."* Oleh itu, zakat hendaklah diagihkan dengan segera tanpa ditinggalkan bakinya agar hak asnaf dapat diberikan secukupnya bagi menghindarkan mereka hidup dalam kemiskinan. Inilah antara amalan dan prinsip yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Pengurusan Zakat dalam mengagihkan zakat.

Prinsip yang dinyatakan adalah merupakan beberapa prinsip dalam konsep agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabatnya. Namun begitu masih banyaklah konsep yang telah diterapkan dan diamalkan oleh para Fuqaha dalam urusan agihan zakat seperti penentuan Had al-Kifayah, Maqasid al-Syariah dan sebagainya.

#### 4. Kaedah Agihan Zakat

Abd Monir (2011) berpendapat antara kaedah yang perlu diterapkan dan diamalkan dalam agihan zakat supaya ialah memenuhi kehendak Syarak ialah:

- i. Pemerintah/Majlis mempunyai kuasa dalam pungutan dan pengagihan zakat;
- ii. Zakat boleh diagihkan kepada tiap-tiap asnaf penerima zakat atau kepada sebahagian/golongan daripada mereka;
- iii. Pengagihan zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT;
- iv. Pengagihan boleh dibuat secara langsung iaitu diagih terus kepada asnaf atau secara tidak langsung melalui program/pembangunan untuk mereka sebagai program jangka panjang;
- v. Pihak pemerintah/majlis boleh melantik wakil/agensi bagi kutipan dan pengagihan zakat;
- vi. Kadar pengagihan zakat tidak semestinya sama rata antara setiap asnaf;
- vii. Pengagihan perlulah diberi sampai ketahap kecukupan si penerima dengan mengambil kira kedudukan keluarga tanggungannya;

- viii. Satu sistem pengagihan perlu diadakan supaya dapat mencapai matlamat utama zakat iaitu mengeluarkan dari belenggu kemiskinan dan dengan matlamat mereka itu satu ketika nanti akan menjadi pembayar zakat dan bukan lagi kekal sebagai asnaf zakat. Dalam konteks ini dapat menjana ekonomi golongan asnaf. Oleh itu perlu dikenalpasti golongan penerima yang produktif;
- ix. Satu Jawatankuasa Zakat peringkat negeri perlu ditubuhkan yang dipertanggungjawabkan dalam merencana dan merancang pengagihan zakat supaya pengagihan itu lebih berkesan dan efektif bagi pembangunan asnaf, dengan menyediakan program-program bagi kebajikan asnaf dan seumpamanya;
- x. Pengagihan zakat hendaklah diberikan kepada kawasan di mana kutipan itu dibuat terlebih dahulu dan harus pengagihan kepada luar kawasan/negeri jika ada keperluan;
- xi. Pengagihan zakat perlu dilakukan dengan segera dalam tahun yang sama, justeru peruntukan untuk tujuan pelaksanaan perlulah mendapat fatwa daripada Mufti;
- xii. Pengagihan kepada golongan amil perlulah dalam kadar yang sewajarnya yang boleh memberi impak dan keberkesanannya dalam pengurusan kutipan dan agihan, di samping dapat memberi satu imej yang baik dan tinggi dalam pembangunan negara; dan
- xiii. Tugas pengagihan zakat perlu terus kekal di bawah pengurusan Majlis dan dalam masa yang sama menstrukturkan dan mengemaskini pengurusan Baitulmal.

## 5. PENUTUP

Zakat adalah tuntutan ibadah yang wajib dilaksanakan sebagaimana tuntutan ibadah-ibadah yang lain seperti sembahyang, puasa Ramadhan dan menunaikan ibadah haji. Setiap tuntutan ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT mengandungi tata cara dan konsep pelaksanaan yang tersendiri dan begitu juga hikmahnya. Ia dituntut sebagai keperluan menunai ibadah atau pengabdian kepada Allah serta memberikan rahmat kepada seluruh alam terutamanya kehidupan manusia di dunia ini. Oleh itu, segala konsep dan amalan yang telah dilaksanakan Rasulullah SAW dan ditetapkan oleh Allah SWT dalam urusan zakat hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Pelaksanaan amalan zakat berlandaskan prinsip dan konsep yang telah ditetapkan oleh Syarak akan memberikan rahmat yang besar kepada umat Islam khususnya golongan asnaf terutama fakir dan miskin.

## Rujukan

Abdul Monir Yaacob (2001), *Garis Panduan Pengurusan Dalam Pengagihan Dana Zakat*. dlm. Nik Mustapha Nik Hassan. “*Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*”. IKIM: Kuala Lumpur.

Abdul Monir Yaacob (2011), *Konsep Agihan Zakat Menurut Syarak*, Bengkel Hukum Syarak Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Al-Nawawi ( 1966 ), *Al-Majmu' Syarhu al-Muhadhdhab*, Mesir: Maktabah al-Iman

Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan (2007), Selangor: Yayasan Restu.

Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi,(t.th), *Bahrul Mazi*, Pustaka Huda.

Mohd Mokhtar bin Shafii (2005), *Peranan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan*, Seminar Perincian Asnaf Penerima Zakat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ( JAWHAR ).

Wahbah al-Zuhaili (1995), *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf Al-Qaradawi (Dr) (2006), *Hukum Zakat (terjemahan)*. Jakarta: Pustaka Litera AntarNusa.

# **PENENTUAN ZAKAT PERNIAGAAN DI KALANGAN USAHAWAN DI MALAYSIA**

*Oleh:*

Mohamad Noor Sahidi bin Johari

## **ABSTRAK**

*Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan faktor-faktor penentuan zakat perniagaan di kalangan usahawan atau peniaga di Malaysia. Kajian ini berdasarkan data sekunder iaitu data yang diperolehi melalui kajian literatur daripada buku-buku rujukan, majalah dan bahan rujukan yang lain. Dengan adanya kajian ini, pihak berkuasa dapat mengenalpasti permasalahan atau isu-isu zakat perniagaan di kalangan usahawan di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga memberikan idea-idea dan cadangan bagi mengatasi permasalahan tersebut.*

Perkataan Teras : Zakat Perniagaan, Usahawan, Institusi Zakat.

Klasifikasi JEL : Z12, G28, Y10, G21

## 1. PENGENALAN

Perniagaan adalah jihad yang sangat dituntut oleh Islam. Ia dilihat sebagai satu fardu kifayah yang mampu meningkatkan penguasaan ekonomi orang Islam. Ekonomi yang mantap adalah keperluan utama untuk membolehkan umat Islam terus bersaing dalam keadaan dunia hari ini. Walaupun Islam menganggap keusahawanan merupakan satu ibadat dalam konteksnya yang luas dan orang yang terlibat akan mendapat balasan yang baik sekiranya seseorang usahawan itu mempunyai niat yang baik dan melakukannya berdasarkan etika Islam namun ini tidak bermakna dia boleh meninggalkan ibadat-ibadat khusus yang diwajibkan. Antara ibadat khusus yang diwajibkan adalah mengeluarkan sebahagian hasil perniagaan sebagai zakat perniagaan. Usahawan yang hanya menghasilkan wang ialah usahawan yang paling miskin. Adalah menjadi kewajipan bagi seseorang usahawan untuk melaksanakan kewajipan zakat perniagaan. Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas harta perniagaan melalui ayat suci Al-Quran bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Nafkahkanlah (zakatkanlah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi kepada kamu.”*

**(Al-Baqarah: 267)**

Terdapat satu hadis seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang kami perniagakan”*

Sejarah Islam menunjukkan bahwasanya Nabi Muhammad SAW junjungan mulia merupakan seorang usahawan atau ahli perniagaan telah mula bermiaga dengan mengembala kambing di usia muda. Baginda juga telah di latih bermiaga oleh datuknya Abdul Mutalib dan bapa saudaranya Abu Talib sejak kecil lagi. Apabila meningkat remaja, baginda telah membawa barang dagangan yang besar kepunyaan

Sayidatina Khadijah ke negara Syam dan memperolehi keuntungan yang berlipat ganda. Begitu juga dengan 10 sahabat yang mengikut jejak langkah Nabi Muhammad SAW sebagai usahawan yang berjaya iaitu Uthman Bin Affan, Talhah Ibn Ubaiyullah, Zubayr Ibn Al-Awwam, Saad Ibn Al-Waqqas, Abd Al-Rahman Ibn Auf, Uthman Ibn Mazun, Abu Ubaydah, Abu Salamah, Al-Arqam Ibn Al-Arqam dan Khalid Ibn Said Al-Ash.

Peniaga muslim harus sedar bahawa di dalam hasil perniagaan itu terdapat hak asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang wajib di lunaskan. Usahawan muslim juga harus pandai menggunakan perniagaan yang diperolehi di dunia ini untuk ke jalan Allah SWT iaitu dengan bersedekah dan mengeluarkan zakat. Jadilah seperti sahabat nabi yang menjadikan perniagaan sebagai kerjayanya iaitu Abdul Rahman Bin Auf yang tidak meletakkan kekayaan dunia sebagai kebanggaan diri tetapi sebaliknya merendah diri dan semakin tunduk kepada Allah SWT walaupun beliau sangat kaya dan berharta sehingga Rasulullah SAW menggelarkan beliau sebagai “Saudagar Allah”. Oleh itu peniaga muslim pada hari ini perlu mengimbangi keperluan dan tuntutan dunia dan ukhrawi. Kertas kerja ini akan mengupas satupersatu faktor-faktor penentuan zakat perniagaan di kalangan usahawan berdasarkan rujukan sumber-sumber kajian lepas, buku-buku, artikel, jurnal dan laporan-laporan institusi zakat di Malaysia.

## 2. SENARIO ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Perniagaan di Malaysia kebanyakannya dikuasai oleh peniaga bukan muslim. Namun peningkatan peniaga muslim juga semakin memberangsangkan. Peningkatan kutipan zakat perniagaan juga semakin meningkat (rujuk **Jadual 1**). Pada tahun 2008 jumlah kutipan zakat perniagaan di seluruh Malaysia adalah sebanyak RM260.29 juta di mana kutipan tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak RM46.11 juta (18%) daripada jumlah kutipan keseluruhan. Perlis juga mampu mengutip zakat perniagaan sebanyak RM3.79 juta (1.5%) daripada kutipan keseluruhan. Peningkatan kutipan zakat perniagaan juga berlaku pada tahun berikutnya iaitu tahun 2009 dan 2010. Pada tahun 2009, peningkatan sebanyak 6.20% dan pada tahun 2010 sebanyak 13.75%.

**Jadual 1: Kutipan Zakat Perniagaan di Malaysia bagi tempoh  
2008-2010**

	<b>NEGERI</b>	<b>2010</b>	<b>2009</b>	<b>2008</b>
		<b>RM (JUTA)</b>	<b>RM (JUTA)</b>	<b>RM (JUTA)</b>
1	SELANGOR	60.50	51.85	46.11
2	JOHOR	37.14	34.01	33.37
3	PAHANG	36.36	34.36	24.29
4	WILAYAH PERSEKUTUAN	33.62	29.11	28.70
5	PERAK	26.83	27.76	23.77
6	TERENGGANU	20.70	21.63	20.47
7	KEDAH	16.43	14.18	16.17
8	SABAH	14.96	9.59	10.25
9	KELANTAN	14.51	16.86	18.60
10	NEGERI SEMBILAN	11.32	8.95	9.06
11	SARAWAK	8.84	8.74	11.94
12	PULAU PINANG	8.34	9.56	6.60
13	MELAKA	8.05	7.73	7.17
14	PERLIS	4.18	3.16	3.79
	<b>JUMLAH</b>	<b>301.78</b>	<b>277.49</b>	<b>260.29</b>

Berdasarkan kajian lepas yang bertajuk *potensi pembayar dan kutipan zakat di Malaysia*<sup>1</sup>, dengan unjuran pada tahun 2010 terdapat 59,470 bilangan usahawan muslim yang berpotensi dengan anggaran kutipan sebanyak RM1,082,048,462.00 dimana ianya satu jumlah yang besar. Data ini diperolehi dengan berdasarkan statistik sejarah di mana nisbah setiap 20 orang pembayar zakat pendapatan adalah bersamaan dengan 1 pembayar zakat perniagaan. Ini bermakna sekiranya anggaran potensi pembayar zakat pendapatan pada tahun 2010 di Malaysia adalah sebanyak 1,189,391 pembayar. Maka potensi pembayar zakat perniagaan adalah sebanyak 59,470 pembayar. Merujuk pada kutipan keseluruhan negeri-negeri pada tahun 2010, sebanyak RM301.78 juta sahaja iaitu hanya 27.87% dengan potensi kutipan zakat perniagaan sebanyak RM1,082,048,462. Namun begitu ini menunjukkan terdapat jurang yang besar didalam kutipan zakat perniagaan. Berdasarkan kajian-kajian lepas terdapat bukti-bukti menunjukkan kecenderungan usahawan culas dalam melunaskan hak-hak Allah SWT ini. Kajian-kajian berikut mendedahkan bahawa kesedaran umat Islam di Malaysia

<sup>1</sup> Abdul Hakim Amir Bin Osman, Pengurus Operasi, PPZ-MAIWP.

mengenai pembayaran zakat masih lagi rendah (Hairunnizam, Mohd-Ali dan Sanep, 2005), mendapati bahawa masih ramai peniaga di Kuala Terengganu tidak membayar zakat perniagaan (Hasan dan Mohd Shanaz, 2005), 80% syarikat milikan muslim dikenalpasti tidak mengeluarkan zakat perniagaan (Foad, 2002), 27% atau 1062 daripada 3954 buah syarikat yang layak mengeluarkan zakat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berbuat demikian pada tahun 2008 (Dato' Hj. Mustafa Abdul Rahman, Pengerusi PPZ MAIWP)

### **3. PENENTUAN ZAKAT PERNIAGAAN DI KALANGAN USAHAWAN**

Berdasarkan kajian-kajian dalam pelbagai bidang menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan seseorang individu terbahagi kepada dua, iaitu faktor dalaman dan luaran<sup>2</sup>. Faktor dalaman merujuk kepada faktor dalam diri individu itu sendiri seperti pengetahuan dan tahap penghayatan. Manakala faktor luaran pula meliputi faktor layanan cukai terhadap zakat, kesan ekonomi terhadap pembayaran zakat, persepsi masyarakat ke atas pengurusan zakat, perkembangan dan penggunaan ICT, perundangan dan penguatkuasaan zakat yang khusus dan sebagainya.

#### **3.1 FAKTOR DALAMAN**

##### **3.1.1 Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Mengenai Zakat.**

Tahap pengetahuan peniaga mengenai zakat terutamanya zakat perniagaan dikenalpasti mempengaruhi peniaga untuk membayar zakat perniagaan. Tahap pengetahuan yang dimiliki oleh peniaga merupakan faktor dalaman yang dapat menentukan sejauhmana mereka mempunyai kekuatan untuk membayar zakat perniagaan. Peniaga perlu memahami dengan jelas asas-asas pengetahuan zakat yang meliputi syarat-syarat wajib zakat, sempurna milik, nisab, haul, jenis harta yang dikenakan zakat, pengiraan zakat, asnaf zakat, hukum zakat dan fiqh zakat terkini berdasarkan keadaan semasa. Bagaimanapun, arus pengetahuan

---

<sup>2</sup> Gelagat kepatuhan zakat perniagaan: Apakah Penentunya?, Ram Al Jaffri Saad

peniaga berkaitan taksiran zakat perniagaan adalah sangat mendukacitakan. Syed Mohd Ghazali Wafa mendedahkan kebanyakan entiti perniagaan tidak memahami kaedah pengiraan zakat perniagaan. Menurut kajian (Ram Al Jafri, 2010), dengan berdasarkan beberapa aspek pengetahuan yang perlu difahami ini, maka dipercayai bahawa peniaga yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi berkaitan zakat perniagaan akan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menunaikan kewajipan membayar zakat perniagaan berbanding mereka yang rendah ilmu dan pengetahuan berkaitan zakat perniagaan.

Dari segi kefahaman, sikap peniaga sendiri yang tidak ambil tahu atau mengambil ringan, sikap terlalu mengharap kepada institusi zakat semata-mata, persepsi, kurang inisiatif untuk mendalami ilmu agama khususnya bidang zakat dan juga suka mengambil pendekatan sendiri tanpa merujuk kepada pihak berautoriti atau bertanggungjawab. Keadaan ini mungkin lahir disebabkan oleh latar belakang pendidikan dan juga fahaman politik yang berbeza.

### **3.1.2 Penghayatan Ibadah Zakat**

Perlaksanaan ibadat zakat amat berkaitan dengan tahap penghayatan dan keimanan seseorang usahawan. Jika tahap penghayatan dan keimanannya tinggi maka mereka akan mengeluarkan zakat tanpa memikirkan faedah di dunia. Terdapat juga dikalangan peniaga Islam yang hanya akan mematuhi perintah Allah SWT seperti berzakat sekiranya kewajipan ini dimaktubkan di dalam undang-undang negara. Contoh yang paling ketara ada di kalangan peniaga yang lebih takutkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada hukum Allah SWT. Mereka seolah-olah lupa akan janji Allah SWT terhadap ganjaran pahala dan balasan baik yang akan diterima di akhirat, di samping keberkatan yang akan dinikmati ketika masih di dunia ini.

## 3.2 FAKTOR LUARAN

### 3.2.1 Layanan Cukai Terhadap Zakat.

Malaysia merupakan negara yang agama rasminya Islam namun hakikatnya Malaysia mengamalkan dwi sistem khususnya dalam aspek ekonomi dan perundangan. Zakat juga tidak terlepas daripada dwi sistem ini yang terkesan daripada penjajahan British ke atas Tanah Melayu. Peniaga menghadapi kesukaran dalam membayar zakat akibat tekanan cukai dimana peniaga kebanyakannya akan membayar cukai berbanding zakat di sebabkan faktor bebanan dan tekanan undang-undang. Cukai perniagaan dengan potongan zakat akan menghilangkan nilai zakat dan kemudian membebankan peniaga Islam untuk membuat dua kali pembayaran yang menambah nilai bebanan berbanding peniaga yang bukan Islam iaitu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan satu lagi kepada institusi zakat negeri. Walaupun kerajaan membenarkan tolakan cukai korporat sebanyak 2.5% daripada pendapatan agregat ke atas pembayaran zakat yang dibuat namun kutipan zakat perniagaan masih kurang. Peruntukan tolakan 2.5% daripada pendapatan agregat ini tidak menepati kaedah sebenar kiraan zakat berdasarkan kepada kedudukan sebenar harta semasa dan bukannya atas pendapatan atau prestasi keuntungan semata-mata.

Kerajaan lebih mementingkan “*Corporate Social Responsibility*” (CSR) atau derma berbanding zakat yang nyata di dalam Al-Quran tercatat kepentingannya dalam membantu asnaf. Ini terbukti dengan apabila LHDN memberikan 10% tolakan ke atas program CSR atau derma yang disumbangkan berbanding zakat dengan hanya 2.5% sahaja.

### Jadual 2: Contoh kes perbandingan bayaran cukai

POTONGAN CUKAI		POTONGAN CUKAI ZAKAT*		POTONGAN CUKAI DERMA**	
Pendapatan Agregat	100,000	Pendapatan Agregat	100,000	Pendapatan Agregat	100,000
Cukai (25%)	<b>25,000</b>	(-) Zakat <b>(Bayar RM10,000)</b>	2,500	(-) Derma (10%)	10,000
Pendapatan selepas cukai	75,000	Pendapatan dikenakan cukai	97,500	Pendapatan dikenakan cukai	90,000
		Cukai (25%)	<b>24,375</b>	Cukai (25%)	<b>22,500</b>

\* Bayar zakat **RM10,000** namun hanya RM2,500 yang dibenarkan untuk mendapat pengurangan mengikut tolakan 2.5% daripada pendapatan agregat.

\*\* Program CSR atau derma diberikan pemotongan cukai maksima 10%

Dengan contoh kes, pendapatan sebuah syarikat ialah RM100,000 bagi tahun semasa, katakan syarikat memilih untuk potongan cukai zakat iaitu dengan membayar RM10,000 untuk zakat perniagaannya, namun kadar yang dikira untuk tolakan hanya RM2,500 (2.5% daripada pendapatan agregat). Maka cukai (25%) yang perlu di bayar ialah RM24,375 berbanding RM25,000 jika syarikat tersebut memilih untuk tidak berzakat. Sebaliknya jika syarikat tersebut memilih untuk potongan cukai derma, had maksima daripada pendapatan agregat ialah 10% iaitu 7.5% lebih tinggi daripada potongan zakat, dengan cukai yang dikenakan 25%. Jika peniaga berzakat dengan nilai RM10,000, maka pengurangan hanya setakat RM625 berbanding jika peniaga menderma dengan nilai yang sama tetapi pengurangannya sebanyak RM2,500. Ini menyebabkan peniaga lebih memilih derma berbanding zakat. Jika ditambah semua nilai yang terpaksa dikeluarkan maka didapati bahawa syarikat yang memilih potongan cukai zakat terpaksa membayar keseluruhan sebanyak RM34,375 sedangkan potongan cukai derma menawarkan bayaran keseluruhan RM32,500.

### **3.2.2 Kesan Ekonomi Terhadap Pembayaran Zakat**

Zakat merupakan penyumbang terbesar dalam aspek ekonomi Islam bagi menyelesaikan masalah kemiskinan. Perlaksanaan zakat perniagaan dikalangan usahawan dapat menyelesaikan masalah ekonomi Islam dengan cara yang sederhana dan praktikal dengan membuat pertimbangan antara golongan yang mampu dan golongan yang tidak mampu. Kemelesetan ekonomi negara yang berlaku pada tahun 1997, yang sedikit sebanyak memberi kesan dan impak kepada perlaksanaan zakat pada tahun 1998 dan 1999, dimana kebanyakkan negeri-negeri mengalami penurunan jumlah kutipan dan bilangan pembayar. Ini ternyata keseluruhan kutipan zakat di Malaysia pada tahun 1999 adalah sebanyak RM195,506,008.67 berbanding tahun 1998 sebanyak RM197,864,622.22<sup>3</sup>.

### **3.2.3 Persepsi Masyarakat Ke atas Pengurusan Zakat.**

Institusi zakat merupakan rujukan utama usahawan bagi menaksir zakat perniagaan dan pertanyaan berkaitan zakat. Dengan institusi zakat yang kurang efisien dari segi pengurusan dan penampilannya, maka ini akan menyebabkan usahawan kurang yakin untuk membayar zakat perniagaan di institusi zakat. Salah satu alasan dan dikatakan sebagai sebab utama yang menjadikan mereka tidak yakin terhadap institusi zakat adalah dari sudut pengagihannya.

Usahawan lebih suka mengagihkan sendiri zakatnya secara langsung kepada asnaf yang mereka fikirkan sesuai yang memenuhi syarat-syarat zakat. Selain itu alasan dan kritikan yang sering menjadi buah mulut adalah wujudnya keadaan bahawa wang zakat di laburkan sedangkan masih wujud malah banyak lagi fakir dan miskin yang memerlukannya, berlakunya penyelewengan wang zakat, pilih kasih dalam pengagihan zakat, paparan kemiskinan yang melampau oleh media massa.

---

<sup>3</sup> Buku Laporan PPZ-MAIWP 1997-1999

Oleh yang demikian pada masa ini usahawan lebih gemar melaksanakan program berbentuk "Corporate Social Responsibility' (CSR) atau derma berbanding menunaikan zakat perniagaan mereka.

### **3.2.4 Perkembangan dan Penggunaan ICT**

Perkembangan dan penggunaan sistem teknologi pada masa kini amat pesat. Institusi zakat perlu memperkemaskan dan memperbaiki penggunaan sistem teknologi yang ada selaras dengan kehendak pembayar. Institusi zakat perlu mencari alternatif lain bagi memudahkan usahawan melaksanakan zakat mereka. Setiap institusi zakat perlu memantapkan pengurusan dan pentadbiran zakat dengan secara moden mengikut perkembangan ICT.

Penggunaan teknologi komputer terkini, ketelusan maklumat agihan zakat, maklumat pembayar yang sentiasa dikemaskini, penyediaan saluran pembayaran baru seperti perbankan internet, agen kutipan pos dan bank, kad kredit Islam, kad debit, sistem pesanan ringkas (SMS), ATM dan mesin deposit cek (DCM) dapat dibangunkan dan diperluaskan di semua institusi zakat. Selain daripada itu, institusi zakat harus menyediakan laman web atau "website" yang mesra pengguna bagi membantu usahawan membuat taksiran zakat perniagaan dan maklumat berkaitan zakat.

### **3.2.5 Perundangan dan Penguatkuasaan Zakat Yang Khusus.**

Di Malaysia, perlembagaan persekutuan di bawah Jadual ke-9, Senarai 2, Senarai Negeri, telah memperuntukkan bahawa perkara yang berkaitan dengan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri<sup>4</sup>. Di kebanyakan negeri, pengurusan zakat diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau melalui institusi-institusi khusus yang diwujudkan oleh MAIN bagi tujuan kelancaran pengurusan zakat. Walaupun pihak MAIN telah memainkan peranan

---

<sup>4</sup> Sistem Perundungan zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan, Dr siti Mashitoh Mahmood

yang aktif dalam menggalakkan umat Islam membayar zakat perniagaan termasuklah dengan menguatkuaskan enakmen zakat di negeri masing-masing, penguatkuasaan undang-undang tersebut tetap mengundang persepsi negatif di kalangan usahawan yang secara tidak langsung memberi kesan dari aspek ekonomi, sosial dan politik di Malaysia.

Dalam satu kajian berhubung dengan gelagat pembayar zakat<sup>5</sup>, undang-undang dikatakan memainkan peranan dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan seseorang untuk membayar zakat. Jika undang-undang dipandang positif maka kepatuhan juga akan menjadi positif. Jika diteliti dengan lebih mendalam, undang-undang zakat yang sedia ada adalah bersifat kenegerian serta jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sistem yang mirip dengannya, iaitu sistem cukai pendapatan di bawah akta 53. Banyak prosedur kepatuhan tidak dimaktubkan sebagai undang-undang. Hal ini menyebabkan masyarakat mengambil sikap sambil lewa serta memandang ringan akan kewajipan membayar zakat perniagaan disebabkan penguatkuasaan undang-undang yang bersifat lompong.

#### **4. SARANAN DAN CADANGAN**

Penambahbaikan amat perlu bagi memantapkan kutipan zakat perniagaan ini dikalangan usahawan muslim di Malaysia. Perlu istiqamah dalam melakukan penambahbaikan dan semua pihak haruslah bekerjasama bagi memastikan rukun Islam yang ketiga ini terus subur dan berkembang pada masa yang sama memberi manfaat kepada 8 asnaf seperti yang termaktub di dalam Al-Quran. Terdapat beberapa cadangan bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Antara cadangan tersebut adalah:

---

<sup>5</sup> Kertas kerja: ‘kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji” Kamil Md. Idris, UUM

#### **4.1 Pemantapan penghayatan terhadap ibadah zakat.**

Pemantapan penghayatan terhadap ibadah zakat dapat di lakukan dengan melakukan pendekatan *dakwah Bi Al-Hal* iaitu alternatif model dakwah masa kini. Mengamalkan pendekatan dakwah iaitu memujuk dan menarik minat umat Islam supaya memberikan sumbangan kepada dana zakat. Pendekatan ini menunjukkan kelembutan Islam dalam membangunkan umat Islam sendiri. Dalam melaksanakan pendekatan ini, prinsip pendidikan (tarbiyah) perlu dilaksanakan terhadap semua pihak yang terlibat khususnya usahawan.

#### **4.2 Meningkatkan Pengetahuan Kefahaman Usahawan Islam Terhadap Zakat Perniagaan.**

Usahawan Islam majoritinya memerlukan pegawai zakat yang arif dalam taksiran zakat perniagaan. Ini menunjukkan keperluan amil-amil yang terlatih dalam bidang perakaunan dan kewangan Islam kerana diketahui bahawa pembayar zakat perniagaan bukan terdiri daripada syarikat pemilikan tunggal atau sendirian berhad tetapi kutipan zakat perniagaan yang besar adalah daripada syarikat berhad dan juga bank-bank Islam, syarikat takaful dan bank pelaburan yang mempunyai penyata akaun yang terlalu kompleks. Sudah menjadi tanggungjawab pegawai zakat terutama pegawai zakat perniagaan menghadiri ke syarikat tersebut untuk memberi pendedahan taksiran zakat perniagaan. Lazimnya tahun berikutnya, syarikat tersebut akan melakukan taksiran sendiri berdasarkan panduan yang diberikan oleh institusi zakat berkenaan.

Dengan adanya pengetahuan para usahawan boleh menyediakan peruntukan zakat bagi syarikat-syarikat mereka supaya perbelanjaan syarikat dapat diuruskan dengan baik. Pegawai zakat perniagaan boleh digunakan sebagai tenaga pengajar di universiti-universiti atau di bengkel-bengkel usahawan muslim supaya dapat berkongsi ilmu berkaitan taksiran zakat perniagaan ini. Firman Allah SWT:

*“Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.*

**(Az-Zumar: 9)**

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, dapatlah disimpulkan pengetahuan berkaitan zakat haruslah disampaikan kepada usahawan dengan apa cara sekalipun. Dengan demikian, kutipan zakat perniagaan akan meningkat dengan tertingkatnya ilmu berkaitan zakat.

#### **4.3 Pelarasan Cukai dan Zakat Perniagaan**

Kaedah yang dikenakan oleh LHDN buat masa kini iaitu diberikan 2.5% potongan cukai daripada pendapatan agregat ke atas zakat perniagaan yang dibayar adalah membebankan pihak usahawan muslim. Terdapat cadangan dalam pelarasan cukai terhadap zakat perniagaan. Cadangan adalah diberikan rebat penuh seperti rebat ke atas zakat pendapatan atau memohon menaikkan kadar tolakan cukai zakat kepada maksima 10% sepertimana yang diberikan bagi tolakan cukai derma.

##### **Contoh:**

Syarikat A Sdn Bhd memperolehi pendapatan agregat sebanyak RM100,000 dan menjadikan cukai syarikat sebanyak RM25,000 (25%). Jika zakat yang ingin dibayar oleh syarikat adalah sebanyak RM10,000, maka cukai yang dibayar adalah sebanyak RM15,000. (rujuk **jadual 3**)

### **Jadual 3: Cadangan di perkenalkan rebat.**

<b>REBAT CUKAI ZAKAT</b>	
Pendapatan Agregat	100,000
Anggaran cukai (25%)	25,000
(-) Zakat	10,000
Cukai	<b>15,000</b>

Penolakan kadar bayaran zakat daripada pungutan cukai ini juga boleh menggamtihati mereka yang komitmenya terhadap agama sangat rendah. Mereka juga mungkin tertarik untuk memenuhi tanggungjawab agama mereka kerana jalannya sangat terbuka. Dari perspektif ini kerajaan boleh dilihat sebagai telah menunaikan tanggungjawab dakwahnya dengan menyediakan infrastruktur agama, seperti menyediakan masjid dan surau untuk menggalakkan orang bersolat, menubuhkan institusi kewangan Islam seperti bank Islam, takaful dan bank pelaburan Islam yang membantu meningkatkan ekonomi dan muamalat umat Islam dan begitu juga penubuhan tabung haji bagi memberi keselesaan umat Islam Malaysia menunaikan ibadah haji. Sebaliknya jika kerajaan mengabaikan pekara ini maka ia akan meletakkan kerajaan pada keadaan yang kurang selesa dari segi agama. Ini kerana Al-Quran sendiri secara jelas memerintahkan para pemerintah supaya mengatur sendiri pungutan zakat ini dengan baik dan berkesan. Mengikut pandangan hari ini penyelarasannya antara zakat dan cukai merupakan satu pilihan yang terbaik.

Anggapan bahawa kerjasama yang luas seperti ini boleh mengurangkan pendapatan cukai negara perlu di tolak tepi. Ini kerana zakat bukanlah merupakan saingan kepada cukai, tetapi sebaliknya sebagai pelengkap yang boleh tampung menampung. Sebagaimana dimaklumi, zakat merupakan tabungan bagi perbelanjaan khusus seperti cukai yang digunakan untuk perbelanjaan am negara. Ia lebih bersifat tabungan untuk mengatasi kemiskinan tegar, kebajikan sosial dan bantuan darurat. Ini bererti semakin banyak dana zakat yang terkumpul semakin luas peranan yang boleh dimainkan olehnya dan pada masa yang sama dapat membantu kerajaan dalam mengurangkan tanggungan kerajaan.


#### **4.4 Pemantapan Institusi Zakat Secara Menyeluruh.**

Antara faktor utama menentukan kejayaan dan keberkesanannya sesuatu tugas atau tanggungjawab adalah aspek pengurusannya yang cekap. Peranan institusi zakat dalam memberikan khidmat yang berkualiti kepada masyarakat adalah faktor penting bagi menarik dan menggalakkan usahawan untuk membayar zakat perniagaan. Sesuatu perkhidmatan dikatakan berkualiti jika operasi sesebuah organisasi menepati jangkaan pelanggan sebelum dan selepas mendapat perkhidmatan. Oleh yang demikian usahawan akan merasa puas hati dengan perkhidmatan institusi zakat sekiranya perkhidmatan yang diberikan adalah melebihi jangkaan mereka. Semuanya harus bermula dari pihak pengurusan atasan sehingga pihak bawahan. Pemerkasaan institusi zakat amat perlu untuk memastikan matlamat penjanaan pembangunan sosio-ekonomi ummah dapat dipertingkatkan. Institusi zakat perlu meningkatkan integriti dan keyakinan masyarakat melalui amalan prinsip-prinsip asas pengurusan korporat seperti efektif, kejujuran, kesaksamaan, ketelusan dan akauntabiliti. Unsur-unsur ini adalah amat penting dijadikan budaya pengurusan di kalangan pengurus-pengurus institusi zakat yang telah di beri amanah dan tanggungjawab.

Memahami keperluan pembayar zakat merupakan aspek utama dalam meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Amil zakat harus mengikuti langkah pemasaran perbankan iaitu *cross selling* dimana para amilin bukan sahaja fokus kepada ilmu zakat yang tertentu sahaja malah arif dalam semua hal berkaitan zakat samada dari segi jenis kutipan sehingga memberi maklumat yang terperinci dimana wang zakat diagihkan. Selain itu juga diakui bahawa pengiraan taksiran zakat perniagaan agak merumitkan, oleh yang demikian Unit Teknologi Maklumat (ICT) sesebuah institusi zakat harus memainkan peranan dalam membangunkan sistem perisian yang mampu membantu usahawan melakukan taksiran dengan tepat dan mudah seperti sistem taksiran LHDN. Ini juga akan menggalakkan usahawan membayar zakat perniagaan. Institusi zakat juga harus bijak dalam mencari alternatif bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Selain itu juga institusi zakat perlu

berlumba-lumba membuat perubahan dengan menawarkan kaedah promosi dan publisiti zakat perniagaan melalui media baru seperti *facebook*, *twitter* dan sebagainya dan juga mewujudkan portal zakat yang lebih komprehensif dan mudah untuk digunakan oleh usahawan.

Dengan menggunakan konsep hukum pareto iaitu 80:20 dimana 20% pembayar zakat perniagaan (usahaawan) akan bertanggungjawab keatas peningkatan kutipan zakat perniagaan sebanyak 80%. Ini dapat dilakukan dengan mengenalpasti pembayar zakat perniagaan yang tertinggi dan yang terendah. Bagi yang tertinggi, pihak pengurusan institusi zakat harus memastikan pembayar berada di tahap “yakin dan percaya” atau “*keeps the customers satisfied*”. Bagi pembayar yang terendah, institusi zakat harus sentiasa membantu dan menjadikan pembayar tersebut sebagai “rakan zakat” dengan membina hubungan. Pembayar yang rendah ini selalunya usahawan yang baru memulakan perniagaan dan perlu diberi motivasi agar terus bertahan dalam perniagaan.



**Graf 1: Teori Matriks Sikap Pengguna**

Berdasarkan *teori matriks sikap pengguna*<sup>6</sup> (**Graf 1**), menunjukkan usahawan akan membayar zakat perniagaan ke institusi zakat bergantung kepada keyakinan dan penglibatan usahawan.

<sup>6</sup> Antony Beckett, Paul Hewer and Barry Howcroft. An exposition of consumer behaviour in the financial services industry

Keyakinan dan penglibatan usahawan bergantung kepada peranan institusi zakat itu sendiri. Jika usahawan mempunyai keyakinan dan penglibatan yang tinggi maka peniaga akan membayar secara konsisten (*istiqamah*). Jika peniaga merasakan institusi zakat kurang meyakinkan dan penglibatan kurang, maka peniaga tidak akan membayar zakat perniagaan atau mengagihkan sendiri.

#### **4.5 Penyeragaman Taksiran Zakat Perniagaan.**

Taksiran zakat perniagaan adalah merujuk kepada perakaunan zakat perniagaan di mana format taksiran berpandukan kepada kaedah modal berkembang (*urfiiyyah*) iaitu mengambilkira ekuiti pemilik dan sumber-sumber pembiayaan kewangan dan di buat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. Manakala kaedah modal kerja (*syari'iyah*) pula mengambilkira kedudukan aset semasa perniagaan ditolak liabiliti semasa dan di buat pelarasan. Taksiran zakat tidak seperti cukai di mana cukai diperolehi dari kuntungan sesebuah syarikat sebaliknya bagi zakat perniagaan taksirannya berpandukan kepada perkembangan perniagaan seperti yang termaktub melalui Maimun Ibn Mihran yang menjelaskan Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

*“Apabila sudah tiba tempohnya kamu berzakat (cukup haul), maka hitunglah berapa jumlah wang tunai yang ada padamu, dan bagi barang perniagaan yang ada, nilailah ia dengan matawang, begitu juga segala hutang pelangganmu yang mampu (diharap kembali) hendaklah diambilkira, dan kemudian tolakkan hutangmu sendiri, barulah dikeluarkan zakat atas bakinya itu” riwayat Abu ‘Ubayd.*

Taksiran ini mendapat pengiktirafan oleh Malaysian Accounting Standard Board (MASB) melalui *Technical Release 1 (TR-1): Accounting for zakah and business*<sup>7</sup> dan telah di guna pakai oleh setiap pusat zakat negeri. Di samping itu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji juga ada mengeluarkan manual pengurusan zakat perbankan

---

<sup>7</sup> <http://www.masb.org.my>

dan pengiraan zakat perniagaan<sup>8</sup>. Dengan adanya penyeragaman ini dapat meletakkan kedudukan zakat perniagaan pada tempat yang tinggi dan dihormati dan pada masa yang sama memudahkan usahawan memahami dan melakukan pengiraan taksiran zakat perniagaan.

#### **4.6 Perundangan dan Penguatkuasaan Zakat Yang Telus.**

Al-Quran dan sunnah merupakan sumber yang terpenting bagi menunjukkan jalan kebenaran dan segala perundangan ada di dalam Al-Quran. Namun hakikatnya manusia akhir zaman ini lebihkan takutkan undang-undang dunia berbanding undang-undang Allah SWT. Ini menjadikan kerajaan bertanggungjawab dalam melaksanakan undang-undang Allah SWT ini berada di peringkat tertinggi berbanding undang-undang dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa perlu ada pendekatan berhikmah sebelum undang-undang keras di ambil tetapi ini akan melambatkan atau membantutkan hak asnaf yang diketahui amat memerlukan bantuan zakat ini.

Sebagai suatu sistem yang berasaskan kepada agama Islam yang maha suci, kita percaya bahawa sistem zakat mempunyai *falsafah dan dasar* yang jauh lebih sempurna daripada sistem cukai yang diwarisi daripada penjajah. Bagaimanapun pengabaian sistem Islam dalam jangka masa yang begitu lama di seluruh dunia Islam telah menjadikan sistem ini kurang berpengalaman. Ini disebabkan faktor amalan dan tradisi sistem cukai lebih terkehadapan berbanding system zakat. Ini dapat dibuktikan dalam institusi kewangan Islam di Malaysia, bank-bank berasaskan syariah Islam di Malaysia masih menggunakan Base Landing Rate (BLR) sebagai kayu pengukur atau “benchmark” bagi penentuan harga sesebuah produk di bank-bank Islam. Ini kerana amalan dan tradisi bank-bank Islam masih baru berbanding dengan bank konvensional yang mengamalkan riba. Perlu ada institusi yang memperjuangkan agar undang-undang zakat dan penguatkuasaan di laksanakan di Malaysia. Contoh yang terdekat ialah Malaysia merupakan pemain utama dalam institusi

---

<sup>8</sup> <http://www.jawhar.gov.my>

kewangan Islam disebabkan penguatkuasaan undang-undang yang ditadbir uruskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan ini boleh dijadikan contoh kepada institusi zakat di Malaysia.

Selain itu juga Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri-negeri perlu seiringan dalam menangani isu-isu semasa berkaitan zakat perniagaan dan berkerjasama dengan institusi zakat dalam mengemaskini serta menambah baik fatwa zakat perniagaan yang sedia ada memandangkan perkembangan struktur syarikat pada masa kini yang terlalu komplek.

## 5. KESIMPULAN

Alangkah indahnya jika usahawan di Malaysia mengikuti jejak langkah Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya sebagai usahawan yang beriman dan bertakwa. Usahawan di Malaysia terutamanya usahawan Melayu-Islam lebih mengutamakan penampilan berbanding hasil yang lumayan. Kini sudah tiba masanya Malaysia melahirkan lebih ramai usahawan seperti Abdul Rahman Bin Auf. Usahawan Melayu-Islam harus mengimbangi tuntutan duniawi dan ukhrawi. Ini dapat dilakukan dengan menunaikan ibadat zakat perniagaan kerana di ketahui jika ingin kaya, bermigalahan dengan Allah SWT melalui zakat dan sedekah. Ini bertepatan dengan janji Allah SWT kepada hambanya dalam surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud:

*“Bandungan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”.*

## RUJUKAN

Al-Quran dan Hadis.

Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (pnyt). 2006. *Zakat pensyariatan perekonomian dan perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abdul Hakim Amir Bin Osman. 2010. Potensi Pembayar & Kutipan Zakat Di Malaysia. Pengurus Operasi, PPZ-MAIWP

Ahmad Che Yaacob, Abd Halim Mohd Noor, Mohd Saladin Abdool Rasul, Zahri Hamat & Safiah Mohamed. 2008. *Amalan Zakat Perniagaan di Institusi Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia: Satu Dapatan Awal*. Monograf IKAZ siri 7, Institut Kajian Zakat Malaysia, UiTM. Shah Alam: Penerbit IKAZ-UiTm.

Aishah Abidin. 2006. *Isu Undang-Undang Berkaitan Perlaksanaan Zakat Terhadap Syarikat di Malaysia. Bab 22: zakat pensyariatan perekonomian dan perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dr. Magda. 2010. *Text book: Islamic Economics (IE1001), Chartered Islamic Finance Professional (CIFP)* INCEIF. Kuala Lumpur: International Center for Educational in Islamic Finance (INCEIF).

Dr. Ruziah Ghazali. 2007. *Implikasi Zakat Terhadap Sistem Percukaian Negara*. Laporan Zakat 2007. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP.

Dr. Siti Mashitoh Mahmood. 2007. *Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*. Laporan zakat 2007. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP.

Hamizul Abdul Hamid. 2011. *Zakat Terap Kekayaan*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.

Halidan Md. Daud. 2006. *Pengalaman Pengurusan Zakat Pahang. Bab 26: zakat pensyariatan perekonomian dan perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Halizah Md ARif, Kasumalinda Alwi, Agoos Munalis. 2011. *Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory studies*. 2<sup>nd</sup> international conference on business and economics research proceeding.

IKAZ-UiTm. 2009. *Memperkasakan Institusi Zakat: Merealisasikan Visi Nasional*. Laporan Zakat 2009. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP.

Ismail Hasim. 2006. *Pengurusan Zakat: Pengalaman Negeri Melaka. Bab 25: Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lembaga zakat Selangor (LZS-MAIS).2007. *Panduan zakat perniagaan*. Gombak: kentalmas jati sdn bhd.

Milenia muslim. Mac 2011. *zakat vs cukai*. Kuala Lumpur: MMP coomunications sdn bhd.

Mohd safri mahat. 2006. *Zakat perniagaan: cabaran pelaksanaan di malaysia.Bab 12: Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Cheras: Utusan publications & distributors sdn. bhd.

Nor Azmi Musa. 2006. *Koleksi dan pengurusan kutipan zakat negeri sembilan. Bab 24: Zakat Ppensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Dato' Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid. 2007. *Pemantapan Sistem Zakat dan cukai ke arah kemajuan ekonomi Ummah*. Laporan Zakat 2007. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP.

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). 2007. *Laporan zakat perniagaan 2007*. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). 2008.

*Laporan zakat perniagaan 2008*. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). 2009. *Laporan zakat perniagaan 2009*. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). 2010. *Laporan zakat perniagaan 2010*. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP

Ram Al Jaffri Saad. 2010. *Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan: Apakah Penentunnya?*. The 4<sup>th</sup> ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010). USM.

Rawi Nordin, Hasan Bahrom & Noormala Rabu. 2008. *Keberkesan Enakmen dan Akta Zakat: Kajian Kes di Negeri Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang*. Monograf IKAZ siri 7, Institut Kajian Zakat Malaysia, UiTM. Shah Alam: Penerbit IKAZ-UiTM.

Saad, Ram Al Jaffri and Bidin, Zainol and Md Idris, Kamil and Md Hussain & Md Hairi. 2010. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan*. Jurnal Pengurusan , 30. pp. 49-61. ISSN 0127-2713

Swee-hoon Chuah and James Devlin. 2011. *Behavioural Economics and Financial Services Marketing: A Review*. International Journal of Bank Marketing. Vol 29, no. 6. Emerald journal.

**Laman Sesawang (website)**

[http://www.ikim.gov.my/v5/index.php/file/event/index.php?lg=2&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=280&cmd=resetall](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php/file/event/index.php?lg=2&opt=com_article&grp=2&sec=&key=280&cmd=resetall)  
(diakses:29/10/2011)

<http://www.masb.org.my> (diakses:29/10/2011)

<http://www.jawhar.gov.my> (diakses:29/10/2011)

<http://www.zakat.com.my/> (diakses:30/10/2011)

<http://xinniralubayna.blogspot.com/2009/07/mempertingkat-peranan-institusi-zakat.html> (diakses 15/11/2011)

# KADAR AGIHAN ZAKAT AMIL BERDASARKAN MAZHAB EMPAT DAN MAQASID SYARIAH

Oleh:

Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin<sup>1</sup>

Mahadi bin Mohammad<sup>2</sup>

## ABSTRAK

*Amil merupakan salah satu golongan yang telah ditetapkan oleh Syarak untuk menerima agihan zakat. Namun begitu, senario di Malaysia menampakkan kecacatan pada perkara ini. Terdapat beberapa negeri di Malaysia yang menetapkan kadar pembahagian agihan tersebut tanpa mempunyai sandaran hukum yang tepat. Perkara ini dilihat tidak selari dengan maqasid sebenar pensyariatan zakat dalam Islam. Kertas kerja ini membandingkan pendapat-pendapat daripada Mazhab Empat bagi melihat kadar agihan zakat sebenar untuk Amil. Hasil daripada kertas kerja ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dipraktikkan di Malaysia tidak mempunyai sandaran yang kukuh daripada mana-mana mazhab empat serta bertentangan dengan maqasid syariah.*

Perkataan Teras : zakat amil, agihan zakat, zakat,

Klasifikasi JEL : G28, H83, Z12, C80

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, Terengganu, Malaysia, [wanfirdaus@unisza.edu.my](mailto:wanfirdaus@unisza.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, Terengganu, Malaysia, [mahadimohammad@unisza.edu.my](mailto:mahadimohammad@unisza.edu.my)

## PENDAHULUAN

Islam agama yang syumul, melengkapi segala perkara yang terkandung di dunia. Syariatnya bukan sahaja tertumpu kepada hukum-hukum ibadah, bahkan mencakupi pelbagai aspek kehidupan di dunia dengan aturan agama terutama perhubungan antara manusia.

Satu daripada perkara yang telah disyariatkan oleh Islam dalam menjaga kemaslahatan sesama manusia ialah zakat. Ia merupakan salah satu rukun Islam yang tidak hanya sekadar menyentuh tentang ibadah semata-mata, bahkan juga berkaitan dengan harta. Zakat ditakrifkan kepada beberapa pentakrifan yang boleh disimpulkan sebagai suatu bahagian harta yang wajib dikeluarkan oleh orang yang tertentu kepada orang yang berhak mengikut ketetapan syarak.<sup>3</sup>

Dalam menjaga kemaslahatan manusia di dunia, antara matlamat Islam mensyariatkan zakat ini adalah untuk membersihkan jiwa manusia serta hartanya dengan membantu golongan yang kurang berkemampuan atas kemungkinan terdapat hak orang lain dalam proses memperolehi harta tersebut.<sup>4</sup>

Zakat yang dikumpulkan ini akan dibahagikan kepada asnaf-asnaf yang telah ditetapkan oleh syarak berdasarkan firman Allah SWT:

---

<sup>3</sup> Terdapat beberapa pentakrifan yang dibuat oleh ulama silam dan kontemporari terhadap makna zakat. Daripada segi bahasa, Ibn Mandhur menjelaskan dalam *Lisan al-'Arab*, kata nama zakat sekiranya ditinjau dari sudut bahasa bermakna tumbuh, berkat dan terpuji yang mana semua perkataan ini digunakan dalam al-Quran dan al-Hadith, lihat Ibn Mandhur, *Lisan al-'Arab*, jld. 60, Beirut: Dar Sadir, 1956, hal. 357. Dari segi Istilah pula, Ibn Qudamah pentakrifkan zakat secara ringkas sebagai *Haqq Wajib fial-Mal* iaitu satu hak yang wajib daripada harta, Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jld 2, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, hal. 359. Imam al-Nawawi pula mentakrifkan zakat sebagai satu perbuatan mengambil sesuatu yang khusus dari harta yang khusus daripada orang yang khusus untuk diberikan kepada golongan yang khusus, lihat Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, Jld. 7, Beirut :Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t., hal 295. Manakala pendapat Ulama Kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi menyimpulkan takrifan zakat ini sebagai satu bahagian tertentu daripada harta yang diwajibkan oleh Allah SWT dikeluarkan kepada orang yang berhak mendapatkannya. Lihat al-Qaradawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, jld. 1, Beirut : Muassasah al-Risalah, 1981, hal. 37.

<sup>4</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009) *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia : Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?*, Jurnal Syariah jilid 17, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil. 1, 2009, hal. 90.

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ فُلُوْجُهُمْ وَفِي  
الرِّفَادِ وَالغَرِيرِ مِنْ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فِي ضَيْكَةٍ مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ  
عَلِيهِ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (Zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang ber hutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, (yang datangnya dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9:60)

Tafsiran ayat tersebut menunjukkan terdapat lapan golongan yang layak menerima agihan zakat. Mereka dinamakan sebagai asnaf. Lapan golongan yang dijelaskan oleh ayat al-Quran itu ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, muallaf, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang ber hutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan *ibn sabil* (musafir dalam perjalanan).

## 1. PERMASALAHAN KAJIAN

Kertas kerja ini bertitik tolak daripada pemerhatian terhadap pengagihan zakat kepada asnaf amil di negeri-negeri di Malaysia. Daripada pemerhatian yang dilakukan, pembahagian zakat ini ditetapkan sama rata kepada setiap asnaf dengan setiap golongan asnaf akan mendapat 1/8 tanpa mengira bilangan penerimanya<sup>5</sup>. Selain itu, agihan ini juga ditetapkan kepada pecahan-pecahan lain seperti 1/6, 1/10, 1/16, 1/32 dan sebagainya<sup>6</sup>.

<sup>5</sup> Pembahagian samarata agihan zakat ini diamalkan di beberapa negeri di Malaysia contohnya pembahagian agihan zakat fitrah di Terengganu ditetapkan samarata iaitu sebanyak 1/8. Lihat <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kajian-semula-upah-amil-zakat-orang-perseorangan-18-bahagian>, 10 Oktober 2011, 10 Oktober 2011

<sup>6</sup> Penetapan agihan zakat amil ini secara umumnya berbeza mengikut negeri-negeri di Malaysia. Ia ditetapkan oleh pusat pengumpulan zakat atau majlis agama sesebuah negeri setelah perbincangan dilakukan. Penetapan ini kebiasaannya menggunakan kadar pecahan daripada jumlah pungutan yang telah diterima oleh amil secara individu. Di Malaysia, kadar agihan kepada amil biasanya ditetapkan kepada 1/6, 1/8, 1/16, 1/32 mengikut jenis zakat yang dipungut dan mengikut tugas yang dijalankan oleh seorang amil. Lihat Keputusan

Selain daripada itu, kertas kerja ini bertitik tolak daripada jumlah pengagihan zakat kepada amil yang terlalu besar sehingga melebihi agihan kepada golongan yang lebih layak seperti fakir dan miskin. Oleh itu, timbul sedikit kekeliruan tentang kadar agihan sebenar yang ditetapkan oleh syarak dengan melihat kadar agihan kepada amil menurut perspektif mazhab empat dan melihat kepada maqasid pensyariatan dan pengagihan zakat itu sendiri.

## 2. PERBINCANGAN

Kertas kerja ini cuba merungkai beberapa kadar agihan zakat kepada amil yang diamalkan di Malaysia pada hari ini daripada sudut mazhab empat. Antara perbincangan yang diketengahkan ialah:

- i. Adakah wujud konsep kesamarataan dikalangan mazhab empat dalam pembahagian agihan zakat diantara asnaf yang membolehkan asnaf amil menerima  $1/8$  daripada pungutan zakat yang diterima?
- ii. Apakah yang telah dipersetujui oleh mazhab empat berkaitan kadar agihan sebenar zakat kepada amil? Adakah lebih daripada asnaf yang lain seperti  $1/6$ , atau kurang daripadanya seperti  $1/16$  dan  $1/32$  atau cuma diberikan upah sebagai ganjaran?
- iii. Apakah pandangan mazhab empat sekiranya upah yang ditetapkan kepada amil tidak mencukupi jumlah zakat yang dipungut?
- iv. Apakah penyelesaian yang perlu sekiranya bayaran melebihi upah yang sepatutnya diterima oleh amil?
- v. Apa asas dan maqasid sebenar pensyariatan agihan zakat kepada amil?

---

Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-9 Penggal Ke 7, Pada 26/09/2007. Lihat juga <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kajian-semula-upah-amil-zakat-orang-perseorangan-18-bahagian-10-Oktoper-2011>, lihat juga <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penetapan-kadar-upah-amil-zakat-fitrah-di-negeri-selangor>, 10 Oktober 2011.

### 3. DEFINISI AMIL DAN SYARAT KELAYAKAN

Ayat al-Quran di atas secara jelas menunjukkan salah satu daripada asnaf-asnaf yang ditetapkan syarak untuk menerima zakat ialah amil. Amil didefinisikan sebagai pihak yang bertugas melakukan kerja-kerja yang berkaitan urusan zakat termasuklah pengumpulan, penyimpanan, penjagaan, pencatatan dan pengagihan harta zakat<sup>7</sup>. Mereka dilantik dan diberi kebenaran oleh kerajaan atau masyarakat Islam untuk membuat pungutan dan pengagihannya serta melakukan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan zakat.

Oleh kerana tugas seorang amil agak luas dan berat, ulama telah menggariskan beberapa syarat kelayakan untuk menjadi seorang amil. Antaranya ialah<sup>8</sup>:

- i. Islam: Disyaratkan seorang amil daripada kalangan orang Islam bagi membolehkan beliau mendapatkan agihan zakat. Namun begitu, sekiranya mereka daripada kalangan bukan Islam, mereka dibenarkan untuk mendapatkan upah bukan daripada hasil pungutan zakat, tetapi daripada Baitulmal<sup>9</sup>;
- ii. Mukallaf: iaitu orang yang berakal dan telah baligh;
- iii. Amanah: disyaratkan kepada seorang amil agar tidak khianat kepada harta orang muslim yang dikumpulkan menerusi zakat;
- iv. Pengetahuan tentang hukum zakat: turut disyaratkan kepada amil untuk mendalami hukum-hukum berkaitan zakat sebelum dilantik sebagai amil. Amil disyaratkan sekurang-kurangnya perlu mengetahui golongan yang wajib membayar zakat dengan kadarnya serta golongan yang berhak menerima zakat serta kadarnya agar tidak bercanggah dengan hak zakat<sup>10</sup>;

---

<sup>7</sup> Al-Qaradawi, Yusuf, *Op. Cit.*, cet. 15, jld. 2, 2006, hal. 591

<sup>8</sup> *Ibid*, hal. 597-601

<sup>9</sup> Al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad, *Hashiyah al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*, jld. 4, t.t., hal. 476

<sup>10</sup> Muhammad 'Uqlah, *Ahkam al-Zakah wa al-Sadaqah*, cet.1 Amman : Maktabah al-Risalah al-Hadithah, 1982, hal. 202-204

- v. Berkemampuan: Amil dilantik berdasar kemampuan untuk melaksanakan tugas dalam pengumpulan dan pengagihan zakat. Sekiranya tidak berkemampuan ini akan mencacatkan proses gerak kerja institusi zakat;
  - vi. Bukan daripada kalangan Hasyimi: iaitu bukan daripada keluarga dan keturunan Rasulullah SAW. Ini kerana mereka adalah golongan yang ditegah daripada menerima wang agihan zakat. Mazhab Syafi'i membenarkan Hasyimi untuk mengambil upah daripada zakat sekiranya menjadi amil<sup>11</sup>, manakala mazhab Hanafi dan Maliki mensyaratkan upah diambil daripada Baitulmal<sup>12</sup>;
  - vii. Lelaki: sebahagian ulama mensyaratkan lelaki sebagai amil; dan
  - viii. Merdeka.
4. **KADAR AGIHAN ZAKAT SECARA SAMA RATA MENURUT MAZHAB EMPAT**
- Berdasarkan kepada ayat 60 daripada Surah al-Taubah yang lalu, Allah SWT menentukan pembahagian zakat hanya kepada 8 golongan tersebut sahaja. Perkara ini difahami daripada penggunaan kalimah “إِنَّمَا” yang membawa maksud hanya dan tertentu. Gaya bahasa ini dinamakan dalam ilmu Bahasa Arab sebagai *uslub al-Hasr*. Bertitik tolak daripada ini, para sarjana Islam daripada pelbagai aliran mazhab, terutamanya mazhab empat, berselisih pendapat mengenai kewajipan membahagikan zakat secara sama rata kepada lapan golongan tersebut.

a. **Pendapat Pertama:**

Menurut pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, ayat tersebut hanya menerangkan golongan yang berhak menerima zakat, tidak menunjukkan kewajipan sama rata pada pembahagiannya. Pendapat ini bersandarkan kepada tafsiran Ibn 'Abbas R.A<sup>13</sup>:

<sup>11</sup> al-Nawawi, *Op. Cit.*, Jld.6, 2007, hal. 196

<sup>12</sup> *Ibid*, hal. 470

<sup>13</sup> Ibn Hummam, *Fath al-Qadir*, Jld. 2, Beirut : Dar al-Fikr, t.t, hal. 265

(المراد به بيان المصارف، فإلى أيها صرفت أجراؤك)

“Yang dimaksudkan dengannya (ayat 60 surah al-Taubah) - menerangkan tentang golongan yang berhak menerima zakat. Kepada mana-mana golongan yang kamu berikan zakat, nescaya akan memadai”

Berdasarkan kaedah qiyas, hukum ini boleh disamakan dengan masalah menghadap Kaabah, iaitu sah menghadap kepada mana-mana bahagian Kaabah ketika solat.

Al-Ghiryani menambah dalil bagi pendapat ini berdasarkan Firman Allah SWT:

إِنْ تُبَدِّلُ الْأَصْدَقَاتِ فَنِعْمًا هُنَّ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ

Maksudnya: “Kalau kamu zahirkan sedekah itu, maka itu adalah baik. Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah itu serta kamu berikan kepada orang fakir miskin, maka itu adalah lebih baik bagi kamu.”

(Al-Baqarah 2: 271)

Berdasarkan ayat tersebut Allah SWT memuji orang yang memberi zakatnya kepada golongan fakir, dan tidak disebut golongan lain. Ini menunjukkan perbuatan itu sah di sisi syarak.<sup>14</sup>

Ibn Qudamah juga mendatangkan dalil daripada hadis Nabi SAW, bahawa Rasulullah SAW ketika mengutuskan Mu'adh ibn Jabal ke Yaman berkata:

Baginda Rasulullah SAW dalam hadis di atas tidak menyebutkan golongan selain fakir. Ini menunjukkan perbuatan tersebut adalah harus.<sup>15</sup>

<sup>14</sup> Al-Ghiryani, *Mudawanhah al-Fiqh al-Maliki*, Jld. 2, Beirut : Muassasah al-Rayyan, 2006, hal. 68

<sup>15</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jld. 4, Kaherah : Dar al-Hadith, 2004, hal. 104

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مَعَادًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ ... فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ وَتُرْدَدُ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

“Sesungguhnya Nabi SAW ketika mengutuskan *Mu’adh* ke Yaman bersabda:.... Kemudian khabarkan kepada mereka bahawa Allah telah mengfardhukan ke atas mereka zakat pada harta mereka, yang dipungut daripada orang kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada mereka yang fakir”

(*Muttafaqun ‘Alaih*)

Walau bagaimanapun, Ibn Qudamah menukilkan 2 riwayat dalam mazhab Hanbali pada masalah kadar agihan zakat kepada amil. Riwayat pertama menyatakan 1/8 daripada zakat yang dikumpulkan dan riwayat kedua menyatakan sekadar bayaran kerja<sup>16</sup>.

Namun pendapat yang mengatakan 1/8 itu tidak kuat dan tidak difatwakan dalam mazhab Hanbali. Kerana itu, didapati bahawa Ibn Qudamah sendiri menegaskan bahawa pendapat yang sahih ialah amil diberi setimpal dengan bayaran kerjanya.<sup>17</sup>

#### b. Pendapat Kedua:

Manakala Mazhab Syafi'i dalam masalah ini telah berbeza pendapat dengan jumhur ulama. Mereka mengatakan bahawa zakat perlu dibahagikan secara sama rata sebagaimana kata Imam Al-Syirazi<sup>18</sup>:

وَجِبُّ أَنْ يَسُوئَ بَيْنَ الْأَصْنَافِ فِي السَّهَامِ، وَلَا يَفْضُلَ صَنْفًا عَلَى صَنْفٍ؛ لَأَنَّ اللَّهَ سُوِّيَ بَيْنَهُمْ

“Dan Wajib menyamaratakan antara asnaf-asnaf pada bahagian zakat. Dan tidak boleh dilebihkan satu golongan daripada golongan yang lain, kerana Allah telah menyamakan antara mereka.”

16 *Ibid*, hal. 92.

17 *Ibid*, hal. 100

18 al-Nawawi, *Op. Cit*, Jld. 7, hal. 261

Namun Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan maksud perkataan Al-Syirazi menambah:

وتجب التسوية بين الأصناف...نعم، حيث استحق العامل لم يزد على أجراه مثله

“Dan wajib menyamakan agihan zakat antara asnaf-asnaf.... Namun, yang berhak bagi amil adalah tidak melebihi daripada upah yang setimpal”

Imam al-Syafi'i sendiri telah menzahirkan perkara ini dalam karangan beliau iaitu kitab al-Umm<sup>19</sup> dengan lafaz:

ويأخذ العاملون عليها بقدر أجورهم في مثل كفايتهم وقيامهم وأماناتهم ولؤنة عليهم

“Dan Amil mengambil dengan kadar upah mereka sekadar dengan keperluan, tugas, amanah-amanah dan perbelanjaan atas mereka”

Oleh yang demikian, kita dapati bahawa ulama-ulama Syafi'iyyah yang terkemudian menyatakan perkara yang sama ditegaskan oleh Imam al-Syafi'i dan Imam al-Nawawi. Kata al-Syarbini:

وتجب التسوية بين الأصناف غير العامل

“Dan wajib menyamakan agihan zakat antara asnaf-asnaf selain amil”

Kata Ibn Hajar Al-Haitami<sup>20</sup>:

ولا يستثنى من هذا إلا العامل، فإن حقه مقدر بأجرة عمله

“Dan tidak dikecualikan pada masalah ini kecuali amil, kerana bahagiannya ditentukan berdasarkan upah pekerjaannya”

<sup>19</sup> Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib, *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*, Jld. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah , 1997, hal. 463

<sup>20</sup> Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar, *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*, Jld.7, Beirut : Dar al-Fikr, t.t, hal. 203.

Namun terdapat beberapa nukilan dalam Mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa Mazhab Syafi'i menentukan kadar agihan tersebut dengan seperlapan bagi setiap asnaf. Ini difahami daripada prinsip Mazhab Syafi'I yang membahagikan agihan zakat secara sama rata antara asnaf. Kata al-Marghinani:

والعامل يدفع إليه الإمام إن عمل بقدر عمله، فيعطيه ما يسعه وأعوانه غير مقدرة  
باشمن، خلافا للشافعي

“Dan amil diperuntukkan kepadanya (daripada zakat) oleh Imam jika dia bekerja, sesuai dengan kadar kerjanya. Maka diberi kepadanya kadar yang mengcukupinya dan pembantu-pembantunya; tanpa menentukan dengan satu perlapan; (hal ini) berbeza dengan pendapat al-Syafi'i”

Pendapat al-Marghinani ini disyarahkan oleh Imam Akmal al-Din al-Babarti bahawa pendapat Imam Syafi'i ini bersandarkan kepada ayat al-Quran tersebut yang hanya menyebut 8 golongan sahaja. Ini menunjukkan perlu disama ratakan bahagian setiap golongan tersebut<sup>21</sup>.

Sandaran ini sebenarnya tiada asas kukuh dan tidak dijumpai pada kitab muktamad mazhab Syafi'i. Ini lahir kerana wujud ketaksuhan dan keterikatan kepada mazhab tertentu<sup>22</sup> terutamanya antara mazhab Syafi'i dan Hanafi pada zaman tersebut. Pada zaman ini, lahir kitab-kitab mazhab Hanafi yang menyertakan pendapat mazhab Syafi'l dalam perbincangan serta mengemukakan kritikan kepada mazhab tersebut.

Yusuf al-Qaradawi dalam kitab *Fiqh al-Zakah* juga telah menisbahkan pendapat Imam al-Syafi'i yang menghadkan bahagian amil ini hanya daripada 1/8<sup>23</sup>. Namun telah dinyatakan bahawa sandaran kepada mazhab Syafi'i adalah tidak tepat. Maka pendapat ini boleh diandaikan sebagai pendapat peribadi beliau.

<sup>21</sup> Al-Babarti, Muhammad bin Mahmud, *Syarh al-'Inayah 'Ala al-Hidayah*, jld.2, Beirut: Dar al-Fikr, t.t, hal. 262.

<sup>22</sup> Abd al-Karim Zaidan, *al-Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*, cet. 16, Beirut : Muassasah al-Risalah, 2003, hal. 122-125.

<sup>23</sup> Al-Qaradawi, Yusuf, Jld. 2, *Op. Cit.*, 2006, hal. 601

Salah faham ini turut berlaku dalam kalangan pengikut yang bermazhab Syafi'i tanpa merujuk kepada tulisan ulama-ulama Syafi'iyyah yang muktabar, tetapi hanya berpada dengan huraian dan pemahaman yang disebarluaskan dalam kalangan masyarakat. Perkara inilah yang berlaku di sebahagian negeri di Malaysia yang berpegang kepada aliran mazhab Syafi'i.

Maka dapat disimpulkan bahawa jumhur ulama selain daripada Mazhab Syafi'i berpendapat tidak wajib menyamakan agihan zakat kepada asnaf. Manakala dalam Mazhab Syafi'i kewajipan hanya kepada asnaf selain amil.

## 5. KADAR AGIHAN ZAKAT KEPADA AMIL

Rentetan daripada masalah ini, membawa kepada perbincangan tentang kadar yang layak diterima oleh amil daripada kutipan zakat. Keempat-empat mazhab bersepakat bahawa kadar bayaran yang diterima oleh amil adalah upah bagi kerjanya. Oleh itu, bahagian amil didahulukan pada pembahagian zakat daripada

وَأَمَّا الْعَامِلُ عَلَيْهَا، فَلَا خَلَفٌ عِنْدَ الْفُقَهَاءِ أَنَّهُ إِنَّمَا يَأْخُذُ بِقَدْرِ عَمَلِهِ

“Dan adapun amil zakat, maka tiada khilaf di kalangan fiqaha' bahawa sesungguhnya amil hanya berhak mengambil sekadar bayaran kerjanya”

asnaf-asnaf yang lain. Al-Qurtubi juga telah menegaskan terdapat persepakatan ulama fiqh pada masalah ini<sup>24</sup>:

Pendapat ini disokong oleh al-Syafi'iyyah yang bersepakat mengatakan bahawa amil hanya berhak sekadar upah kerjanya sahaja. Al-Nawawi menyatakan<sup>25</sup>:

قَالَ أَصْحَابُنَا: وَيَسْتَحْقُ الْعَامِلُ قَدْرَ أَجْرَةِ عَمَلِهِ قَلْ أَوْ كَثِيرٌ، هَذَا الْمُتَفَقُ عَلَيْهِ

<sup>24</sup> Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad Ibn Rusyd, *Bidayah Mujtahid*, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, Jld. 1, t.t, hal. 495

<sup>25</sup> al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Jld. 7, *Op. Cit*, hal. 231

“Telah berkata ashab (ulama mazhab Syafi'i): Dan yang berhak bagi amil ialah kadar bayaran kerjanya, sama ada sedikit atau banyak perkara inilah yang disepakati.”

Jika kadar bayaran amil yang berhak diterima tidak mencukupi dengan kutipan zakat, terdapat dua pendapat:

- a. Menurut Mazhab Hanafi, bahagian amil perlu diberi berdasarkan kerjanya dengan syarat tidak melebihi separuh hasil zakat berdasarkan kaedah (التصيف عين الإنفاق) yang membawa maksud membahagi dua itulah yang adil.<sup>26</sup> Mereka menetapkan bahawa had maksima bagi bahagian yang diterima oleh amil ialah separuh daripada hasil zakat, walaupun bayaran yang berhak diterima oleh amil melebihi jumlah itu.
- b. Manakala jumhur fuqaha' dari Mazhab Maliki, Syafi'l dan Hanbali berpendapat bahawa bayaran amil perlu dicukupkan walaupun melebihi kutipan zakat. Lebihan bayaran ini diambil daripada Baitulmal.<sup>27</sup>

Sekiranya bayaran yang diterima oleh amil melebihi daripada upah yang sepatutnya diterima, lebihan upah tersebut perlu dikembalikan kepada asnaf-asnaf yang lain<sup>28</sup>. Jika tidak, dibimbangi lebihan upah tersebut akan menzalimi asnaf-asnaf lain yang lebih memerlukan seterusnya menyebabkan amil terjerumus dalam dosa memakan harta haram.

## 6. ASAS PEMBAHAGIAN ZAKAT KEPADA AMIL

Sebanyak lapan asnaf berhak menerima zakat sepertimana yang ditegaskan dalam al-Quran. Mereka boleh dibahagikan kepada dua golongan:

**Pertama:** golongan yang berhak mendapat zakat atas dasar memenuhi keperluan dan hajat mereka. Mereka ini terdiri daripada

<sup>26</sup> Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Afandi, *Hasyiah Ibn 'Abidin*, Jld. 3, Beirut : Dar al-Ma'rifah, 2000, hal. 336

<sup>27</sup> Lihat al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, *Op. Cit*, Jld. 7, hal. 230, lihat juga al-Mardawi, 'Ala al-Din, *al-Insaf fi Makrifah al-Rajih min al-Khilaf*, Jld. 3, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1998, hal. 170

<sup>28</sup> Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar, *al-Minhaj al-Qawim*, cet. 4, Damsyik : Dar al-Kalim al-Tayyib, 2004, hal. 389.

golongan *al-fuqara'*, *al-masakin*, *al-riqab*, *al-gharimin*, dan *ibn sabil*.

**Kedua:** golongan yang berhak mendapat zakat atas asas kepentingan yang ada pada pihak mereka iaitu asnaf amil, muallaf dan *fisabilillah*. Amil diperlukan bagi melancarkan pengurusan zakat. Muallaf diperlukan bagi menarik lebih ramai orang untuk memeluk Islam. Manakala pejuang yang berjihad *fisabilillah* diperlukan untuk menegakkan Islam dan menyebarkan dakwah.<sup>29</sup>

Perbezaan yang ketara antara dua golongan tersebut ialah, golongan yang mendapat zakat atas dasar keperluan dan hajat hanya diberi zakat apabila terdapat hajat sebenar seperti miskin dan terputus bekalan. Manakala golongan kedua diberi zakat walaupun mereka sudah kaya dan tidak berhajat kepada zakat. Keistimewaan inilah yang menyebabkan para ulama bersepakat bahawa bahagian yang berhak diperolehi oleh amil ialah berdasarkan upah dan bayaran kerja.<sup>30</sup>

Maka maqasid dan tujuan zakat diberikan kepada asnaf amil ialah sebagai timbal balas usaha dan bayaran kerja yang diberikan oleh amil kepada institusi zakat. Oleh itu, sepatutnya bayaran tersebut tidak terikat dengan 1/8 atau nisbah tertentu daripada jumlah zakat yang diperolehi. Bayaran itu mesti setimpal dan layak dengan kerja yang dilakukan oleh amil.

Namun dalam konteks pentadbiran zakat, ini akan menyukarkan pihak pengurusan zakat menilai dan mengkadarkaan kerja amil untuk diberi bayaran yang sepatutnya. Hal ini adalah kerana setiap amil berbeza kerja mengikut kawasan dan bilangan pembayar zakat yang datang ke kaunter zakat.

## 7. CADANGAN

Bagi mengatasi masalah ini, perlu ada mekanisme yang sesuai bagi menilai dan menetapkan bayaran yang sesuai bagi amil. Kertas kerja ini mengemukakan beberapa cadangan berdasarkan situasi yang berbeza. Antaranya:

<sup>29</sup> al-Ansari, Zakaria, *Asna al-Matalib Fi Syarh Rawd al-Talib*, jld. 1, Beirut : Dar al-Kitab al-Islami, t.t, hal. 393-399

<sup>30</sup> *Ibid.*

**Pertama:** Jika amil telah diperuntukkan gaji yang tetap oleh institusi zakat, maka amil tidak layak lagi mendapat bahagian daripada hasil zakat<sup>31</sup>.

**Kedua:** Jika berlaku pemusatan zakat sebelum diagihkan kepada amil, maka dalam situasi ini, institusi zakat boleh mengambil pandangan al-Qaradawi yang menghadkan 1/8 bagi bahagian amil. Namun kadar ini merangkumi segala pengurusan dan bayaran utiliti yang ditanggung oleh institusi zakat. Institusi zakat boleh mengagihkan upah yang sesuai bagi amildaripada lebihan bahagian ini.

**Ketiga:** Jika tidak berlaku pemusatan, amil diberi kuasa untuk mengambil bahagiannya daripada hasil pungutan zakat. Situasi inilah yang menjadi amalan di kebanyakan institusi-institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja tidak membantah untuk diteruskan praktis ini tetapi dengan kerangka yang lebih teliti. Disini dibawakan satu cadangan kerangka yang boleh dijadikan asas kepada praktis ini.

Institusi pengurusan zakat boleh menentukan had minima bagi bayaran amil sebagai upah. Ini berdasarkan asas lantikan yang memerlukan amil memperuntukkan sebahagian masanya bagi menjalankan tugas sebagai amil. Hal ini kerana amil dianggap sebagai *Ajir Khas* iaitu seseorang yang disewa dan digunakan perkhidmatannya bagi tempoh tertentu<sup>32</sup>. Asas inilah yang digunakan oleh ulama bagi hukum bayaran gaji yang diterima oleh pekerja.

Berdasarkan konsep *Ajir Khas* ini, para amil memperuntukkan sebahagian masa mereka dalam bulan Ramadhan khasnya, dan bulan-bulan lain amnya, untuk menerima pembayar zakat di kaunter dan sebagainya. Bayaran ini boleh diseragamkan kerana tempoh masa yang sama diberikan kepada semua amil. Perbezaan masa antara individu amil dari segi jumlah jam yang diperuntukkan oleh setiap mereka boleh diabaikan.

---

<sup>31</sup> al-Ansari, Zakaria, *Hasyiah al-Syarqawi ala Tuhfah al-Tullab*, jld.1, Beirut: Dar al-Fikr, t.t, hal. 391.

<sup>32</sup> al-Marghinani, 'Ali bin Abi Bakr, *Nasb al-Rayah*, cet. 2, jld. 4, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002, hal.337-338.

Timbul pula isulain iaitu kerja setiap amil berbeza mengikut tempat dan bilangan pembayar yang datang ke kaunternya. Hal ini dapat diselesaikan dengan menambah bayaran upah yang diterima oleh amil jika buku resit yang digunakan melebihi daripada bilangan tertentu. Bayaran ini ditambah selepas mendapat bayaran asas yang ditetapkan oleh institusi zakat. Contohnya:

Bayaran asas amil: RM 1,000

Jika bilangan buku resit yang digunakan melebihi 10 buah, sebanyak RM 100akan ditambah bagi setiap buku.

Amil A- Buku resit 4: RM 1,000

Amil B- Buku resit 12:  $RM\ 1,000 + RM\ 100 \times 2 = RM\ 1,200$

Rasional menjadikan asas pengiraan berdasarkan buku resit, tidak kepada jumlah zakat yang dapat dikumpulkan oleh setiap amil, ialah kerana kerja amil dalam situasi masa kini hanyalah menunggu di kaunter zakat dan membuat resit bagi setiap pembayar. Walaupun pembayar yang datang membawa jumlah zakat yang berbeza-beza, namun tugas amil hanyalah sama, iaitu menulis resit sahaja. Hal ini berbeza jika dibandingkan dengan para amil pada satu ketika dahulu. Mereka sendiri yang mencari pembayar zakat dan memikul beras serta hasil zakat tersebut untuk diagihkan sendiri kepada golongan yang berhak.

## 8. KESIMPULAN

Daripada perbincangan diatas, dapat disimpulkan beberapa perkara, antaranya:

- i. Konsep sama rata yang hanya didasari oleh mazhab Syafi'i tidak merangkumi asnaf amil. Manakala mazhab-mazhab lain tidak mensyaratkan kesamarataan pada pembahagian zakat kepada asnaf;
- ii. Kadar agihan sebenar zakat kepada amil bukanlah 1/8 seperti mana yang difahami dan dilaksanakan dalam konteks negara Malaysia. Praktis ini merupakan salah

- faham terhadap teks matan utama karangan ulama Mazhab Syafi'i tanpa merujuk kepada kitab syarahnya;
- iii. Ulama Mazhab Empat sepakat bahawa amil perlu diberi upah yang setimpal dengan kerjanya tanpa menentukan nisbah tertentu daripada hasil zakat;
  - iv. Sekiranya jumlah upah yang berhak diterima oleh amil tidak mencukupi hasil pungutan zakat, pihak berwajib perlu menyempurnakan upah tersebut daripada Baitulmal;
  - v. Amil perlu memulangkan semula bayaran yang melebihi upah yang sepatutnya diterima berdasarkan kerja kepada asnaf-asnaf lain; dan
  - vi. Asas bahagian amil daripada zakat ialah berdasarkan upah kerja yang dilakukannya. Ini bertepatan dengan maqasid syariah yang menentukan bayaran yang adil bagi setiap pekerjaan.

## RUJUKAN

Ibn Mandhur, *Lisan al-'Arab*, jld. 60, Beirut : Dar Sadir, 1956

Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jld 2, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.

Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jld. 4, Kaherah : Dar al-Hadith, 2004.

Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, Jld. 7, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t..

al-Qaradawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, jld. 1, Beirut : Muassasah al-Risalah, 1981.

Al-Qaradawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, Jld. 2, Kaherah : Maktabah Wahbah, 2006.

Al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad, *Hashiyah al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*, jld. 4, t.t , t.t.

Muhammad 'Uqlah, *Ahkam al-Zakah wa al-Sadaqah*, cet.1 Amman : Maktabah al-Risalah al-Hadithah, 1982.

Ibn Hummam, *Fath al-Qadir*, Jld. 2, Beirut : Dar al-Fikr, t.t.

Al-Ghiryani, *Mudawannah al-Fiqh al-Maliki*, Jld. 2, Beirut : Muassasah al-Rayyan, 2006

Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib, *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*, Jld. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah , 1997.

Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar, *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*, Jld.7, Beirut : Dar al-Fikr, t.t.

Al-Babarti, Muhammad bin Mahmud, *Syarh al-'Inayah 'Ala al-Hidayah*, jld.2, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

Abd al-Karim Zaidan, *al-Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*, cet. 16, Beirut : Muassasah al-Risalah, 2003.

Al-Qurtubi,Muhammad bin Ahmad Ibn Rusyd, *Bidayah Mujtahid*, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, Jld. 1, t.t.

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Afandi, *Hasyiah Ibn 'Abidin*, Jld. 3, Beirut : Dar al-Ma'rifah, 2000.

al-Mardawi, 'Ala al-Din, *al-Insaf fi Makrifah al-Rajih min al-Khilaf*, Jld. 3, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1998

Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar, *al-Minhaj al-Qawim*, cet. 4, Damsyik : Dar al-Kalim al-Tayyib, 2004.

al-Ansari, Zakaria, *Asna al-Matalib Fi Syarh Rawd al-Talib*, jld. 1, Beirut : Dar al-Kitab al-Islami, t.t.

al-Ansari, Zakaria, *Hasyiah al-Syarqawi ala Tuhfah al-Tullab*, jld.1, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

al-Marghinani, 'Ali bin Abi Bakr, *Nasb al-Rayah*, cet. 2, jld. 4, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009) *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia : Mengapa*

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR.....

*Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?,* Jurnal Syariah jilid 17, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil. 1, 2009

**<http://www.e-fatwa.gov.my>**

# **KEFAHAMAN MASYARAKAT UMUM TENTANG GOLONGAN YANG BERHAK MENERIMA WANG ZAKAT: SIAPA YANG LAYAK**

*Oleh:*

Dr. Rosbi Binti Abd Rahman<sup>1</sup>

## **ABSTRAK**

*Secara umumnya kalangan masyarakat Islam di luar sana mengetahui bahawa ibadah zakat adalah merupakan rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang wajib dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Namun apabila membicarakan tentang kefahaman masyarakat terhadap siapakah mereka yang berhak menerima agihan zakat, wujud kekeliruan di kalangan umum tentang siapakah asnaf yang sebenarnya layak menerima agihan zakat. Dalam kontek ini adalah perlu bagi semua pihak berwajib agihan zakat terus memberikan maklumat dan penerangan yang lengkap agar salah tanggapan dan kekeliruan ini dapat diatasi.*

**Perkataan Teras** : Agihan zakat, asnaf

**Klasifikasi JEL** : Z12, H80

---

<sup>1</sup> Pengarah Zakat, Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)

## 1. PENDAHULUAN

Menerusi kewajipan menunaikan zakat, bukan sahaja perlu dilihat sebagai satu tanggungjawab insan kepada penciptanya dengan mentaati perintahnya tetapi perlu juga dilihat sebagai satu mekanisma yang berupaya untuk memastikan kesejahteraan ummah dan menjamin keadilan sosioekonomi dalam masyarakat.

Dalam ibadah zakat telah ditentukan dengan sejelas-jelasnya siapakah golongan yang wajib membayar zakat, apakah syarat-syarat yang wajib untuk seseorang mengeluarkan zakat, jenis-jenis zakat yang wajib dikeluarkan zakat termasuk juga siapakah golongan asnaf yang layak menerima agihan zakat.

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Taubah ayat 71 yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong kepada setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahanatan dan mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat serta taat kepada Allah dan RasulNya mereka akan diberi rahmat oleh Allah SWT Sesungguhnya Allah Maha berkuasa dan bijaksana.”*

Kewajipan menunaikan zakat ini antara lain akan dapat mendidik jiwa manusia menjadi lebih tenang dan tenteram, menyucikan harta dan jiwa mereka seperintama Firman Allah SWT dalam Surah Al-Taubah ayat 103 yang bermaksud:

*“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka dan zakat itu membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman bagi jiwa mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui.”*

Golongan-golongan yang berhak menerima agihan zakat juga telah dinyatakan dengan jelasnya berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keperluan) dalam perjalanan, (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui lagi Maha bijaksana.”*

Justeru sewajarnya dalam memastikan agihan zakat benar-benar mencapai kepada golongan sasaran yang tepat dan mematuhi syarak, kefahaman yang sewajarnya perlu diberi perhatian bagi memastikan masyarakat umum memahami dengan sejelasnya siapakah yang berhak menikmati agihan zakat supaya tidak terbit persepsi negatif terhadap pihak pengurusan zakat di negara ini seolah-olah mengabaikan golongan yang dirasakan berhak menerima zakat tetapi tercicir dari menerimanya.

Salah tanggapan ini perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya pada akhirnya agihan zakat dapat diberikan hanya kepada mereka yang benar-benar berhak dan tidak dimanipulasikan oleh golongan lain yang tidak sewajarnya layak menerima bantuan zakat.

## 2. PENGAGIHAN ZAKAT

Sepertimana yang telah dijelaskan dalam surah Al-Taubah ayat 60 menjelaskan hanya 8 golongan sahaja yang berhak menerima zakat iaitu golongan fakir, miskin, amil, orang yang dijinakkan hati (mualaf), al-riqab, al-gharimin, ibnu sabil dan *fisabilillah*.

Walaupun telah jelas 8 golongan sahaja yang dibenarkan menerima agihan zakat ini, masih timbul kekeliruan masyarakat terhadap adanya golongan-golongan yang mereka rasakan turut layak menerima bantuan zakat berkenaan. Sungguhpun sekiranya dikaji dengan teliti golongan yang dinyatakan ini tidak secara automatik layak dimasukkan kedalam golongan ini melainkan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

## 2.1 Golongan Anak Yatim

Seringkali masyarakat di luar sana menganggap bahawa anak yatim iaitu samada yang kematian ibu atau ayah atau kedua-duanya sekali layak secara automatik berhak mutlak menerima bantuan zakat. Ini kerana mereka merasakan bahawa anak yatim tersebut telah secara rasminya telah hilang tempat pergantungan hidup setelah kematian ibu atau ayah. Justeru itu salah tanggapan ditangani ini seharusnya ditangani dengan sewajarnya. Ini kerana sekiranya golongan anak yatim ini mewarisi harta peninggalan yang mewah dan mencukupi untuk menyara kehidupannya mahupun mempunyai waris yang mampu untuk menyara anak yatim itu maka ianya tidak membolehkan golongan tersebut mendapat bantuan agihan zakat terutama di bawah kategori asnaf fakir dan miskin.

Justeru itu kefahaman sewajarnya perlu diberi penjelasan bagi memastikan agihan zakat diberikan kepada yang benar-benar berhak sahaja terutama kepada segelintir masyarakat yang masih cenderung mengagihkan zakat secara terus tanpa melalui amil yang dilantik oleh pihak berkuasa. Ini bagi memastikan bahawa zakat yang diagihkan tersebut sampai kepada golongan yang sepatutnya dan sekiranya tidak kepada yang sepatutnya maka si pembayar zakat tersebut tidak dikira selesai menunaikan zakat dengan mengikut syarat yang sepatutnya.

Walaubagaimanapun ini bukan bermakna golongan anak yatim dipinggirkan begitu sahaja. Ini kerana sekiranya anak-anak yatim tersebut terdiri daripada keluarga yang tersenarai dalam kategori fakir dan miskin maka ianya adalah layak untuk menerima agihan zakat tersebut. Salah tanggapan ini perlu ditangani kerana kedapatan masyarakat yang menganggap bahawa pusat agihan mengurus zakat mengabaikan golongan ini, sedangkan pada hakikatnya agensi mengurus zakat menjalankan tanggungjawab dengan menyelidik secara terperinci kedudukan anak yatim tersebut sebelum agihan dapat disalurkan. Ini bagi memastikan agihan zakat dilakukan

dengan tepat dan teratur dan tidak pula timbul persepsi bahawa agihan zakat diberikan kepada yang tidak berhak dan bagi mengelakkan ianya dimanipulasi oleh golongan yang ingin mengambil kesempatan.

## 2.2 Golongan Ibu Tunggal

Satu lagi golongan yang seringkali dikaitkan sebagai golongan yang layak menerima bantuan zakat adalah golongan ibu tunggal. Ibu tunggal ialah merangkumi wanita yang kematian suami dan sedia meneruskan tugas membesarkan anak-anak/wanita yang telah bercerai dengan suami dan diberi hak penjagaan ke atas anak-anaknya/wanita yang tidak diberi nafkah oleh suami untuk menyara hidupnya dan anak-anaknya/wanita yang berada di dalam proses perceraian (yang mungkin akan mengambil masa yang panjang)/suami uzur dan tidak mampu menyediakan nafkah dan memerlukan penjagaan rapi serta wanita yang membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami.<sup>2</sup> Memandangkan kebanyakan majoriti ibu tunggal seringkali dikaitkan dengan keadaan kesusahan untuk membesarkan keluarga secara bersendirian, ramai yang beranggapan mereka ini secara automatik layak diberikan zakat.

### a. Latar Belakang Responden

Responden kajian terdiri daripada 385 orang dan maklumat lengkap boleh dirujuk seperti dalam jadual 4. Seramai 352 (91.4%) orang responden berada di bandar dan 33 (8.6%) orang berada di luar bandar. Melalui kajian yang dilakukan secara atas talian (atas talian) ini didapati daerah yang paling ramai adalah daerah Petaling iaitu seramai 124 (32.2%) orang diikuti daerah Ulu Langat seramai 80 (20.8%) orang. Manakala yang terendah adalah negara luar iaitu hanya seorang (0.3%). Jika dilihat kepada responden dalam negara, daerah Kuala Langat adalah yang terendah iaitu 2 (0.5%) orang.

Hasil kajian menunjukkan bilangan responden perempuan adalah yang paling ramai, namun jumlah perbezaan tidak terlalu ketara iaitu seramai 197 (51.2%) orang perempuan dan 188 (48.8%) orang lelaki.

Dapatan menunjukkan responden yang berumur 18 hingga 33 tahun adalah yang tertinggi iaitu seramai 200 (51.9%) orang, diikuti responden berumur 34 hingga 49 tahun iaitu seramai 150 (39.0%) orang dan yang paling rendah adalah responden yang berusia 50 hingga 64 tahun iaitu hanya 35 orang (9.1%). Min iaitu purata bagi umur responden adalah 34.92 manakala mod iaitu kekerapan umur yang paling tinggi adalah responden yang berumur 30 tahun.

Responden kajian secara keseluruhannya adalah berbangsa Melayu dan hanya seorang responden sahaja terdiri daripada bangsa lain-lain. Lain-lain adalah merujuk kepada kaum minoriti yang terdapat di Malaysia. Seramai 294 (76.4%) responden dalam kajian ini telah berkahwin manakala hanya 91 (23.6%) orang yang belum berkahwin.

Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada golongan yang telah bekerja, dan melalui hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa bilangan responden yang bekerja dalam sektor kerajaan/awam adalah yang tertinggi iaitu seramai 282 (73.2%) dan pekerja swasta adalah seramai 103 (26.8%) orang.

Secara keseluruhannya pendapatan responden berada pada tahap rendah di mana nilai min iaitu purata gaji responden adalah RM3,646.07 dan nilai mod iaitu kekerapan nilai gaji yang tertinggi adalah RM3,000.00. Merujuk kepada **Jadual 4** di bawah, julat gaji antara RM500 hingga RM7,000 adalah merupakan yang tertinggi iaitu seramai 355 (92.2%) orang responden dan julat gaji antara RM7,001 hingga RM20,000 ialah seramai 30 (7.8%) orang responden.

Tahap pendidikan tertinggi responden kajian adalah Ijazah Sarjana Muda di mana kekerapan responden adalah seramai 143 (37.1%) orang. Manakala Diploma adalah yang kedua tertinggi bagi tahap pendidikan responden iaitu seramai 84 (21.8%) orang, diikuti Master seramai 53 (13.8%) orang, PHD (Doktor Falsafah) seramai 37 (9.6%) orang, SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) seramai 36 (9.4%) orang, sijil seramai 20 (5.2%) orang dan tahap pendidikan tertinggi yang terendah adalah STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) iaitu hanya seramai 12 (3.1%) orang responden.

**Jadual 3:** Demografi responden

	Faktor demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Lokasi	Bandar	352	91.4
	Luar Bandar	33	8.6
Daerah	Gombak	40	10.4
	KL	29	7.5
	Putrajaya	15	3.9
	Negeri lain	11	2.9
	Negara lain	1	0.3
	Klang	61	15.8

	Kuala langat	2	0.5
	Kuala selangor	6	1.6
	Petaling	124	32.2
	Sabak bernam	4	1.0
	Sepang	5	1.3
	Ulu langat	80	20.8
	Ulu selangor	7	1.8
<hr/>			
Jantina	Lelaki	188	48.8
	Perempuan	197	51.2
<hr/>			
Umur	18-33	200	51.9
	34-49	150	39.0
	50-64	35	9.1
<hr/>			
Bangsa	Melayu	384	99.7
	Lain-lain	1	0.3
<hr/>			
Status perkahwinan	Telah berkahwin	294	76.4
	Belum berkahwin	91	23.6
<hr/>			
Sektor pekerjaan	Kerajaan/awam	282	73.2
	Swasta	103	26.8
<hr/>			
Gaji	500-7,000	355	92.2
	7,001-20,000	30	7.8
<hr/>			
Tahap pendidikan	Rendah (UPSR, PMR, SPM)	36	9.4
	Sederhana (STPM, Sijil, Diploma)	116	30.1
	Tinggi (Sarjana muda, Master, PhD)	233	60.5

---

**b. Pengetahuan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Responden**

Tahap pengetahuan *ICT* responden diukur menggunakan 4 item dan 4 skala (sangat tidak tahu, tidak tahu, tahu dan sangat tahu). Ukuran tahap pengetahuan *ICT* berdasarkan tahap pengetahuan responden terhadap peralatan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi yang asas, dan mempunyai kaitan dengan penggunaan laman web serta alat medium untuk membuat pembayaran zakat

secara atas talian (atas talian). Antaranya adalah tahap pengetahuan tentang komputer/laptop, internet, telefon bimbit dan web browser (seperti internet explorer / mozilla dan sebagainya).

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan *ICT* responden berada pada tahap yang tinggi di mana seramai 195 (50.6%) orang berada pada tahap “tinggi”, diikuti 190 (49.4%) pada tahap “sederhana” dan tiada (0%) pada tahap “rendah”. Dapat dilihat disini bahawa 100% responden berada pada tahap yang celik *ICT* atau pengetahuan *ICT* berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 4:** Tahap pengetahuan *ICT*

	Bil.responden	Peratus (%)
Rendah (4 hingga 7)	0	0
Sederhana (8 hingga 12)	190	49.4
Tinggi (13 hingga 16)	195	50.6
Total	385	100.0
	Minimum: 10	
	Maximum: 16	

### c. Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Responden

Teknologi maklumat dan komunikasi terbahagi kepada dua iaitu teknologi maklumat dan teknologi komunikasi. Ukuran bagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kajian ini adalah menggunakan 17 item dan 4 skala (tidak pernah guna, jarang, selalu, sangat kerap). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi responden secara puratanya berada pada tahap yang tinggi di mana nilai min iaitu purata keseluruhan adalah sebanyak 54.46 dan nilai mod iaitu kekerapan yang paling tinggi adalah 53. Nilai 53 menunjukkan tahap penggunaan teknologi maklumat responden berada pada tahap tertinggi. Sebanyak 271 (70.4%) orang responden berada pada tahap “tinggi”, diikuti tahap

“sederhana” sebanyak 113 (29.4%) orang dan tahap “rendah” hanya sebanyak seorang (0.3%) orang.

**Jadual 5:** Tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi

	Bil.responden	Peratus (%)
Rendah (17 hingga 33)	1	0.3
Sederhana (34 hingga 51)	113	29.4
Tinggi (52 hingga 68)	271	70.4
Total	385	100.0
		Minimum: 33
		Maximum: 68

Kekerapan penggunaan peralatan *ICT* responden berada pada tahap tertinggi bagi penggunaan “sangat kerap” diikuti “selalu”, “jarang” dan “tidak guna”. Penggunaan telefon bimbit adalah kekerapan yang tertinggi iaitu seramai 342 orang. Kekerapan kedua tertinggi adalah penggunaan internet, diikuti penggunaan komputer atau laptop dan penggunaan terendah adalah penggunaan web browser.

Kekerapan tertinggi penggunaan teknologi maklumat responden adalah untuk mendapatkan maklumat, sebanyak 344 orang responden menjawab “selalu”, diikuti 34 orang menjawab “kadang-kadang”, 4 orang “tidak pernah” dan 3 orang menjawab “jarang-jarang”.

Kekerapan kedua tertinggi penggunaan teknologi maklumat adalah untuk membaca emel atau menghantar emel, responden yang “selalu” membuka atau membaca serta menghantar emel adalah seramai 335 orang. “Kadang-kadang” sebanyak 33 orang, “jarang” 13 orang dan “tidak pernah” seramai 4 orang.

Seterusnya penggunaan teknologi maklumat yang bertujuan untuk pembelajaran seramai 245 orang menjawab “selalu”, 122 orang menjawab “kadang-kadang”, “jarang-jarang” seramai 14 orang dan “tidak pernah” seramai 4 orang.

Penggunaan teknologi maklumat yang bertujuan untuk pekerjaan seramai 238 orang menjawab “selalu”, 72 orang menjawab “kadang-kadang”, “jarang-jarang” seramai 53 orang dan “tidak pernah” seramai 22 orang. Penggunaan teknologi maklumat untuk tujuan membaca berita atas talian adalah seramai 233 orang menjawab “selalu”, 108 orang menjawab “kadang-kadang”, “jarang-jarang” seramai 36 orang dan “tidak pernah” seramai 8 orang. Penggunaan teknologi maklumat untuk tujuan melayari laman sosial dan mencari maklumat berkenaan Islam atau agama berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu jumlah responden yang “selalu” melayari laman sosial dan mencari maklumat berkenaan agama tetap berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 218 dan 166 orang.

Data yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa responden kebanyakannya kurang berminat untuk melayari internet bagi tujuan “blogging”, urusan perniagaan, menyertai forum-forum atas talian, “chatting”, dan melakukan transaksi atau pembayaran menggunakan pembankuan atas talian.

#### d. Hasil Ujian Normaliti

Sebelum memulakan ujian statistik inferensi, ujian normaliti taburan data perlu dilakukan terlebih dahulu (Chua Yan Piaw, 2006) untuk menentukan sama ada taburan normal atau tidak normal. Ujian normaliti dilakukan ke atas pembolehubah tahap penggunaan laman web zakat LZS dan tahap penerimaan pembayaran zakat secara atas talian.

Pengkaji menggunakan ujian normaliti dengan melihat hasil bentuk graf pada Histogram dan lekukan plot-plot P-P atau Q-Q untuk menentukan taburan data adalah normal atau tidak normal.

Hasil lekukan daripada ujian normaliti menunjukkan taburan bagi ukuran penggunaan laman web zakat Lzs dan penerimaan pembayaran zakat secara atas talian adalah tidak normal. Dengan itu, ujian bukan parametrik dipilih untuk menguji perhubungan atau perbezaan serta perkaitan antara pembolehubah yang wujud dalam kajian ini. Hasil ujian normaliti boleh dirujuk seperti di **Lampiran 1**.

### **i. Tahap Penerimaan Pengguna Terhadap Pembayaran Zakat Secara Atas Talian**

**Jadual 6:** Tahap penerimaan terhadap kaedah pembayaran zakat atas talian

	Bil.responden	Percent
Rendah (15 hingga 34)	7	1.8
Sederhana (35 hingga 55)	187	48.6
Tinggi (56 hingga 75)	191	49.6
Total	385	100.0
	Minimum: 23	
	Maximum: 75	

Secara keseluruhannya tahap penerimaan responden terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan responden memberi persepsi yang sangat positif terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian. Persepsi yang sangat positif ini menunjukkan bahawa majoriti responden menerima kaedah pembayaran zakat secara atas talian ini kerana ia memudahkan, mempercepatkan urusan dan senang digunakan serta diyakini. Tahap penerimaan responden merangkumi tiga bahagian, iaitu persepsi terhadap kemanfaatan, persepsi kemudahan penggunaan dan kepercayaan terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian.

## ii. Tahap persepsi terhadap kemanfaatan

**Jadual 7:** Tahap persepsi terhadap kemanfaatan

	Bil.responden	Peratus (%)
Rendah (4 hingga 9)	10	2.6
Sederhana (10 hingga 15)	117	30.4
Tinggi (16 hingga 20)	258	67.0
Total	385	100.0
	Minimum: 4.0	
	Maximum: 20.0	

Persepsi responden terhadap kemanfaatan penggunaan kaedah pembayar zakat secara atas talian secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 67.0% (258 orang) memberi persepsi bahawa penggunaan kaedah ini sangat memberi manfaat. Ukuran kemanfaatan dalam kajian ini adalah menjadikan pembayaran lebih cepat, memudahkan, sangat bermanfaat dan lebih berkesan. Responden yang menjawab “setuju” berada pada tahap yang tertinggi bagi kesemua item, dan “sangat setuju” pada tahap kedua tertinggi. Manakala responden yang menjawab “tidak pasti” berada pada tahap sederhana, dan “tidak setuju” adalah di tahap yang terendah. “Sangat tidak setuju” juga berada pada tahap yang sangat rendah.

Penyelidik merumuskan bahawa persepsi responden terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian adalah lebih cepat daripada pembayaran melalui kaunter zakat, memudahkan urusan pembayaran zakat, sangat bermanfaat jika digunakan dan lebih berkesan berbanding kaedah lain. Hasil analisis ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pengguna laman web zakat

LZS adalah terdiri daripada golongan yang menerima dan memanfaatkan teknologi dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang muslim.

**Jadual 8:** Persepsi terhadap kemanfaatan pembayaran zakat secara atas talian mengikut item

	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Tahap
		f(%)	f(%)	f(%)	f(%)	f(%)	
C4.a)	Pembayaran zakat secara atas talian akan:- menjadikan pembayaran zakat lebih cepat.	9 (2.3)	7 (1.8)	40 (10.4)	180 (46.8)	149 (38.7)	Tinggi
C4.b)	memudahkan saya membayar zakat.	10 (2.6)	10 (2.6)	47 (12.2)	181 (47)	137 (35.6)	Tinggi
C4.c)	menjadi sangat bermanfaat kepada saya.	14 (3.6)	3 (0.8)	67 (17.4)	172 (44.7)	129 (33.5)	Tinggi
C4.d)	menyebabkan pembayaran zakat saya lebih berkesan.	19 (5)	14 (3.6)	87 (22.6)	159 (41.3)	106 (27.5)	Tinggi

### iii. Tahap persepsi Kemudahan Penggunaan

Persepsi responden terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian dari sudut mudah dalam menggunakan berada pada tahap yang tinggi. Mereka boleh menggunakan dengan mudah tanpa bantuan dari pakar. Di sini jelas menunjukkan bahawa sistem pembayaran zakat melalui atas talian yang telah dibangunkan oleh pihak zakat memudahkan pengguna, mesra pengguna dan memberi panduan kepada pengguna dalam menggunakan.

**Jadual 9:** Tahap persepsi kemudahan penggunaan

	Bil.responden	Peratus (%)
Rendah (6 hingga 13)	6	1.6
Sederhana (14 hingga 22)	180	46.8
Tinggi (23 hingga 30)	199	51.7
Total	385	100.0
		Minimum: 11
		Maximum: 30

Persepsi terhadap kemudahan pembayaran zakat secara atas talian boleh dilihat dengan lebih lanjut seperti dalam rajah 8 di bawah. Sebanyak 6 item dan 5 ukuran skala (sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, sangat setuju) dimuatkan dalam instrumen ini. Hasil kajian menunjukkan tahap “setuju” adalah yang tertinggi bagi keempat-empat item kecuali item kelima dan keenam sahaja. Namun, tahap “setuju” tetap berada di tahap yang tinggi bagi item tersebut. Secara keseluruhannya jumlah responden yang “setuju” adalah yang tertinggi, diikuti dengan “tidak pasti”, “sangat setuju”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”.

#### iv. **Tahap kepercayaan Terhadap Pembayaran Zakat Atas talian**

Tahap kepercayaan responden terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian adalah sederhana, iaitu nilai tertinggi bagi hasil soal selidik untuk item persepsi kepercayaan adalah “sederhana”. Namun, kepercayaan pada tahap “tinggi” menunjukkan bilangan responden yang agak ramai berbanding tahap “rendah”. Ini menunjukkan bahawa responen memberi kepercayaan yang tinggi terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian.

Elemen kepercayaan merupakan perkara yang penting dalam urusan transaksi yang melibatkan wang melalui atas talian. Seorang pembeli yang hilang kepercayaan terhadap sesuatu produk pasti tidak akan membelinya kecuali atas faktor-faktor lain. Begitu juga dengan kepercayaan dalam melakukan transaksi wang. Tanpa elemen kepercayaan, pengguna pasti tidak akan menggunakan sistem tersebut. Kepercayaan adalah antara perkara asas dalam kehidupan manusia, tanpa kepercayaan kita mungkin tidak akan melakukan sesuatu yang tidak dipercayai.

**Jadual 10:** Tahap kepercayaan terhadap pembayaran zakat atas talian

	Bil.responden	Percent
Rendah (5 hingga 11)	18	4.7
Sederhana (12 hingga 18)	227	59.0
Tinggi (19 hingga 25)	140	36.4
Total	385	100.0
		Minimum: 5
		Maximum: 25

Ukuran tahap kepercayaan ini telah ditentukan oleh 5 item dan 5 skala (sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju, sangat tidak setuju). Bagi item pertama iaitu “sah dari segi hukum syarak”, tahap “setuju” adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 153 orang. Bagi item kedua, “selamat digunakan” tahap “setuju” adalah yang tertinggi iaitu seramai 158 orang. Begitu juga item ketiga, “lebih mudah digunakan berbanding pembayaran secara kebiasaan” tahap “setuju” adalah yang tertinggi. Namun, bagi item “lebih telus” tahap “tidak pasti” adalah yang tertinggi, manakala item kelima tahap “setuju” adalah yang tertinggi.

Secara puratanya dapat dilihat responden berada pada tahap “setuju” dan “tidak pasti” dalam mempercayai penggunaan kaedah pembayaran zakat secara atas talian. Dalam analisis kajian ini secara lebih jelas menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan soalan-soalan yang diajukan. Namun, tetap terdapat ketidakpastian dalam diri responden apabila jawapan “tidak pasti” yang diterima mencatatkan antara nilai yang agak tinggi. Ini menunjukkan promosi atau maklumat tentang ketelusan atau keselamatan sistem pembayaran zakat atas talian oleh pihak zakat Lzs masih belum meluas dan memberi keyakinan yang tinggi kepada pengguna. Walaupun tidak dinafikan keyakinan telah wujud dalam diri responden, namun perasaan was-was atau tidak jelas itu masih wujud dalam diri mereka.

### **PERKAITAN ANTARA “KEMUDAHAN PENGGUNAAN”, “KEMANFAATAN” DAN “KEPERCAYAAN” DALAM PENERIMAAN PENGGUNA TERHADAP PEMBAYARAN ZAKAT ATAS TALIAN.**

**Jadual 11:** Perkaitan antara “kemudahan penggunaan”, “kemanfaatan” dan “kepercayaan” dalam penerimaan pengguna terhadap pembayaran zakat atas talian

<b>Perkaitan antara pembolehubah</b>		
	Penerimaan kaedah pembayaran zakat online	
Kemanfaatan	R	0.825**
	P	0.000
Kemudahan penggunaan	R	0.861**
	P	0.000
Kepercayaan	R	0.784**
	P	0.000

\*p<0.05; N=385

Hasil analisis menunjukkan terdapat perkaitan yang kuat antara ketiga-tiga pembolehubah dengan penerimaan pengguna terhadap pembayaran zakat atas talian. Kemudahan menggunakan sistem pembayaran zakat atas talian, kemanfaatan dalam menggunakan sistem pembayaran zakat atas talian dan kepercayaan terhadap sistem pembayaran zakat atas talian memberi perkaitan yang kuat dalam penerimaan pembayaran zakat atas talian responden. Kesimpulannya di sini bahawa dalam menerima sistem pembayaran zakat atas talian faktor-faktor seperti manfaat kepada pengguna, penggunaan yang mudah dan kepercayaan terhadap sistem memberi peranan penting.

## RUMUSAN

Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa, penerimaan terhadap pembayaran zakat secara atas talian menunjukkan faktor-faktor seperti umur, tahap pendapatan, pengetahuan *ICT* dan penggunaan *ICT* mempunyai perbezaan yang signifikan. Tidak dinafikan persepsi responden terhadap kemudahan teknologi dalam menunaikan zakat adalah di tahap yang tinggi. Responden turut ditanyakan mengenai persepsi terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian melalui soalan terbuka. Hasilnya didapati seramai 48 (12.5%) orang memberi persepsi negatif dan 161 (41.8%) orang memberi persepsi positif. Manakala sebanyak 176 orang tidak memberi sebarang komen dan menjawab tidak pasti. Persepsi negatif responden adalah mengenai hukum jika menggunakan kaedah pembayaran zakat secara atas talian. Seramai 14 orang responden was-was dengan kaedah pembayaran zakat secara atas talian kerana disebabkan tiada akad. Selebihnya memberi persepsi negatif disebabkan oleh soal keselamatan transaksi dalam talian, kurang memberi kesan dalam jiwa pembayar, prosedur penggunaan sistem atas talian perlu diberi panduan dengan lebih luas, kurang yakin dan sebagainya. Manakala respon positif yang diterima menjelaskan bahawa kemudahan ini amat baik dalam memudahkan urusan masyarakat Islam, dalam menyebarkan syiar Islam dan mempercepatkan urusan. Bagi responden yang menjawab "tidak pasti", terdapat dari kalangan ini yang tidak mengetahui tentang kewujudan

kaedah pembayaran zakat secara atas talian dan tidak pernah menggunakannya.

## **IMPLIKASI**

Implikasi daripada kajian ini dapat dilihat persepsi responden terhadap kaedah pembayaran zakat secara atas talian. Daripada respon yang diterima daripada responden, rata-rata menyatakan bahawa kaedah pembayaran zakat secara atas talian merupakan suatu medium yang bagus, mempercepatkan urusan dan menjimatkan masa. Namun, bagi responden yang pernah menggunakan mengharapkan agar sistem ini lebih selamat dan keselamatan ketika proses transaksi dapat dipertingkatkan lagi serta menyediakan resit sebagai bukti pembayaran zakat. Selain itu terdapat segelintir responden yang merasa syak dengan kaedah ini lantaran tiada akad ketika proses pembayaran dilakukan. Rata-rata responden yang sebilangan kecil yang menolak kaedah ini adalah disebabkan oleh perasaan ingin menghayati hakikat sebenar pembayaran zakat dan menjiwainya. Bagi mereka pembayaran zakat secara bersemuka dengan amil serta adanya akad tidak boleh ditukar ganti dengan teknologi.

## **CADANGAN**

Hasil daripada kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa cadangan yang ingin diajukan kepada pihak yang berkaitan dalam menguruskan zakat serta penyelidik-penyelidik akan datang yang berminat dalam melakukan penyelidikan berkaitan zakat dan teknologi. Pihak pengurusan zakat perlu menyediakan banyak lagi ruang dan peluang kepada penyelidik-penyelidik untuk mengetahui persepsi masyarakat terhadap pengurusan zakat dan mengenal pasti masalah-masalah asnaf serta menambah baik keperluan asnaf. Sebaiknya pihak pengurusan perlu menambah lagi pemantau-pemantau untuk mengetahui asnaf-asnaf yang layak menerima zakat sehingga pihak asnaf tidak perlu lagi melalui pelbagai prosedur serta menebalkan muka untuk meminta-minta. Sebelum tumpuan lebih banyak kepada asnaf fisabilillah, pihak pengurusan juga perlu peka terhadap kategori-kategori asnaf lain yang

lebih memerlukan untuk meneruskan hidup. Pihak pengurusan juga diharapkan dapat mendalami lagi isu-isu berkaitan pengurusan zakat seperti penggunaan keselamatan dan ketelusan sistem teknologi dalam pembayaran zakat, pemahaman dalam persoalan “akad” atau isu-isu semasa yang lain. Diharapkan agar bakal-bakal penyelidik akan datang yang berminat dalam mengkaji tentang zakat dan teknologi supaya dapat mendalami dengan lebih mendalam lagi isu-isu berkaitan zakat dalam penggunaan teknologi. Kajian ini hanya memfokuskan tentang persepsi pengguna laman web LZS terhadap laman web zakat LZS dan terhadap pengurusan zakat LZS serta perkaitan antara variabel-variabel yang wujud. Pengkaji akan datang diharapkan agar dapat mengembangkan lagi kajian ini kepada semua pengurusan-pengurusan zakat di Malaysia atau bandingkannya dengan pengurusan zakat dan teknologi zakat di negara luar.

## RUJUKAN

Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusuf, B., Abdul Rahim, H.. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing.

Azizol, K. (2002). Analisis Penerimaan (Acceptance) Penggunaan Personal Computer (PC) Dengan Technology Acceptance Model (TAM) (Studi Kasus pada Perusahaan Perdagangan Kecil di Kota Medan). Tesis Disertasi. Universitas Diponegoro.

Azlina, A. (2012). *Pelan Strategik Ict Sektor Awam (Psisp): Ke Arah Transformasi Digital Sektor Awam*. MAMPU.

Davis, F.D. (1989). *Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology*. MIS Quarterly, 13 (3), pp. 318-340.

Hair J.F., Money A.H., Samouel p & Page M. (2007). *Research Methods for Business*.England: John Wiley & Sons,Ltd

Ismahafezi, I. (2009). *Pembangunan Laman Web Pencarian Kerja Dengan Aplikasi Second Life*. Unpublished degree dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

Mohamed Izam, M. Y. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor : Mengorak Langkah Meneraju Perubahan. USM Pulau Pinang.

Mohd Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh & Zaidatun, T. (2001). "Pengenalan kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Noorhayati, A. H. (2011). *Customers' perception of online zakat payment between government and private sector employee*. Tesis Disertasi. Universiti Utara Malaysia.

Rajih, W. (2009). Analisis *Technology Acceptance Model* (TAM) Terhadap Faktor Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Nasabah Terhadap Layanan Internet Banking (Studi Empiris Terhadap Nasabah Bank Di Depok). Tesis disertasi. Universitas Gunadarma.

Sanep, A., & Zulkifli. (2010). Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Suatu Tinjauan Teori. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, 501-516.

Shofian, A. & Amir Husin, M. N. (2002). *Zakat membangun ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Todman, J. (2000). Gender differences in computer anxiety among university entrants since 1992. *Computers and Education*, 34, 27–35.



# **PERANAN ZAKAT DALAM MENGATASI MASALAH MURTAD DI KALANGAN MUALLAF DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL**

*Oleh:*

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>1</sup>

Nisar Mohammad Ahmad<sup>2</sup>

Azman Ab. Rahman<sup>3</sup>

## **ABSTRAK**

*Jenayah murtad merupakan salah satu dari kesalahan hudud yang boleh membawa ancaman besar kepada akidah umat Islam. Kerana bahayanya jenayah ini, Islam telah mengenakan hukuman yang amat berat iaitu berupa hukuman bunuh ke atas orang yang keluar dari Islam sekiranya enggan bertaubat setelah diminta untuk berbuat demikian. Di Malaysia, kes-kes yang melibatkan jenayah murtad diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di bawah pentadbiran mahkamah Syariah. Berdasarkan statistik terbaru yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom di Dewan Rakyat baru-baru ini, permohonan menukar status agama oleh orang Islam dari tahun 2000 hingga 2010 adalah 863 kes dan sebanyak 135 kes diluluskan oleh mahkamah Syariah. Menurut Mufti Selangor, SS. Datuk Tamyes Abdul Wahid, kebanyakan permohonan untuk keluar Islam dibuat oleh golongan muallaf yang baru memeluk Islam. Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas tentang isu murtad, antara faktor yang menyumbang kepada permohonan oleh muallaf untuk keluar Islam ialah kerana kekangan hidup dan kesempitan wang. Justeru, kertas kerja ini akan meneliti secara lebih mendalam tentang peranan zakat dan keberkesanannya agihannya kepada Muallaf di Malaysia. Kertas kerja ini juga akan melihat peranan zakat dalam mengatasi masalah murtad di kalangan Muallaf. Diharapkan kajian dapat memberi gambaran kepada masyarakat tentang kedudukan dan peranan zakat dalam menyelesaikan isu murtad di Malaysia.*

Perkataan Teras : Peranan Zakat, Murtad, Muallaf

Klasifikasi JEL : Z12, K10, L20

<sup>1</sup>B. Syariah (Hons) (USIM), MA. Fiqh & Usul (Jordan), Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang, USIM. Email: mahyeddin@usim.edu.my.

<sup>2</sup>B. Syariah (Hons) (USIM), LL.M (Exeter, UK), Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang, USIM. Email: nisar@usim.edu.my

<sup>3</sup>BA Syariah (Al al- Bayt), MA Fiqh & Usul, PhD (UIA), Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-undang, USIM. Email: azman@usim.edu.my

## 1. PENDAHULUAN

Isu murtad adalah satu perkara sensitif dan jarang dibincangkan secara terbuka di dada-dada akhbar di negara ini kerana dibimbangi akan mencetuskan kontroversi di kalangan masyarakat umum. Bagaimanapun, baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom telah memberitahu Dewan Rakyat bahawa permohonan menukar status agama oleh orang Islam dari tahun 2000 hingga 2010 adalah sebanyak 863 kes. Daripada jumlah itu, sebanyak 135 kes telah diluluskan oleh mahkamah Syariah<sup>4</sup>. Dalam statistik ini, kebanyakan permohonan untuk keluar Islam dibuat oleh golongan muallaf yang baru memeluk Islam, seperti mana yang dinyatakan oleh Mufti Selangor, SS. Datuk Tamyes Abdul Wahid<sup>5</sup>.

Persoalan yang timbul rentetan isu ini ialah mengapakah golongan muallaf ini memilih untuk kembali ke agama asal mereka, sedangkan mereka memeluk Islam atas dasar kesedaran mereka terhadap kebenaran dan kesucian Islam serta setelah mereka diberikan hidayah oleh Allah SWT? Dalam satu kajian tentang faktor-faktor yang mendorong kepada gejala murtad khususnya di kalangan Muallaf yang dijalankan oleh beberapa penyelidik sebelum ini, faktor kemiskinan, membesar dalam keluarga bukan Islam dan desakan hutang yang menghimpit kehidupan menjadi antara penyebab utama kepada murtadnya para muallaf. Terdapat beberapa kes muallaf yang memeluk Islam telah diberhentikan segala bantuan kewangan dan perbelanjaan daripada keluarga mereka yang asal. Keadaan ini meyukarkan mereka untuk meneruskan hidup khususnya bagi menanggung perbelanjaan harian dan sebagainya.

Maka timbulah persoalan sejauhmanakah keberkesanan proses agihan wang zakat kepada Muallaf di Malaysia. Berdasarkan Laporan Zakat 2010 yang dikeluarkan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, jumlah kutipan zakat harta dan fitrah bagi tahun 2010 bagi keseluruhan negeri di Malaysia adalah berjumlah RM1,363,772,680.87. Daripada jumlah ini, peruntukan zakat kepada

<sup>4</sup> Jamil Khir: Permohonan murtad 135 orang diluluskan (2011, Jun 14). *Malaysiakini.com*, diakses pada 10 Oktober, 2011, dari: <http://www.malaysiakini.com/news/166920>

<sup>5</sup> Saleh, N. (2011, Jun 17). Mufti: Ramai mualaf yang pohon murtad. *Malaysiakini.com*, diakses pada 10 Oktober, 2011, dari: <http://www.malaysiakini.com/news/167179>

asnaf Muallaf adalah sebanyak RM48,183,166.60<sup>6</sup> sahaja atau mewakili 3.53 peratus dari keseluruhan agihan. Jumlah yang sedikit ini dilihat tidak memadai untuk memperkasakan usaha-usaha dakwah Islamiyyah di kalangan muallaf dan non Muslim di Malaysia.

Dalam Islam, Allah SWT mensyariatkan zakat sebagai salah satu medium perkongsian kekayaan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam. Pengagihan zakat secara sistematis telah terbukti mampu membebaskan umat Islam dari kepompong kemiskinan yang membelenggu mereka. Secara umumnya, golongan muallaf termasuk di dalam salah satu daripada asnaf yang layak menerima zakat seperti mana dinyatakan di dalam Al-Quran. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa zakat mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan muallaf khususnya dalam membantu golongan tersebut agar terus berada di dalam agama Islam. Pemberian zakat kepada golongan ini, walaupun bukan dalam jumlah yang besar, setidak-tidaknya akan sedikit sebanyak membantu mereka dari sudut kewangan. Dengan pemberian wang zakat kepada muallaf juga akan membuatkan merasa dihargai dan diberi penghormatan sebagai suadara baru di dalam agama Islam.

Namun, bagi menjawab persoalan sejauhmanakah zakat dapat membendung masalah murtad di kalangan Muallaf, maka perlu dibuat kajian khusus. Justeru, menerusi kertas kerja ini, para penulis akan meneliti secara lebih mendalam tentang peranan zakat dan keberkesanannya kepada Muallaf di Malaysia, serta hubungkaitnya dalam mengatasi masalah murtad di kalangan mereka.

## 2. DEFINISI MUALLAF

Perkataan muallaf secara literalnya berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud ‘orang yang dijinakkan’, sementara dalam konteks yang lebih spesifik ia merujuk kepada mereka yang dijinakkan dengan Islam atau mula berjinak-jinak dan mengenali Islam atau di peringkat awal memeluk Islam. Muhammad ‘Ali Al-Sobuni (1997)

<sup>6</sup> Laporan Zakat 2010, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. hlm 82-96.

berpendapat bahawa terma *Muallaf Qulubuhum* yang disebut di dalam Al-Quran<sup>7</sup> merujuk kepada mereka yang diberikan zakat oleh Rasulullah SAW dengan tujuan supaya menjinakkan hati mereka untuk masuk Islam atau supaya menetapkan diri mereka dalam Islam. Sepertimana yang diriwayatkan oleh Sofwan bin Umayah bahawa dia berkata:

*“Nabi SAW telah memberikanku zakat, sedangkan dia adalah orang yang paling aku benci. Baginda berterusan memberikanku zakat sehingga dia menjadi orang yang paling aku kasih”<sup>8</sup>*

Lembaga Zakat Selangor mendefinisikan muallaf sebagai: *Orang yang baru memeluk Islam iaitu “orang yang dijinakkan hatinya” dengan diberi bantuan supaya mereka teguh mencintai Islam*<sup>9</sup>. Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pula memberikan tafsiran yang lebih terperinci kepada asnaf Al-Muallafatu Qulubuhum di mana muallaf dibahagikan kepada dua golongan, iaitu golongan Muslim dan golongan Kafir<sup>10</sup>. Golongan Muslim meliputi :

- i. Orang yang baru memeluk Agama Islam;
- ii. Ketua-ketua kumpulan Islam yang mempunyai hubungan baik dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sama taraf dengannya; dan
- iii. Ketua-ketua kumpulan Islam yang masih belum mantap Imannya tetapi masih berpengaruh.

Golongan bukan Muslim (Kafir) pula meliputi:

- i. Orang yang berkemungkinan menerima Islam; dan
- ii. Boleh dipujuk supaya tidak memusuhi orang Islam.

---

<sup>7</sup> Surah Al-taubah; Ayat 60.

<sup>8</sup> Al-Sobuni, M. A. (1997) Faridah Al-Zakah Fi Al-Islam, Dar Al-quran Al-Karim, Beirut. hlm 107.

<sup>9</sup> Asnaf Zakat. Pusat Pungutan Zakat Selangor. Diakses pada 4 Oktober 2011 dari: <http://www.e-zakat.com.my/info-zakat/asnaf-zakat/>

<sup>10</sup> Perincian Tentang Tafsiran Asnaf Lapan Dan Kadar Zakat Yang Ditetapkan Kepada Setiap Asnaf (28 Oct, 2007), diakses pada 4 Oktober 2011 dari: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perincian-tentang-tafsiran-asnaf-lapan-dan-kadar-zakat-yang-ditetapkan-kepada-setiap>

Muhammad 'Uqlah (1985) berpendapat bahawa golongan ini diberikan zakat adalah demi kemaslahatan dakwah dan negara Islam. Ini kerana dengannya dapat meningkatkan lagi kekuatan Islam dan mendapat sokongan dari orang Islam dan bukan Islam seterusnya mampu melemahkan musuh Islam<sup>11</sup>.

### 3. DALIL MUALLAF SEBAGAI ASNAT

Golongan muallaf adalah termasuk di dalam lapan kategori asnaf yang layak dan berhak menerima zakat sepertimana disebutkan oleh Allah SWT dalam Al-Quran. Namun begitu, terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi untuk melayakkan mereka tergolong sebagai penerima zakat. Perkara ini perlu bagi memastikan hasil zakat tidak dieksplorasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan bekalan) dalam perjalanan, (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (Surah at-Taubah, 60)*

Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Daripada Zaid bin al-Haris al-Suddai berkata: Aku telah datang menemui Rasulullah SAW maka aku berbaiah kepadanya, (maka dia telah bercerita panjang) kemudian dia berkata: tiba-tiba telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW seraya berkata: berikan kepada ku*

<sup>11</sup> Muhammad 'Uqlah Al-Ibrahim (1985), *Al-Tatbiqat Al-Tarikhyyah Wa Al-Mu'asirah Li Faridhah Al-Zakah*, Dar Al-Dhiya, Beirut, hlm 79.

*sebahagian daripada zakat. Maka Rasulullah SAW berkata kepadanya: “Allah tidak meredhai keputusan Nabi dan manusia lain dalam pembahagian zakat sehingga Dia sendiri yang menentukan keputusannya, maka Dia telah membahagi zakat kepada lapan bahagian (asnaf). Sekiranya kamu termasuk dalam bahagian tersebut, aku akan berikan hak kamu”.*

*(Riwayat Abu Daud)*

#### **4. SEJARAH PEMBERIAN ZAKAT KEPADA MUALLAF DI ZAMAN RASULULLAH DAN PARA SAHABAT**

Sepertimana yang telah dinyatakan di dalam surah Al-Taubah ayat 60, golongan muallaf adalah termasuk dalam kategori penerima zakat. Pada zaman Rasulullah SAW, golongan muallaf sama ada kafir atau orang yang baru memeluk Islam, diberikan peruntukan zakat dengan tujuan untuk mendekatkan diri mereka dengan Islam. Golongan kafir yang diberi zakat oleh Rasulullah SAW terbahagi kepada dua golongan iaitu kafir yang ada harapan untuk memeluk Islam dan kafir yang ditakuti kejahatannya, lalu diberikan zakat supaya dia tidak membuat kejahatan tersebut.

Ibnu Qudamah menukilkan beberapa kisah pemberian zakat kepada golongan kafir ini. Antaranya ialah Rasulullah SAW pernah memberikan satu pemberian kepada Sofwan bin Umayyah berupa sejumlah unta, sebagai habuan untuknya yang turut serta dalam peperangan Hunain, sedangkan pada masa itu Sofwan masih lagi belum memeluk Islam. Sofwan mengatakan: “*Inilah pemberian orang yang tidak takutkan kefakiran*”.<sup>12</sup> Selain itu, berdasarkan riwayat dari Ibnu Abbas, terdapat kisah di mana sekumpulan kafir telah datang menemui Rasulullah SAW dan meminta diberikan pemberian. Sekiranya diberikan, mereka memuji Islam dan mengatakan: “Inilah agama yang bagus”. Namun, seandainya tidak diberikan, mereka mencerca dan mengejek Islam<sup>13</sup>.

---

<sup>12</sup> Ibnu Qudamah. (1985). *Al-Mughni*. Beirut: Darul Ihya' Turath Al-'Arabi.jld 6. Diakses pada 10 Oktober 2011 dari: [http://www.islamweb.net/newlibrary/display\\_book.php?bk\\_no=15&ID=4330&idfrom=4429&idto=4430&bookid=15&startno=0](http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?bk_no=15&ID=4330&idfrom=4429&idto=4430&bookid=15&startno=0)

<sup>13</sup> *Ibid*. *Al-Mughni* (1985)

Bagi kumpulan muallaf yang baru memeluk Islam, mereka terbahagi kepada beberapa golongan iaitu ketua-ketua kumpulan Islam yang mempunyai hubungan baik dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam. Dalam hal ini, Abu Bakar pernah memberikan zakat kepada Udai bin Hatim dan Az-Zabarqan bin Badr. Begitu juga ketua-ketua kumpulan yang masih berpengaruh tetapi belum kuat imannya kerana nabi memberikan zakat kepada Uyaynah bin Hason, Al-Aqra' bin Habis dan Alqamah bin 'Allathah. Seterusnya ialah kaum yang apabila diberikan zakat mereka akan membantu memungut zakat dari golongan yang enggan memberinya kecuali dengan ancaman, maka mereka ini semua termasuk dalam golongan muallaf yang berhak diberikan zakat<sup>14</sup>.

Walaubagaimanapun, para ulama berbeza pendapat dalam soal penerusan agihan zakat kepada asnaf *Muallaf Qulubuhum* pada zaman ini. Terdapat dua pandangan yang menjadi asas perselisihan pendapat ulamak dalam isu ini iaitu:

**Pertama:** Asnaf *Muallaf Qulubuhum* diberikan zakat kerana maksud dari pemberian tersebut pada zaman Rasulullah SAW masih wujud sehingga ke hari ini.

**Kedua:** Tidak diberikan zakat kepada asnaf ini kerana para khulafa Al-Rasyidin selepas baginda SAW dan para sahabat tidak memberikannya zakat.

Pendapat kedua ini adalah pendapat Abu Hanifah, Mazhab Maliki dan salah satu pendapat Al-Syafie<sup>15</sup>. Dalil mereka adalah berdasarkan kepada tindakan Saidina Umar Al-Khattab r.a yang tidak memberikan zakat kepada asnaf ini dan ianya dipersetujui oleh Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq r.a. Ini berdasarkan dalil berikut:

روي أن عبيدة بن حصن والأقرع بن حابس وعباس بن مرداس، جاءوا إلى أبي بكر الصديق، وطلبا منه نصيبيهم – من سهم المؤلفة قلوبهم- فكتب لهم به كتابا

Diriwayatkan oleh 'Uyainah bin Hisn, Al-'Aqra' bin Habis dan 'Abbas bin Mirdas di mana mereka telah bertemu dengan Abu Bakar Al-Siddiq r.a dan mereka meminta darinya (zakat) dari asnaf Muallaf Qulubuhum. Lalu (Abu Bakar) menulis surat untuk mereka. Kemudian mereka

<sup>14</sup> Ibid. Al-Mughni (1985)

<sup>15</sup> Ibid. Al-Mughni (1985)

menemui Umar Al-Khattab r.a dan menyerahkan surat tersebut. Namun Umar enggan memberikan zakat kepada mereka dan beliau mengoyak surat tersebut sambil berkata: Ini (zakat) diberikan oleh Rasulullah SAW kepada kamu adalah sebagai menjinakkan hati kamu kepada Islam. Jika kamu tetap dengan Islam, dan sekiranya tidak maka antara kami dan kamu adalah pedang, Lalu beliau membacakan firman Allah SWT:

﴿وَقُلْ أَنْهِيَ مِنْ رَبِّكَمْ وَمِنْ شَاءَ فَلَيُؤْمِنُ وَمِنْ شَاءَ فَلَيَكُفَّرُ﴾ الْكَهْفُ: ٢٩

Maksudnya: *Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): “Kebenaran itu ialah Yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa Yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa Yang mahu kufur ingkar, biarlah Dia mengingkarinya”.*

Kemudian mereka kembali bertemu Abu Bakar r.a dan berkata kepadanya: Wahai Amir Al-Mukminin, apakah kamu Khalifah atau Umar? Engkau tuliskan untuk kami surat, kemudian dikoyakkan oleh Umar. Jawab Abu Bakar: Dialah khalifah kalau dia mahu<sup>16</sup>. Umar bin Al-Khattab r.a juga pernah berkata:

كُنَّا نُولَفُ حِينَ كَانَ الْإِسْلَامُ فِي ضَعْفٍ، أَمَا الْآنَ وَقَدْ عَزَّ وَقَوَيَّتْ شُوكُتُهُ فَلَا حَاجَةُ بَنَا لِلتَّأْلِيفِ

Maksudnya: *“Kami menjinakkan hati ketikamana Islam lemah, adapun sekarang ia telah mulia dan kuat, maka tiada keperluan lagi untuk menjinakkan (dengan zakat)”.*

Mereka yang berpihak kepada pendapat kedua berpendapat bahawa dalil di atas menunjukkan bahawa Khalifah Abu Bakar r.a telah bersetuju dengan tindakan Umar Al-Khattab r.a dan menurut mereka tiada sebarang riwayat yang menyatakan bahawa para sahabat termasuk Uthman Al-Affan r.a dan Ali r.a memberikan zakat bagi asnaf berkenaan<sup>17</sup>.

Pendapat pertama pula ialah pandangan di kalangan fuqaha Mazhab Hanbali yang melihat bahawa tindakan Umar Al-Khattab r.a dan para sahabat bukanlah pemansuhan kepada asnaf tersebut. Ia adalah

<sup>16</sup> Sayid Sabiq, Fiqh al-Sunnah, Qaherah: Al-Fath lil A'lam Al-Arabiyy, jld 1, hlm.248.

<sup>17</sup> Al-Sobuni M.A , Faridhah Al-Zakah Fi Al-Islam, hlm 109.

penilaian semasa adakah wujud atau tidak keperluan memberikan zakat kepada asnaf berkenaan ketika itu. Pada zaman Umar Al-Khattab r.a beliau melihat bahawa sebab pemberian kepada asnaf *Muallaf Qulubuhum* iaitu bagi menjinakkan hati sudah tidak wujud. Ini kerana, Islam, pada pendapatnya sudah kuat maka tidak perlu diberikan zakat kepada asnaf ini. Namun begitu bahagian zakat bagi asnaf ini tetap ada sepertimana disebut di dalam Al-Quran dan tidak dimansuhkan. Justeru jika wujudnya kembali sebab untuk menjinakkan hati bagi asnaf *Muallaf Qulubuhum* iaitu bagi memperkuatkan dan mempertahankan Islam, maka golongan ini bolehlah diberikan zakat semula sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW.

## **5. PUNCA UTAMA YANG MENYUMBANG KEPADA MASALAH MURTAD DI KALANGAN MUALLAF**

Isu murtad merupakan isu yang menjadi perbualan masyarakat sejak akhir-akhir ini. Timbul persoalan di kalangan masyarakat dan pihak-pihak tertentu tentang punca sebenar gejala ini berleluasa dan tersebar di seluruh Malaysia. Para penulis akan cuba menerangkan punca utama yang menyebabkan gejala ini berleluasa di kalangan umat Islam di Malaysia khususnya golongan muallaf. Secara umumnya banyak punca yang boleh mendorong gejala murtad di kalangan muallaf. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh para penulis tentang isu yang berkaitan murtad khususnya di kalangan muallaf, punca utama yang mendorong kepada berlakunya gejala murtad boleh dikalangan muallaf dibahagikan kepada 2 punca utama.

### **a) Punca Dalaman**

Berdasarkan maklumat dan kajian yang dilakukan punca dalaman utama bagi golongan muallaf untuk murtad adalah kurang pengetahuan agama. Kebanyakan muallaf yang baru memeluk Islam akan diberikan kursus oleh pihak PERKIM dan pihak-pihak yang tertentu. Namun terdapat sebahagian daripada mereka yang tidak hadir dalam kursus yang disediakan disebabkan faktor-faktor tertentu. Punca ini juga disebabkan orang Islam sendiri yang telah berkahwin dengan saudara baru

tetapi tidak membimbing mereka dan tidak mengajar mereka tentang agama Islam.

Manakala punca dalaman yang kedua adalah kerana tidak mendapat bimbingan agama yang berterusan. Ini juga menjadi faktor mendorong mereka meninggalkan Islam. Peranan suami atau isteri yang berkahwin dengan saudara baru perlu ditekankan agar mereka sentiasa mendidik dan membimbing saudara baru dalam mengenali Islam dengan lebih mendalam lagi. Namun, kadang-kadang terdapat dikalangan orang Islam sendiri lalai dalam melakukan perintah dan larangan Allah SWT. Bagaimanakah mereka ini mampu mendidik dan membimbing saudara baru, sedangkan mereka sendiri tidak taat pada perintah Allah SWT.

Di samping itu, salah faham tentang agama Islam, kemiskinan serta membesar dalam keluarga bukan Islam dan desakan hutang yang menghimpit juga menjadi penyebab kepada murtadnya para muallaf. Terdapat kes orang muallaf yang masuk Islam diberhentikan segala bantuan kewangan dan perbelanjaan daripada keluarga mereka yang asal. Ini meyukarkan mereka untuk meneruskan hidup khususnya untuk menanggung perbelanjaan harian dan sebagainya

b) Punca Luaran

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, punca luaran utama bagi golongan muallaf untuk murtad adalah disebabkan kerana ingin berkahwin dengan kekasih. Terdapat kes yang menunjukkan ada di kalangan muallaf yang ingin berkahwin dengan kekasihnya dipaksa supaya keluar daripada agama Islam. Perkara ini sukar untuk diatasi sekiranya muallaf itu tidak mempunyai kekuatan dan keimanan yang kuat dalam menghadapi perkara ini.

Manakala punca kedua adalah persekitaran. Jika diperhatikan di negeri Sabah dan Sarawak, suasana persekitaran di kampung halaman mereka juga menjadi faktor berlakunya gejala murtad. Di Sabah contohnya terdapat kampung yang hanya mempunyai 2 atau 3 keluarga Islam dan bakinya adalah orang bukan Islam.

Ini secara tidak langsung boleh mendorong ke arah berlakunya murtad. Tiada azan atau masjid di kawasan tersebut tetapi banyak gereja dan rumah ibadat orang bukan Islam yang boleh didapati kawasan tersebut.

Punca ketiga adalah disebabkan desakan keluarga. Terdapat keluarga muallaf yang memutuskan hubungan mereka setelah mereka masuk Islam. Ada juga keluarga yang mengancam untuk membunuh dan memberi amaran kepada mereka. Sudah tentu perkara-perkara ini menyukarkan mereka dan mereka memerlukan perlindungan daripada orang Islam dan pihak-pihak tertentu. Sementara itu punca pengaruh agama lain dan penceraian juga memainkan peranan dalam mendorong mereka keluar dari Islam. Ketiadaan peruntukan undang-undang, terpedaya, tidak jadi berkahwin dengan kekasih agama Islam dan tarikan kebendaan agama lain juga menjadi faktor kepada gejala murtad dikalangan muallaf.

## 6. PERANAN ZAKAT DALAM MENGATASI MASALAH MURTAD DI KALANGAN MUALLAF

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim di seluruh dunia. Kutipan hasil zakat yang telah ditunaikan ini akan dikumpul oleh pihak yang berkuasa dan akan diagihkan kepada beberapa asnaf yang berhak menerima zakat. Pentadbiran zakat terbahagi kepada dua tugas utama iaitu kutipan dan pengagihan zakat. Jika dilihat kutipan zakat pada tahun-tahun kebelakangan ini didapati bahawa hasil kutipan tersebut amat memberangsangkan dan mendapat sambutan yang luas dari masyarakat dan organisasi-organisasi swasta .

Manakala dari sudut agihan pula, hasil kutipan zakat ini diagihkan kepada lapan asnaf berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah: 60 bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang*

*Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

Para ulama dahulu dan kontemporari telah membincangkan dengan terperinci kedudukan dan status bagi setiap asnaf yang berhak menerima zakat supaya agihan itu bertepatan dengan kehendak Allah SWT seperti yang ditetapkan di dalam surah At-Taubah ini. Jelas dalam ayat tersebut menyebut bahawa asnaf muallaf merupakan salah satu asnaf yang berhak menerima zakat. Pemberian zakat kepada Muallaf adalah bertujuan untuk menarik hati ke arah kasih sayang dan simpati. Allah SWT menjadikan muallaf sebagai salah satu asnaf yang layak menerima zakat apabila orang Islam melihat ada keperluan untuk menarik hati sebahagian golongan yang selesa dan mencintai ajaran Islam.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi, terdapat sebahagian golongan muallaf yang mendapat bantuan zakat dari baitulmal atau pusat zakat dan sebahagian daripada mereka tidak mendapat bantuan zakat dari baitulmal atau pusat zakat. Isu sama ada zakat mampu mengatasi permasalahan murtad perlu dilihat secara menyeluruh, ini adalah kerana bukan zakat semata-mata memainkan peranan dalam memberi peruntukan kepada golongan muallaf tetapi semua pihak yang terlibat juga perlu bekerjasama dalam mengatasi isu murtad di Malaysia.

## **6.1 Peranan Jabatan Agama Islam Negeri**

Jabatan Agama Islam Negeri adalah tempat tumpuan utama jika seseorang ingin memeluk agama Islam atau keluar daripada agama Islam. Pihak Jabatan Agama Islam haruslah memberi perkhidmatan yang terbaik dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam. Kaktangan Jabatan Agama Islam hendaklah sentiasa dalam keadaan mesra pelanggan dan melayani mereka sebaik mungkin.

Segala urusan yang berkaitan dengan masuk keluar Islam perlulah diurus dengan sistematik dan teratur, walaupun permohonan yang melibatkan keluar daripada agama Islam. Dicadangkan agar bahagian saudara baru di Jabatan Agama Islam ditambah jawatan pegawai yang merupakan saudara baru bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan pemelukan agama Islam.

Di samping itu juga, pihak Jabatan Agama perlu memastikan bahawa kakitangan yang bertugas adalah mencukupi untuk memastikan segala perancangan yang telah diatur berjalan dengan lancar. Manakala bagi pegawai-pegawai baru mereka perlulah diberi latihan secukupnya dan mempunyai pengalaman dalam menangani isu gejala murtad ini.

## 6.2 Peranan Pusat Zakat dan Baitulmal

Salah satu asnaf pemberian zakat adalah kepada golongan yang masuk Islam. Timbul persoalan adakah pemberian zakat kepada golongan ini benar-benar terlaksana atau ianya memerlukan kepada penampaikan dari segi perlaksanaannya. Terdapat kes murtad yang menyatakan mereka tidak memperolehi zakat sejak mereka memeluk agama Islam. Kita tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak, tetapi apa yang ingin ditekankan di sini adalah Pusat Zakat dan Baitulmal haruslah memastikan golongan yang memeluk agama Islam ini mendapat bahagian mereka.

## 7. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Umumnya, kewangan merupakan antara elemen yang penting dalam membantu menangani masalah murtad. Jika diperhatikan, terdapat kes yang menyebabkan orang keluar Islam disebabkan faktor kemiskinan dan tidak mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk menanggung keluarga, lebih-lebih lagi yang melibatkan ibu tunggal. Terdapat juga kes yang keluarga bukan Islam mendesak anaknya yang muallaf agar kembali ke agama asal mereka, jika tidak mereka akan memberhentikan segala pemberian kewangan dan perbelanjaan.

Disarankan agar pihak Jabatan Agama Islam yang bertangungjawab dalam mengislamkan orang bekerjasama dengan Pusat Zakat dan Baitulmal dalam memastikan golongan ini mendapat bahagian mereka. Dicadangkan juga agar semua saudara baru yang telah memeluk agama Islam perlu mengisi satu borang memohon peruntukan zakat yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam. Borang tersebut hendaklah dibawa ke Pusat Zakat dan Baitulmal dan diserahkan kepada pegawai yang berkenaan seterusnya memproses permohonan tersebut secepat mungkin tanpa banyak masalah birokrasi.

Jumlah wang atau zakat yang diberikan itu hendaklah dengan kadar yang berpatutan dengan mengambil kira semua aspek. Tidak terlalu sedikit dan terlalu banyak tetapi cukup untuk mereka meneruskan hidup baru dan menangung perbelanjaan harian. Pemberian sama ada sekali seumur hidup atau sekali setahun dan seumpamanya juga perlu dikaji agar mereka benar-benar merasakan bahawa agama Islam ini agama yang indah dan sentiasa membantu umatnya dalam kesusahan.

Satu inisiatif baik yang telah diambil oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang ialah dengan menubuhkan rumah saudara baru. Rumah saudara baru ini lebih berbentuk rumah perlindungan kepada mereka yang menghadapi apa-apa masalah setelah memeluk agama Islam. Terdapat kes, Baitulmal membantu menyelesaikan masalah kewangan saudara baru yang terlibat dengan hutang “Ah Long”. Rumah saudara baru ini lebih kepada rumah perlindungan bagi golongan ini sama ada yang bujang mahupun yang berkeluarga bagi mendapatkan apa-apa bantuan jika mereka menghadapi masalah.

Disarankan juga agar pihak-pihak lain sama ada badan kerajaan, swasta, NGO dan sebagainya memberi pinjaman ataupun bantuan yang berbentuk kewangan atau kebendaan kepada mereka untuk meneruskan hidup atau memulakan perniagaan. Perlu diingatkan bahawa pemberian ini bukanlah diberi semata-mata untuk menarik mereka terpikat dengan agama Islam tetapi ianya lebih bertujuan membantu perbelanjaan keluarga Islam mereka.

Sebagaimana yang telah disebut di awal perbahasan kertas kerja ini, zakat di zaman Rasulullah bukan sahaja diberikan kepada orang yang baru memeluk Islam, bahkan juga kepada golongan bukan Islam yang mempunyai kecenderungan untuk mendekati Islam. Dalam konteks ini, satu pendekatan dakwah yang boleh dilakukan oleh kebanyakan institusi zakat ialah turut meluaskan pemberian zakat kepada golongan non Muslim di Malaysia yang ada harapan untuk masuk Islam.

Kesimpulannya, zakat merupakan salah satu dana yang boleh membantu golongan muallaf dalam memulakan hidup mereka sebagai orang Islam. Zakat juga beperanan mengurangkan beban mereka sekiranya mereka menghadapi sebarang permasalahan dalam kehidupan mereka. Kita tidak menafikan bahawa baitulmal dan pusat zakat telah memainkan peranan dalam mengagihkan zakat kepada semua golongan asnaf termasuk juga golongan muallaf.

Apa yang perlu ditekankan di sini adalah semua pihak di setiap lapisan masyarakat Muslim mempunyai tanggungjawab dalam membanteras gejala murtad. Mengetahui dan memahami punca berlakunya murtad hanyalah langkah pertama dalam usaha ini. Kajian selanjutnya adalah mengenalpasti usaha terbaik menangani gejala murtad dan seterusnya bertindak. Kepentingan dan tanggungjawab memelihara akidah umat Islam adalah menjadi pokok utama dan perkara *awlawiyat* bagi pemerintah dan semua umat Islam.

## RUJUKAN

Al-Sobuni, M. A. (1997) Faridhah Al-Zakah Fi Al-Islam, Dar Al-quran Al-Karim, Beirut. hlm 107.

Asnaf Zakat. Pusat Pungutan Zakat Selangor. Diakses pada 4 Oktober 2011 dari: <http://www.e-zakat.com.my/info-zakat/asnaf-zakat/>

Ibnu Qudamah. (1985). Al-Mughni. Beirut: Darul Ihya' Turath Al-'Arabi. jld 6. Diakses pada 10 Oktober 2011 dari: [http://www.islamweb.net/newlibrary/display\\_book.php?bk\\_no=15&ID=4330&idfrom=4429&idto=4430&bookid=15&startno=0](http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?bk_no=15&ID=4330&idfrom=4429&idto=4430&bookid=15&startno=0)

Jamil Khir: Permohonan murtad 135 orang diluluskan (2011, Jun 14). *Malaysiakini.com*, diakses pada 10 Oktober, 2011, dari: <http://www.malaysiakini.com/news/166920>

Muhammad 'Uqlah Al-Ibrahim, Al-Tatbiqat Al-Tarikhyyah Wa Al-Mu'sirah Li Faridhah Al-Zakah, Dar Al-Dhiya, Beirut, hlm 79.

Perincian Tentang Tafsiran Asnaf Lapan Dan Kadar Zakat Yang Ditetapkan Kepada Setiap Asnaf (28 Oct, 2007), diakses pada 4 Oktober 2011 dari: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perincian-tentang-tafsiran-asnaf-lapan-dan-kadar-zakat-yang-ditetapkan-kepada-setiap>

Saleh, N. (2011, Jun 17). Mufti: Ramai mualaf yang pohon murtad. *Malaysiakini.com*, diakses pada 10 Oktober, 2011, dari: <http://www.malaysiakini.com/news/167179>

Sayid Sabiq, Fiqh al-Sunnah, Qaherah: Al-Fath lil A'lam Al-Arabi, jld 1, hlm.248.

Laporan Zakat 2010, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. hlm 82-96.

Azman Ab Rahman, Punca-Punca Murtad: Kajian di Malaysia, YADIM, 2010.

# DANA ZAKAT SEBAGAI AKSES MENUNAIKAN HAJI: ANALISA PANDANGAN SARJANA ISLAM

Oleh:

Azman Ab Rahman<sup>1</sup>

Hussein Azeemi B Abdullah Thaidi<sup>2</sup>

Muhammad Firdaus Ab Rahman<sup>3</sup>

## ABSTRAK

*Zakat merupakan instrumen yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat, khususnya umat Islam di Malaysia. Al-Quran telah mengkategorikan golongan yang layak menerima zakat kepada lapan asnaf antaranya ialah peruntukan asnaf fi Sabilillah. Terdapat pelbagai pandangan sarjana Islam berkenaan penafsiran asnaf fi Sabilillah, terdapat pandangan yang menyempitkan penafsiran fi Sabilillah manakala pandangan lain meluaskannya mengikut keadaan dan keperluan semasa. Salah satu penafsiran yang diberikan oleh ulama kini dan kontemporari dalam asnaf fi Sabilillah adalah pemberian zakat kepada mereka yang ingin menunaikan haji. Lantaran itu, timbul persoalan tentang kedudukan sebenar penggunaan wang zakat bagi menampung pembiayaan menunaikan haji. Isu ini juga timbul disebabkan terdapat dikalangan masyarakat Islam di Malaysia yang terpaksa berhutang di bank atau koperasi untuk menunaikan haji. Sekiranya dana zakat dibenarkan untuk diberikan kepada mereka yang memerlukan untuk menunaikan haji, adalah baik sekiranya ia menjadi alternatif kepada mereka daripada membuat pinjaman di bank dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini akan merungkai persoalan hukum berkenaan penggunaan dana zakat bagi membiayai urusan menunaikan ibadat Haji menurut pandangan ulama silam dan kontemporari. Di samping itu juga, kajian ini akan melihat syarat-syarat atau garis panduan yang diletakkan oleh syarak bagi melayakkan seseorang itu menerima bantuan zakat bagi tujuan menunaikan haji. Diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat tentang kedudukan penggunaan wang zakat untuk menunaikan haji termasuk juga pihak pengurusan zakat di Malaysia sebelum menentukan sesuatu polisi pengagihan zakat khususnya kepada golongan asnaf.*

**Perkataan Teras** : Zakat, Haji & Dana

**JEL** : Z12, K10, D69

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM. email:azmanusim@yahoo.com

<sup>2</sup> Felo Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM.

<sup>3</sup> Felo Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM.

*Fi sabilillah* secara literalnya membawa maksud “pada jalan Allah SWT”. Namun istilah ini terlalu subjektif jika didefinisikan sebagai pada jalan Allah SWT, oleh itu persoalan ini hangat diperbahaskan oleh para fuqaha salaf mahupun kontemporari. Walaupun lafaznya terlalu umum yang boleh ditafsirkan dengan penafsiran yang luas meliputi; kegunaan perperangan merangkumi jihad di jalan Allah SWT, haji dan umrah dan segala aktiviti yang mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan ketaatan yang bersifat maslahat umum. Namun dari sudut pandangan yang lain pula, seolah-olah sebahagian fuqaha bersepakat termasuklah mazhab Syafi'e mentafsirkan *fi sabilillah* sebagai berperang ke jalan Allah SWT atau jihad dalam pengertian yang khusus dan terbatas. Hakikat ini perlu diperjelaskan berdasar maqasid syariah dan keadaan setempat dan semasa agar lebih praktikal pentafsiran ini dengan realiti di Malaysia secara khusus dan keadaan umat Islam secara umumnya.

Isu berkaitan agihan asnaf *fi sabilillah* ini menjadi perbahasan yang dikalangan ilmuwan Islam silam dan semasa mengenai kewajarannya dijadikan sebagai akses menunaikan haji serta keluasan had yang termasuk dalam aspek pengagihan asnaf *fi sabilillah*. Justeru, kajian ini dikemukakan bertujuan melihat pandangan-pandangan sarjana Islam tentang penggunaan dana zakat sebagai akses menunaikan haji berdasarkan realiti serta uruf amalan di Malaysia, juga meneliti ‘illah serta permasalahan dalam pelaksanaannya.

## **DEFINISI FI SABILILLAH**

Perbahasan mengenai asnaf *fi sabilillah* sentiasa menjadi perbahasan ilmuwan Islam silam dan semasa. Menurut linguistiknya, sarjana bahasa Arab menyatakan bahawa perkataan *fi sabilillah* dibina daripada tiga perkataan iaitu: *fi*, *sabil* dan Allah SWT. Dalam bahasa Arab, *fi* diterangkan sebagai pada atau dalam manakala *sabil* pula ialah jalan. Oleh itu, *sabilullah* membawa maksud: jalan Allah SWT atau jalan yang diseru kepadaNya. Maka dapat disimpulkan bahawa setiap perkara kebaikan yang diperintahkan oleh Allah SWT maka ia terangkum dalam makna *fi sabilillah*. Namun begitu, penggunaan *fi sabilillah* lebih popular

digunakan pada perkara yang berkaitan dengan jihad dan peperangan di jalan Allah SWT (Ibn Manzur, 1996: 6/162)

Al-Quran dan hadis tidak menentukan makna secara spesifik bagi asnaf *fi sabilillah*. Lantaran itu, ulama Islam telah berbeza pandangan dalam menentukan definisi *fi sabilillah* secara terminologi. Definisi *fi sabilillah* secara istilah yang popular di kalangan para fuqaha ialah orang-orang yang berperang di jalan Allah SWT (الغزاة) menentang golongan kafir (al-Dusuqi, t.t: 497). Oleh itu, segala bantuan material bagi persiapan menentang musuh seperti alatan persenjataan, ubatan, pengintipan musuh dan seumpamanya boleh diambil dari dana zakat.

Namun begitu, terdapat juga fuqaha yang mendefinisikan *fi sabilillah* sebagai orang yang ingin mengerjakan ibadat haji namun tidak mempunyai bekalan yang cukup (al-Sarkhasi, 1986: 3/10). Definisi ini turut dipegang oleh sebilangan besar para fuqaha yang mana antara mereka menyatakan bantuan zakat tidak terhad kepada mereka yang ingin menunaikan haji, malah ia boleh disalurkan kepada mereka yang terputus bekalan ketika sedang menunaikan umrah. Terdapat juga sarjana Islam yang cuba meluaskan definisi *fi sabilillah* dengan menyatakan bahawa *fi sabilillah* ialah pengagihan zakat pada apa saja perkara kebaikan dan membawa maslahat kepada umum (Shaltut, t.t: 123). Hal ini meliputi pembinaan masjid serta sekolah, membaiki jalan raya, menyediakan kemudahan peperangan, melatih para pendakwah untuk berdakwah ke negara bukan Islam dan sebagainya

Merujuk kepada komentar yang diutarakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) berhubung dengan beberapa definisi *fi sabilillah*, LZS menyimpulkan bahawa definisi paling tepat bagi *fi sabilillah* ialah mereka yang berjihad melawan musuh Islam dalam rangka untuk menegakkan agama Allah SWT. Namun dari sudut perlaksanaannya, agihan zakat tidak hanya terbatas bagi mereka yang berjuang sahaja malahan boleh diluaskan kepada segala usaha yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mencari keredaanNya dan manfaatnya kembali kepada Islam dan umatnya, maka ia boleh disantuni dengan wang zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* (<http://blog.e-zakat.com.my/?p=618>, diakses pada 14 Februari 2012)

## PANDANGAN SARJANA ISLAM MENGENAI DANA ZAKAT SEBAGAI AKSES MENUNAIKAN HAJI DALAM KONTEKS ASNAF FI SABILILLAH

Terdapat pelbagai pandangan sarjana Islam silam maupun kontemporari tentang agihan dana zakat kepada asnaf *fi sabilillah*. Berikut dinukilkan beberapa pandangan para ulama muktabar berkenaan agihan zakat bagi asnaf *fi sabillah*:

### a) Pandangan Fuqaha

Pandangan fuqaha berkenaan pemberian zakat untuk menunaikan haji di bawah asnaf *fi sabillah* boleh dilihat melalui mazhab-mazhab seperti berikut:

#### Pertama: Al-Hanafiyyah

Imam Abu Hanifah sendiri ketika menerangkan ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) di dalam surah al-Taubah ayat 60, beliau menyatakan bahawa *fi sabillah* yang dimaksudkan ialah berjihad di jalan Allah SWT dan membuat persiapan untuk berjihad. Oleh itu, segala perbelanjaan peperangan menegakkan agama Islam dan membuat perbelanjaan bagi persiapan peperangan boleh diambil dari dana zakat asnaf *fi sabillah*.

Abu Yusuf pula berpendapat bahawa dana bagi asnaf *fi sabillah* dikhususkan untuk tentera-tentera yang berjihad di jalan Allah SWT (Ibn 'Abd al-Bar, 1993: 222). Menghuraikan pendapatnya, Abu Yusuf menjelaskan bahawa *fi sabillah* pada asalnya mencakupi segala perkara yang membawa ketaatan kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun, masyarakat umum menggunakan lafadz ini khusus bagi orang yang berperang di jalan Allah SWT. Selanjutnya, Abu Yusuf turut mensyaratkan bahawa tentera yang berjuang tersebut mestilah berstatus fakir (al-Sarkhasi, 1986: 3/10).

Menurut Muhammad al-Shaybani pula, dana zakat *fi sabillah* boleh diberikan kepada orang fakir yang mana dia tidak mampu untuk menampung pembentukan mengerjakan haji dan terputus daripada menyempurnakannya. Beliau berhujahkan kisah seorang lelaki yang hendak menyumbangkan seekor unta ternakannya sebagai zakat *fi sabillah*, lalu Nabi menyuruhnya agar menjadikan unta tersebut

sebagai tunggangan untuk membawa orang menunaikan ibadat haji (Mujaimi Tarimin, 2005: 76, Abd al-Rahman, t.t: 1/221). Walaupun di sana terdapat percanggahan tafsiran *fi sabillillah* di antara Abu Yusuf dan Muhammad al-Shaybani, namun mereka sepakat bahawa kefakiran merupakan syarat untuk menerima zakat bagi asnaf *fi sabillillah*.

Selain itu, terdapat juga pendapat dari kalangan fuqaha mazhab Hanafi di mana zakat bagi asnaf *fi sabillillah* boleh dibelanjakan untuk aktiviti kebajikan yang membawa maslahat kepada umum seperti perbelanjaan pembinaan masjid, membaiki jalan, pengurusan jenazah, bantuan pelajaran dan sebagainya. Pendapat ini dipegang oleh al-Kasani di mana beliau menjelaskan bahawa yang dimaksudkan oleh ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) ialah setiap perkara yang menyebabkan seseorang itu dekat kepada Allah SWT.

Maka termasuklah dalam perkara mendekatkan diri kepada Allah SWT ini segala usaha mentaati Allah SWT dan segala amal kebajikan untuk membantu mereka yang memerlukan (al-Kasani, 1982: 2/45). Namun pendapat ini dikritik oleh sebahagian ulama al-Hanafiyah yang lain seperti al-Samarqandi di mana beliau menegaskan bahawa pemberian zakat mestilah menyebabkan berlaku pemilikan harta kepada asnaf. Jika zakat diberikan untuk pembinaan masjid, membaiki jalan raya dan menguruskan jenazah, asnaf zakat hakikatnya tidak memiliki harta tersebut (al-Samarqandi, t.t :2/637).

## Kedua: al-Malikiyyah

Berlainan dengan al-Hanafiyah, Fuqaha al-Malikiyyah agak sempit ketika mengulas tentang agihan zakat bagi asnaf *fi sabillillah* di mana perbincangan zakat *fi sabillillah* berlaku hanya dalam urusan peperangan sahaja. Ibn Rushd berpendapat bahawa ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) membawa erti orang yang berperang di jalan Allah SWT. Namun timbul perbahasan di kalangan fuqaha sama ada zakat boleh diberikan kepada tentera yang kaya atau ia hanya diberikan pada tentera fakir yang memerlukan.

Dalam komentar selanjutnya, Ibn Rushd menegaskan bahawa pendapat yang paling tepat ialah zakat bagi asnaf *fi sabillillah* diagihkan pada semua tentera yang berperang tanpa mengira dia seorang kaya

atau fakir (al-Qurtubi, 1988: 18/517). Pendapat yang hampir sama turut diutarakan oleh Ibn al-Shashi, beliau berpandangan bahawa zakat *fi sabilillah* diberikan kepada tentera yang kaya dan fakir malah pemerintah berhak membelanjakan dana zakat tersebut untuk membeli kelengkapan perperangan seperti kuda dan alatan persenjataan.

Secara umumnya, fuqaha al-Malikiyyah bersetuju bahawa zakat asnaf *fi sabilillah* diberikan kepada tentera yang berjihad di jalan Allah SWT. Perbahasan di kalangan mereka hanya berlaku di sekitar status tentera tersebut sama ada dia seorang kaya atau fakir.

### Ketiga: al-Syafi'iyyah

Imam Syafi'i berpandangan bahawa asnaf *fi sabilillah* ialah orang yang berjuang di jalan Allah SWT dan beliau meletakkan syarat bahawa pejuang tersebut mestilah berada dalam lingkungan batas kejiranan harta sedekah atau zakat sama ada dia fakir mahupun orang kaya. Dalam penafsiran imam al-Syafi'i, beliau sentiasa menekankan tentang kepentingan batas kejiranan harta zakat bagi menunjukkan bahawa perbuatan memindahkan harta zakat ke negeri lain tidak harus dilakukan kecuali dengan sebab yang kukuh. Imam al-Syafi'i turut menegaskan bahawa zakat asnaf *fi sabilillah* tidak boleh diagihkan kecuali kepada orang yang berperang (al-Syafi'i, 1968: 2/62, lihat: Hasanah Abd Khafidz, 2006: 182). Al-Shirazi dan al-Nawawi pula berpendapat bahawa zakat *fi sabilillah* diberi hanya pada tentera yang tidak bergaji atau tidak mendapat harta rampasan perang (al-Nawawi, t.t: 6/198).

Al-Mawardi pula ketika membahaskan asnaf *fi sabilillah*, beliau tidak bersetuju dengan pandangan sebahagian al-Hanafiyyah dan al-Hanabilah yang menyatakan bahawa peruntukan asnaf *fi sabilillah* boleh diberikan kepada orang yang ingin menunaikan haji. Menurut beliau, pandangan yang paling tepat bagi asnaf *fi sabilillah* ialah orang yang berperang kerana ia disokong oleh dalil al-Quran melalui firman Allah SWT:

وَجَهْدُ وَأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: "Dan berperanglah kamu dengan harta dan jiwa kamu pada jalan Allah" (al-Taubah: 41)

Al-Baghawi turut menyatakan bahawa sebahagian sarjana Islam seperti Sufyan al-Thawri, al-Syafi'i dan *ahl al-ra'y* menolak pandangan yang memperuntukkan zakat *fi sabilillah* untuk pembiayaan haji. Namun beliau turut memperakui terdapatnya pandangan-pandangan yang kuat yang menyatakan zakat *fi sabilillah* boleh diagihkan kepada mereka yang ingin melakukan ibadat haji seperti pandangan beberapa orang sahabat antaranya Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar yang mana ia turut dipegang oleh Ishak dan Ahmad, Begitu juga pandangan sebilangan tabi'in antaranya Ibn Sirin (al-Baghawi, 1983: 6/94).

Al-Tayyibi ketika mensyarahkan kitab *Mishkah al-Masabih* beliau menukilkan pandangan al-Qadi 'Iyad bahawa ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) dapat ditafsirkan dengan dua makna. Pertamanya, makna umum iaitu segala bentuk amal kebajikan. Maka zakat *fi sabilillah* boleh dikeluarkan untuk tujuan aktiviti kebajikan. Keduanya, tafsiran yang lebih khusus iaitu zakat *fi sabilillah* hanya dikhususkan untuk peperangan. Al-Tayyibi kemudiannya cenderung kepada tafsiran pertama dan menyatakan bahawa ia adalah tafsiran yang paling tepat (al-Tayyibi, 1997: 5/1541).

Daripada pandangan-pandangan fuqaha al-Syafi'iyah ini, dapat disimpulkan bahawa mereka sepakat bahawa zakat *fi sabilillah* diberikan kepada tentera yang berjuang di jalan Allah SWT dan terdapat sebilangan kecil dari kalangan mereka yang melihat zakat asnaf ini boleh diagihkan bagi tujuan aktiviti-aktiviti kebajikan.

#### **Keempat: al-Hanabilah**

Jika disoroti pandangan fuqaha-fuqaha dari kalangan al-Hanabilah, didapati mereka antara golongan yang meluaskan tafsiran ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) di dalam surah al-Taubah ayat 60. Imam Ahmad bin Hanbal sendiri berpandangan bahawa dana zakat bagi asnaf *fi sabilillah* boleh diagihkan kepada orang yang ingin menunaikan ibadat haji dan pendapat ini jugalah yang dipegang oleh Ibn 'Umar di mana beliau berkata: "Haji itu adalah jalan menuju Allah (*fi sabilillah*)" (Abdullah bin Ahmad, 1981: 151).

Al-wazir bin Hubairah pula menukilkan bahawa terdapat dua pendapat Imam Ahmad dalam isu pemberian zakat *fisabilillah* untuk menunaikan

haji. Pertamanya, zakat harus diberikan untuk menunaikan haji kerana ibadat haji termasuk dalam makna *fi sabilillah*. Keduanya, tidak harus mengambil dana zakat untuk menunaikan haji. Selanjutnya, al-Wazir menyatakan bahawa pendapat yang benar ialah pendapat pertama kerana pendapat ini turut dipilih oleh tokoh-tokoh besar dari kalangan al-hanabilah seperti al-Kharqi, Abu Bakr, Abu Hafs dan al-Baramki (al-Fanisan, 2003: 97).

Menurut al-Samiri, makna *fi sabilillah* ialah tentera yang tidak diperuntukkan gaji kepadanya. Termasuk juga dalam makna *fi sabilillah*, ibadat haji dan umrah. Pendapat ini dipegang berhujahkan sebuah hadis riwayat Abu Dawud yang dinilai sahih oleh al-Albani dimana seorang perempuan bernama Ummu Ma'qal telah berkata: "Wahai Rasulullah, aku wajib menunaikan haji, sedangkan Abu Ma'qal memiliki seekor unta, tetapi dia mengatakan bahawa unta tersebut hendak disedekahkan *fi sabilillah*." Lalu Baginda berkata: "Berikan kepadanya untuk dia menunaikan haji, kerana sesungguhnya haji itu ialah *fi sabilillah*." (Abu Dawud, 2008: 344-345, No. 1988). Oleh itu seorang yang fakir diharuskan untuk mengambil dana zakat *fi sabilillah* bagi menunaikan umrah atau haji sama ada fardu atau sunat sepertimana yang diperkatakan oleh Imam Ahmad. Manakala orang yang kaya tidak dibenarkan mengambil zakat *fi sabilillah* untuk melaksanakan haji ataupun umrah (al-Samiri, 1993: 3/355).

Pendapat yang sama turut dipegang oleh Ibn Taymiyyah dalam penjelasan beliau mengenai asnaf *fi sabilillah*, beliau menyatakan bahawa tentera yang tidak bergaji dan orang fakir yang ingin menunaikan haji boleh diberikan zakat *fi sabilillah* (Ibn Taymiyyah, 1950: 1/223). Al-Mardawi pula dalam kritikannya terhadap pandangan Ibn Qudamah yang mengatakan bahawa zakat tidak diberikan untuk menunaikan haji, beliau menjelaskan bahawa zakat boleh diberikan kepada orang fakir untuk menunaikan haji dan pandangan ini adalah berdasarkan nas syarak sepertimana yang diriwayatkan oleh Abdullah, al-Marwazi dan al-Maymuni. Pandangan ini turut dipegang oleh al-Kharqi dan Ibn al-Jawzi (al-Mardawi, 1957: 3/235).

Al-Zarirani al-Hanbali mengaskan bahawa perlunya status fakir bagi seseorang yang ingin membelanjakan zakat untuk melaksanakan haji

kerana zakat tersebut dibelanjakan untuk dirinya sahaja. Ini berlainan dengan tentera yang berperang di jalan Allah SWT, zakat diberikan kepadanya sama ada dia kaya atau fakir kerana harta zakat itu akan dibelanjakan untuk menegakkan Islam dan menjaga maslahah kaum muslimin yang lain (al-Zarirani, t.t: 1/213)

Ibn Muflih antara sarjana yang meluaskan makna *fi sabillah* apabila beliau menyatakan pandangannya bahawa zakat boleh diberikan untuk tujuan membeli buku dengan syarat buku tersebut membawa maslahah dunia dan ukhrawi kepada pemiliknya. Disamping itu, zakat juga boleh diberikan kepada tentera yang tidak bergaji dan orang yang ingin menunaikan haji (Ibn Muflih, 1960: 2/587). Mansur al-Buhuti turut mengemukakan pandangan yang hampir sama dimana beliau berpendapat zakat boleh diberikan untuk tujuan membeli buku dan memberikannya kepada tentera (al-Buhuti, t.t: 2/283)

Melalui pendapat-pandapat fuqaha mazhab Hanbali ini, dirumuskan bahawa kebanyakan mereka meletakkan kefakiran sebagai syarat untuk diberi zakat bagi menunaikan haji. Al-Hanabilah turut berkongsi pendapat yang sama dengan al-Hanafiyyah bahawa zakat *fi sabillah* boleh diberikan kepada tentera yang fakir. Menurut mereka juga, zakat boleh diberikan kepada penuntut ilmu yang ingin membeli buku dengan syarat buku tersebut membawa maslahah dunia dan akhirat.

### b) Pandangan Sarjana Tafsir

Terdapat beberapa pandangan di kalangan ulama tafsir ketika menafsirkan maksud (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) di dalam surah al-Taubah:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي  
الرِّقَابِ وَالغَرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ الْسَّبِيلِ

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekaan hama, untuk membebaskan penghutang, untuk jalan Allah (*fi sabillah*) dan untuk yang sedang dalam perjalanan” (al-Taubah:60)

Al-Tabari ketika menafsirkan ayat ini, beliau menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan *fi sabilillah* ialah jalan yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk memerangi musuhNya. Maka, zakat perlu dikeluarkan sebagai perbelanjaan untuk menolong agama Allah SWT dan syariatNya dengan cara memerangi kaum kuffar (al-Tabari, t.t: 3/585)

Al-Jassos pula ketika memberi komentar tentang ayat (وفي سبيل الله) beliau membawa pendapat para ulama sebelumnya seperti pendapat Imam Syfi'i yang memperuntukkan zakat *fi sabilillah* untuk orang-orang yang berperang sama ada mereka kaya atau miskin. Seterusnya beliau mengemukakan pandangan bahawa zakat turut diberikan kepada mereka yang terputus bekalan ketika menunaikan haji. Beliau membawa satu riwayat daripada Abdullah bin 'Umar bahawa seorang lelaki hendak memberikan hartanya pada jalan Allah SWT, maka Abdullah bin 'Umar menjelaskan bahawa sesungguhnya haji itu adalah jalan Allah SWT lalu lelaki tersebut menggunakan hartanya untuk mengerjakan haji (al-Fanisan, 2003: 57).

Al-Zamakhshari dan Abu al-Muzaffar al-Sam'ani juga menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *fi sabilillah* ialah orang yang berperang di jalan Allah SWT dan orang yang menunaikan haji dalam rangka mentaati Allah SWT (al-Sam'ani, 1997: 2/322, al-Zamakhshari, 1987: 2/283). Ibn al-'Arabi turut berkongsi pendapat yang sama, beliau menukilkan pendapat Imam Ahmad: "sesungguhnya pendapat yang benar disisiku bahawa sesungguhnya haji itu termasuk makna jalan (Allah) sepetimana berperang, kerana haji merupakan jalan menuju kebaikan maka diberikan (zakat) untuk menunaikan haji atas nama *al-sabil* (jalan Allah)" (Ibn al-'Arabi, 1941: 2/957).

Ibn 'Atiyyah pula ketika memberi tafsiran *fi sabilillah*, beliau menerangkan bahawa tentera yang berjihad boleh mengambil zakat sebagai perbelanjaan peperangan walaupun dia seorang yang kaya. Kemudiannya beliau membawa pendapat Ibn Habib yang menyatakan bahawa zakat *fi sabilillah* tidak diberikan melainkan kepada orang yang fakir. Walau bagaimanapun, Ibn 'Atiyyah menyatakan bahawa Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Imam Ahmad dan Ishak berpendapat bahawa

zakat boleh diberikan kepada orang yang menunaikan haji sama ada dia kaya atau fakir kerana haji itu sendiri adalah *fi sabilillah*. Namun begitu, dana zakat tidak diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti pembinaan masjid, jambatan, membeli mashaf dan sebagainya (Ibn 'Atiyyah, 1983: 6/541).

Al-Qurtubi dalam komentarnya mengenai ayat ini, dia menerangkan bahawa *fi sabilillah* ialah orang yang berperang pada jalan Allah SWT dan persiapan untuk menghadapi perang. Oleh itu, zakat diberikan kepada tentera sebagai persiapan perang sama ada dia kaya atau fakir, dan pandangan ini diambil dari mazhab Imam Malik dan dipegang oleh kebanyakan ulama. Seterusnya al-Qurtubi membawa pandangan Ibn 'Umar bahawa zakat turut diberikan untuk kepada mereka yang menunaikan haji dan umrah. Imam Ahmad dan Ishak pula berkata: "Jalan Allah itu adalah haji" (al-Qurtubi, 1967: 8/185). Menukilkan pendapat yang sama, al-Shawkani mengatakan zakat diberikan kepada orang yang berperang sama ada dia kaya atau fakir dan ia juga dibelanjakan untuk menampung kelengkapan perang. Seterusnya beliau menukilkan pendapat Ibn 'Umar yang menyatakan bahawa *fi sabilillah* ialah orang yang menunaikan haji dan umrah, manakala Imam Ahmad dan Ishak pula menjadikan ibadat haji itu sebagai maksud *fi sabilillah* (al-Shawkani, 1931: 2/356).

Al-Naysaburi pula menafsirkan *fi sabilillah* ialah orang-orang yang berperang. Maka diberi zakat kepada mereka walaupun mereka kaya, dan inilah pendapat Imam Syafi'i dan apa yang terukil di dalam mazhab Malik, Ahmad dan Ishak. Imam Abu Hanifah pula berpandangan bahawa zakat tidak diberikan kepada tentera kecuali pada mereka yang benar-benar memerlukan. Kemudiannya beliau menukilkan pendapat al-Qaffal yang berpandangan bahawa ayat (وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ) secara zahirnya tidak membataskan maksud hanya kepada mereka yang berperang, malah maknanya boleh diperluaskan kepada semua perkara kebajikan seperti menguruskan si mati, membina kubu pertahanan dan memakmurkan masjid kerana itu semua adalah jalan Allah (al-Naysaburi, 1968: 10/116).

Daripada pendapat-pendapat mufassirin ini, dapat difahami bahawa jumhur mereka bersetuju bahawa zakat *fi sabilillah* boleh diagihkan

kepada tentera yang berperang di jalan Allah SWT. Sebilangan besar mereka pula berpandangan bahawa zakat *fi sabilillah* boleh diberikan kepada mereka yang kesempitan yang ingin menunaikan haji dan umrah berdasarkan pendapat Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas dan Ahmad. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa zakat *fi sabilillah* boleh dibelanjakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan.

### c) Pandangan Sarjana Islam Kontemporari

Jika diteliti pandangan-pandangan sarjana kontemporari pula, terdapat dari kalangan mereka hanya bersetuju dengan pandangan ulama silam tanpa membawa tafsiran baru bagi *fi sabilillah*. Tidak kurang juga terdapat tokoh yang cuba membawa nafas baru dalam menafsirkan zakat *fi sabilillah* yang bersesuaian dengan kehendak semasa dan bertepatan dengan roh serta maqasid shariah.

Muhammad Ali Husayn, seorang tokoh fiqh mazhab Hanbali berpendapat bahawa zakat *fi sabillillah* boleh dibelanjakan untuk melaksanakan haji dan umrah kerana ia sabit dalam nas syarak. Beliau menukilkhan pendapat al-Kharqi dan Ahmad yang mengharuskan perkara ini kerana haji itu adalah *sabilullah* (Muhammad, t.t: 240).

Wahbah al-Zuhayli pula menukilkhan pandangan jumhur yang melihat *fi sabilillah* yang dimaksudkan di dalam surah al-Tawbah ialah orang yang berjihad yang tidak diperuntukkan gaji untuk mereka, maka diberikan zakat kepada mereka sama ada mereka kaya atau fakir kerana perkatan al-sabil secara umumnya membawa maksud peperangan dan itulah maksud yang digunakan dalam al-Quran dan sunnah. Realiti hari ini pula menyaksikan bahawa tentera-tentera telah diberi gaji secara bulanan, maka zakat *fi sabilillah* tidak boleh diberikan kepada mereka. Akan tetapi, jika keadaan yang mendesak atau suasana perang yang memerlukan pembelian senjata atau wang diperlukan untuk mengupah orang awam membantu tentera semasa peperangan, ketika ini zakat *fi sabilillah* boleh digunakan.

Wahbah al-Zuhayli turut menyatakan pendapat Imam Ahmad bahawa haji itu adalah *fi sabilillah*, maka diberikan zakat kepada mereka yang ingin menunaikan haji. Beliau turut menukilkhan pandangan al-Hanafiyah

bahawa sebahagian mereka menafsirkan *fi sabilillah* sebagai menuntut ilmu. Manakala al-Kasani pula berpandangan zakat *fi sabilillah* boleh dibelanjakan untuk semua perkara kebajikan seperti memakmurkan masjid, menguruskan jenazah dan sebagainya (al-Zuhayli, 1990: 10/273).

Ahmad Farah 'Aqilan pula berpandangan bahawa zakat *fi sabilillah* dibelanjakan untuk menyediakan tentera dan mujahidin, membina kilang senjata, menyediakan gudang senjata dan memberi jaminan kepada keluarga tentera dalam rangka untuk menegakkan kalimah Allah SWT. Sebahagian ulama pula berpendapat harus zakat *fi sabilillah* itu diberikan kepada jemaah haji kerana keluarnya mereka menunaikan haji adalah *fi sabilillah* ('Aqilan, 2001: 2/14). Seorang tokoh gerakan Islam, Sa'id Hawwa berpandangan bahawa wajib seseorang muslim membelanjakan harta zakat bagi tujuan memperkasakan dakwa dan melaksanakan jihad. Ramai ulama juga telah berfatwa bahawa harus diberikan harta zakat kepada gerakan-gerakan jihad (Sa'id Hawwa, 1989: 4/2311).

Fatwa Syeikh Jad al-Haq yang menyatakan bahawa harus dana zakat *fi sabilillah* digunakan untuk membiayai projek penubuhan hospital jantung termasuk pembelian peralatan moden bagi mengatasi masalah jantung. Zakat juga boleh digunakan untuk membiayai kos mengawal, merawat dan menjalankan penyelidikan ilmiyah untuk kepentingan fakir miskin yang tidak berkemampuan. Usaha ini penting demi melahirkan umat Islam yang sihat dan gagah (Jad al-Haq, t.t: 8/2815,2819).

Yusuf al-Qaradawi pula merumuskan bahawa zakat *fi sabilillah* dibelanjakan untuk urusan peperangan. Walaubagaimanapun, perang *fi sabilillah* pada hari bukan semata-mata mengangkat senjata dan menumpahkan darah. Oleh itu, agihan zakat menurut al-Qaradawi meliputi jihad-jihad seperti berikut:

- i. Membebaskan negara Islam dari belenggu undang-undang dan jajahan kuffar yang terdiri dari yahudi, nasrani, ethis, komunis dan sekularis. Contohnya apa yang berlaku di Palestin, Kashmir, Somalia barat dan selainnya;
- ii. Mengembalikan masyarakat kepada budaya Islam dengan mengembeling tenaga pakar dalam satu institusi yang sistematis

untuk mengajak masyarakat Islam menghayati ajaran Islam. Ini termasuklah menyebarkan agama Islam kepada bukan Islam supaya mereka memahami Islam dengan wajahnya yang sebenar seterusnya membentuk kehidupan yang seimbang dalam masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya; dan

- iii. Melengkapkan keperluan jihad dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan media dengan melipatgandakan usaha membina umat Islam melalui pelbagai kegiatan Intelektual. Demikian juga media cetak dan media lainnya mempunyai peranan dalam mengajak manusia menjadi hamba Allah SWT, bukan manusia yang kufur (Mujaini Tarimin, 2005: 78)

Menurut Persidangan Fiqh Islam kali ke-9 yang berlangsung di Arab Saudi, persidangan memutuskan bahawa terdapat dua tafsiran untuk ayat (وفي سبيل الله). Pertamanya, tafsiran yang mengkhususkan pemberian zakat *fi sabilillah* hanya kepada orang yang berperang pada jalan Allah SWT. Keduanya, tafsiran yang lebih umum meliputi segala perkara kebijakan seperti membina masjid, sekolah, jambatan, menyebarkan dakwah dan lain-lain aktiviti yang membawa manfaat kepada agama dan umat Islam. Termasuk juga dalam pandangan kedua ini keharusan menunaikan haji dan umrah melalui zakat *fi sabilillah*. Hanya sebilangan kecil sahaja ulama silam yang berpegang dengan pendapat kedua, namun ia menjadi pilihan kebanyakan sarjana Islam semasa (Abd al-'Aziz bin Baz et.al, 1984)

## KESIMPULAN

Secara umumnya, lafaz *al-sabil* yang digunakan dalam al-Quran membawa pelbagai makna antaranya, ketaatan, pemberian, jalan, dakwah, agama dan cara hidup. Di dalam surah at-taubah yang menerangkan tentang asnaf zakat, al-Quran tidak menerangkan secara khusus makna ayat (وفي سبيل الله), yang mana seterusnya ia menjadi perbahasan dikalangan ulama. Pandangan-pandangan ulama berkenaan agihan zakat *fi sabilillah* dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Jumhur ulama berpandangan bahawa zakat *fi sabilillah* diberikan kepada tentera. Jika diteliti penggunaan ayat (وفي سبيل الله) selalunya membawa maksud jihad dan berperang kerana ia sering digandingkan dengan perbuatan berperang dan dibunuhi. Contohnya:

وَلَا تَحْسِنَ الَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاهُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرَزَّقُونَ

Maksudnya: “dan jangan sekali-kali kamu menyangka orang yang terbunuh (kerana berperang) di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup, disisi tuhannya mendapat rezeki” (Ali-'Imran: 169);

- ii. Sebahagian ulama, khususnya sarjana Islam semasa berpandangan bahawa maksud ayat (وفي سبيل الله) ialah segala bentuk aktiviti kebajikan yang membawa manfaat kepada agama dan kaum muslimin termasuklah membina hospital, melakukan penyelidikan, membina sekolah, membantu organisasi dakwah dan sebagainya; dan
- iii. Sebilangan besar ulama, khususnya dari kalangan al-Hanabilah yang berpandangan bahawa zakat asnaf *fi sabilillah* boleh diaghikkan kepada kaum muslimin untuk melakukan haji dan umrah. Pendapat ini agak kuat dari sudut penghujahannya kerana ia disokong oleh sebahagian para sahabat seperti Abdullah bin 'Umar dan Abdullah bin 'Abbas. Tambahan pula, pendapat ini disokong oleh beberapa hadis antaranya hadis Ummu Ma'qal yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang sahih.

#### **a) SYARAT-SYARAT MENUNAIKAN HAJI MENGGUNAKAN DANA ZAKAT**

Melalui sorotan terhadap beberapa pandangan para sarjana Islam, majoriti sarjana yang membenarkan dana zakat asnaf *fi sabilillah* digunakan untuk menunaikan haji bersepakat dengan satu syarat, bahawa status fakir mestilah wujud seseorang yang ingin memohon zakat *fi sabilillah* bagi menunaikan haji. Kefakiran menurut Imam al-Syafi'i dan Ahmad ialah orang yang tidak memiliki harta dan sumber pekerjaan yang halal untuk menampung keperluan asas diri dan tanggungannya seperti makan, minum, tempat penginapan dan persalinan. Keperluan yang dapat ditampung hanya setakat 40% atau kurang daripada keperluan harian yang sepatutnya (Mujaini Tarimin, 2005: 11).

Menurut amalan Lembaga Zakat Selangor, Negeri Selangor telah menetapkan beberapa kriteria untuk memastikan seseorang itu berstatus fakir. Antara kriterianya ialah:

- i. Beragama Islam dan menetap di Selangor;
- ii. Mempunyai pekerjaan tidak halal;
- iii. Pendapatan yang tidak mencapai 50% had kifayah;
- iv. Tidak mampu menyara kehidupan diri sendiri dan tanggungan;
- v. Telah mendapat bantuan dari mana-mana pihak, namun tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri dan tanggungan; atau
- vi. Hilang tempat bergantung atau teraniaya.

Syarat kefakiran diletakkan bagi orang yang ingin menunaikan haji mempunyai beberapa signifikan iaitu: pertamanya, seperti mana yang dijelaskan oleh al-Zarirani bahawa seorang yang menunaikan haji, jika dia mengambil wang zakat maka wang tersebut dibelanjakan hanya untuk maslahah dirinya, namun jika dia seorang fakir, status fakir itu menyebabkan hilangnya maslahah tersebut. Keduanya, jika seseorang itu kaya dan mempunyai material yang cukup, maka dia sebenarnya telah wajib menggunakan hartanya untuk melaksanakan haji, hal ini berlainan dengan fakir.

## PENUTUP

Tuntasnya, terdapat keperluan yang amat sangat untuk mendefinisikan semula asnaf *fi sabilillah* dengan tafsiran yang lain selain berjihad di jalan Allah SWT. Hal ini penting supaya usaha untuk meningkatkan sosio-ekonomi, pendidikan dan kemajuan umat Islam dapat diperkasakan. Antara tafsiran yang sangat perlu diberi perhatian ialah tafsiran yang mengatakan bahawa zakat *fi sabilillah* boleh digunakan untuk membantu asnaf fakir menunaikan haji. Dalam realiti masyarakat muslim Malaysia hari ini yang bersemangat dalam melakukan amal islami jika dibandingkan dengan beberapa dekad yang lalu, adalah wajar

jika zakat diagihkan kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk menunaikan haji, dalam masa yang sama, syiar dan keadilan Islam serta ketelusan pusat zakat akan turut dirasai oleh semua peringkat masyarakat sesuai dengan prinsip Islam yang menjunjung keadilan dan kesaksamaan.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

'Abd al-Aziz bin Abd Allah bin Baz et. Al. (1984), Persidangan Fiqh Islami kali Ke-8, Makkah al-Mukarramah.

'Abd al-Haq bin 'Atiyyah (1983), al-Muharrar al-Wajiz, Qatar: Tab'ah Dawlah.

'Abd Allah bin Ahmad (1981), Kitab Masa'il al-Imam Ahmad Riwayah Ibnihi, Beirut: al-Maktab al-Islami.

Abd al-Rahman bin Muhammad (t.t), Majma' al-Anhar, Beirut: dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Abu Bakr, Ibn al-'Arabi (1941), Ahkam al-Qur'an, Dar 'Isa al-halabi.

Al-baghawi, al-Husayn bin Mas'ud (1983), Sharh al-Sunnah, Beirut: al-Maktab al-Islami.

Al-Buhuti, Mansur (t.t), Kashshaf al-Qina', Beirut; 'Alam al-Kutub.

Al-Dusuqi (t.t) Hashiyat al-Dusuqi, Isa al-Babi al-Halabi.

Al-Fanisan, Saud (2003), Wa Fi Sabilillah, Riyadh: Maktabah tawbah.

Al-Kasani, Mas'ud (1982), Badai' al-Sanai', Beirut: dar al-Kitab al-'Arabi.

Al-Mardawi, 'Ali bin Sulayman (1957), al-Insaf.

Al-Nawawi, Muhy al-Din (t.t), al-Majmu', Mesir: al-Maktabah al-'Alamiyyah.

Al-Naysaburi, Hasan Muhammad (1968), Gharaib al-Qur'an, Maktabah al-Bab al-Halabi.

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (1967), al-Jami' al-ahkam al-Quran, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.

Al-Qurtubi, Muhammad bin Rushd (1988), al-Bayan wa al-Tahsil, Beirut: dar al-Gharb al-Islami.

Al-Sajistani, Abu Dawud (2008), Sunan Abi Dawud, Riyadh: dar al-Ma'arif.

Al-Sam'ani, Abu al-Muzaffar (1997), Tafsir al-Quran, Riyadh: Dar al-watan.

Al-Samarqandi, Muhammad bin Ahmad (t.t), Tuhfah al-Fuqaha, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Samiri, Muhammad bin 'Abd Allah (1993), al-Mustaw'ib, Riyadh: Maktabah Dar al-Ma'arif.

Al-Sarakhsy (1986), al-Mabsut, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (1968), al-'Um, Kitab al-Sha'b.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir (t.t), Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Quran, Mesir: Dar al-Ma'arif.

Al-Tayyibi, al-Husayn bin 'Abd Allah (1997), Sharh al-Tayyibi, Riyadh: Maktabah Mustafa al-baz.

Al-Zamakhshari, Muhammad bin 'Umar (1987), al-Kashshaf, Beirut: Dar al-kutub al-'Arabi.

Al-Zuhayli, Wahbah (1990), al-tafsir al-Munir, Damsyiq: Dar al-Fikr.

Ibn 'Abd al-Bar (1993), al-Istdihkar, Kaherah: Dar al-wa'y al-Islami.

Ibn Manzur (1996), Lisan al-'Arab, Beirut: Dar Ihya' al-turath al-'Arabi.

Jad al-Haq, (t.t) al-Fatawa al-islamiyyah.

Mahmud Shaltut (t.t) al-Islam 'Aqidah wa al-Shariah, Kaherah: Dar al-Qalam.

Majd al-Din bin Taymiyyah (1950), al-Muharrar fi al-Fiqh, Riyadh: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.

Muhammad Ali Husayn (t.t), al-Zawaiid, al-Qahirah: Maktabah al-Salafiyyah.

Muhammad bin Muflih (1960), al-Furu'.

Mujaini bin Tarimin (2005), Golongan Penerima Zakat, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Said Hawwa (1989), Al-Asas fi al-Tafsir, Dar al-Salam.

<http://blog.e-zakat.com.my/?p=618>, diakses pada 14 Februari 2012.

